

"AL-QURAN ini menjadi panduan bagi manusia dan petunjuk serta rahmat bagi kaum yang meyakini (kebenarannya)".
Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-Jathiyah, ayat 20.



Berita Utama

JANGAN LUPA KEWAJIPAN ASASI DALAM MERAIKAN HARI RAYA

Oleh : Nur Amalia Alisha Daud
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 20 Mac. - Hari Raya dikenali sebagai Hari Keriaan atau Kegembiraan. Namun bagi kita orang Islam, keriaan atau kegembiraan itu memerlukan kawalan. Di antara langkah mengawal itu ialah supaya setiap kita tidak sampai terlajak mengikutkan hati dan emosi semata-mata, sehingga boleh melupakan kewajipan asasi seperti sembahyang.

Di samping itu, etika berhari raya juga menghendaki kita supaya mengambil tahu keadaan saudara-saudara kita seugama, contohnya kita dituntut menunaikan Zakat Fitrah bagi menolong meringankan bebanan hidup para fakir dan miskin. Lebih jauh lagi dari itu, kita juga turut diminta untuk melihat dengan mata dan hati simpati terhadap saudara-saudara seugama kita, sekalipun mereka itu berjauhan tempat.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Istana Nurul Iman.

>> Muka 2



SAMBUTAN Nuzul, Khatam Al-Quran Kementerian Pertahanan

Muka 16



BICTA 2026 memperkenalkan Anugerah Penaung Diraja

Muka 17



PROGRAM Kembara Amal Ramadan : Memperkukuh ikatan antara pihak kerajaan, masyarakat memerlukan

Muka 18

Kelestarian hutan asas kestabilan ekonomi global

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 21 Mac. - Setiap tahun pada 21 Mac, Negara Brunei Darussalam (NBD) bersama masyarakat antarabangsa memperingati Hari Hutan Antarabangsa bagi meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan hutan kepada kesejahteraan manusia dan pembangunan mampan.

Tema sambutan pada tahun ini, 'Hutan dan Ekonomi', menegaskan bahawa hutan bukan sekadar khazanah alam, malah merupakan aset strategik negara yang menyokong kestabilan ekonomi, daya tahan serta kemakmuran jangka panjang.

Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin dalam perutusan sempena Hari Hutan Antarabangsa 2026.

>> Muka 15

Memperkukuh tadbir urus pengurusan zakat, wakaf

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 Mac. - Keberkesanan zakat dan wakaf tidak hanya diukur melalui angka jumlah kutipan semata-mata.

Keberkesannya diukur berasaskan kepada tiga aspek utama iaitu ketelusan proses, keberkesanan penyampaian dan impak sebenar.

Perkara tersebut dinyatakan menerusi Kenyataan Menteri bertajuk 'Memperkukuh Tadbir Urus Zakat dan Wakaf Ke Arah



Kesejahteraan Rakyat yang Mampan' yang disampaikan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman, pada Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, pagi tadi.

>> Muka 3

NBD sambut Syawal, 21 Mac

Oleh : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 Mac. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato

Paduka Awang Haji Othman, selaku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dengan ini memaklumkan bahawa ketetapan 1 Syawal 1447 Hijrah bagi Negara Brunei Darussalam (NBD) jatuh pada Sabtu, 1 Syawal 1447H bersamaan 21 Mac 2026M.

Hasil merukyah anak bulan Syawal 1447H pada petang tadi telah diumumkan secara langsung melalui Radio Televisyen Brunei (RTB), Jabatan Perdana Menteri.

>> Muka 15



MENJAGA tutur kata semasa berhari raya

Muka 29

Jangan lupa kewajipan asasi dalam meraikan Hari Raya

>> Muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian dalam Titah Perutusan sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Istana Nurul Iman, di sini.

Jelas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pada masa ini, ada golongan yang lapar tanpa makanan, ada juga yang ditimpa musibah sampai kehilangan rumah kediaman, kehilangan harta benda dan paling malang lagi menjadi mangsa peperangan.

"Semua ini, perlu kita lihat dengan mata dan jiwa simpati. Sekiranya kita tidak berupaya untuk membantu mereka dengan mata benda, maka dengan 'doa' adalah tetap dituntut. Mengapa?" tegas Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Kerana persaudaraan seagama itu titah baginda adalah persaudaraan yang suci, sehingga Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sendiri melalui riwayat Muslim, telah bersabda maksudnya :

"Perumpamaan orang-orang beriman dalam perkara saling mencintai adalah seperti satu tubuh, apabila salah satu anggota sakit, maka seluruh tubuh itu akan turut sakit, tidak dapat tidur dan demam".

Demikian itulah tegas Kebawah DYMM lagi, hakikat dan harga persaudaraan seagama yang dibina atas dasar iman, yang menjadikannya tetap kukuh tidak mudah digugat.

Baginda melahirkan harapan agar Negara Brunei Darussalam mampu untuk jadi pengamal dasar ini, dengan terus menggalakkan perpaduan melalui amalan saling simpati dan membantu, sekurang-kurangnya membantu dengan doa.

"Baru-baru ini, sebagai tanda simpati kepada saudara-saudara seagama yang ditimpa musibah, maka beta telah menitahkan pihak berkenaan untuk

menambah Doa Hajat yang lazim kita baca pada masa ini dengan sedikit tambahan doa baharu," titah baginda lagi.

Terdahulu dalam titah, Kebawah DYMM menyatakan rasa teruja kerana dapat lagi menyambut Hari Raya Fitrah dalam suasana aman dan sejahtera.

Aidilfitri adalah kurnia Allah kepada para hamba-Nya yang taat setia menjunjung titah perintah melaksanakan ibadat

■ Oleh : Nur Amalia Alisha Daud

puasa. Selaku ianya kurnia, adalah wajib bagi kita untuk menjawatnya dengan rasa penuh bersyukur.

Bagaimanakah kita bersyukur itu, jelas baginda, mula-mula kita disunatkan bertakbir dan bertahmid membesarkan Allah selaku pengurnia nikmat, dan kemudian berikutnya dituntut pula kita ke masjid untuk menunaikan Sembahyang Sunat

Hari Raya.

"Akhirnya, beta dan seluruh ahli kerabat beta dengan sukacita mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri Al-Mubarak kepada semua lapisan rakyat dan penduduk di mana sahaja mereka berada. Semoga dengan izin Allah jua, kita semua dapat menjalani sambutan ini dalam keadaan sihat dan sejahtera," akhir titah baginda.

"BARU-baru ini, sebagai tanda simpati kepada saudara-saudara seagama yang ditimpa musibah, maka beta telah menitahkan pihak berkenaan untuk menambah Doa Hajat yang lazim kita baca pada masa ini dengan sedikit tambahan doa baharu".

WAKTU SEMBAHYANG										
MAC MASIHI	HARI	SYAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
21	SABTU	1	4.57	5.07	6.24	6.46	12.29	3.36	6.31	7.40
22	AHAD	2	4.57	5.07	6.24	6.46	12.28	3.35	6.31	7.40
23	ISNIN	3	4.56	5.06	6.23	6.46	12.28	3.34	6.31	7.40
24	SELASA	4	4.56	5.06	6.23	6.45	12.28	3.33	6.30	7.39
25	RABU	5	4.55	5.05	6.22	6.45	12.27	3.32	6.30	7.39
26	KHAMIS	6	4.55	5.05	6.22	6.44	12.27	3.32	6.30	7.39
27	JUMAAT	7	4.54	5.04	6.22	6.44	12.27	3.31	6.30	7.39

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
	SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan	32 25 °C	31 26 °C	32 26 °C
Pekan Bangar	32 25 °C	31 26 °C	31 26 °C
Pekan Tutong	32 25 °C	31 25 °C	31 26 °C
Kuala Belait	32 25 °C	31 26 °C	32 26 °C

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG

21 MAC 2026

Bergema takbir, malam kemenangan telah tiba

BULAN Ramadan yang mulia telah melabuhkan tirainya. Umat Islam di seluruh dunia menyambut saat yang penuh makna ini dengan penuh rasa syukur. Tanda yang paling syahdu bagi kedatangan 1 Syawal atau Hari Raya Aidilfitri, adalah bergemanya laungan takbir di mana-mana. "Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, La ilaha illallah, Wallahuakbar, Allahuakbar Walillahil Hamd". Laungan takbir ini bukan sekadar tradisi tahunan, tetapi ia adalah seruan kerohanian yang menandakan hari kemenangan bagi umat Islam setelah berjaya menahan diri daripada lapar, dahaga dan melawan nafsu selama satu bulan.

Tradisi bertakbir pada malam raya ini memiliki kedudukan yang istimewa dalam syiar Islam. Ia disyariatkan sebagai bentuk memuliakan Allah Subhanahu Wata'ala atas segala nikmat, terutamanya kejayaan umat Islam menunaikan Rukun Islam Keempat. Sebagaimana firman Allah Subhananhu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah dalam ayat 185, Surah Al-Baqarah, tafsirnya : "(Masa yang diwajibkan kamu berpuasa itu ialah pada) bulan Ramadan yang diturunkan padanya Al-Quran sebagai petunjuk kepada manusia dan sebagai keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk itu dan menjelaskan perbezaan antara yang benar dengan yang salah".

Takbir raya kebiasaannya menjadi kemuncak kemeriahan malam raya. Bermula dari surau dan masjid, takbir bergema melalui pembesar suara, seolah-olah merentas ruang dan masa. Masyarakat, tua dan muda, akan berkumpul beramai-ramai di masjid, surau atau mana-mana balai ibadat sambil melaungkan takbir. Suasana ini bukan sahaja menguatkan lagi syiar Islam, malah menjadi tanda perpaduan masyarakat. Ia menghidupkan malam yang sunyi menjadi medan silaturahim, mengeratkan ikatan kejiwaan serta kekeluargaan dan mengisi jiwa dengan kegembiraan yang berpaksikan keimanan.

Lebih daripada sekadar tradisi, laungan takbir membawa mesej yang mendalam. Setiap kali "Allahuakbar" diungkapkan, ia mengingatkan kita bahawa kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala mengatasi segala-galanya-mengatasi keletihan berpuasa, mengatasi hawa nafsu, dan mengatasi sebarang perbezaan sesama manusia. Ia adalah deklarasi bahawa kemenangan sebenar adalah kemenangan melawan nafsu dan keegoan. Ia membersihkan hati daripada sifat hasad dengki, membuka ruang untuk kemaafan dan kembali kepada fitrah yang suci.

Maka apabila terdengar takbir bergema pada malam terakhir Ramadan, hati seorang Muslim akan tersentuh. Ia adalah panggilan untuk bergembira dengan cara yang penuh adab, panggilan untuk mengagungkan Pencipta kita Allah Subhanahu Wata'ala dan panggilan untuk menyambut hari kemenangan dengan hati yang bersih. Laungan takbir bukan sahaja tanda kedatangan Syawal, tetapi ia juga merupakan nafas kemerdekaan jiwa dari belenggu dosa, sekali gus mengukuhkan erti syukur dan persaudaraan sejati. - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سنیدین برحد، نگاربرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



MEMPERKUKUH TADBIR URUS PENGURUSAN ZAKAT, WAKAF



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

>> Muka 1

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menjelaskan tiga aspek utama kepada keberkesanan zakat dan wakaf iaitu Ketelusan Proses dalam memastikan setiap sen dana rakyat diurus dengan akauntabiliti tinggi; Keberkesanan Penyampaian dalam mengoptimumkan penggunaan teknologi untuk mempercepatkan agihan zakat dan pengembangan harta wakaf;

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Muhammad Asri Haji Awang Abas

dan impak sebenar dalam memastikan zakat dan wakaf mampu mengubah taraf hidup rakyat secara jangka panjang.

Menurut Yang Berhormat lagi, pembentangan ini juga menghuraikan empat fokus utama pencapaian dan satu fokus khusus mengenai hala tuju (*way forward*) Kementerian melalui Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal bagi memperkukuh tadbir urus zakat dan wakaf.

Fokus pertama, jelas Yang Berhormat, iaitu Tadbir Urus Kutipan Zakat yang sistematik dan berteraskan digital yang mana pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama secara berterusan berusaha memperkukuhkan pengurusan kutipan agar lebih inklusif dengan pelbagai inisiatif telah dan terus dilaksanakan melalui beberapa pendekatan.

Seperti, Pemerksaan sistem pengurusan kutipan yang lebih tersusun; Kepelbagaian saluran pembayaran bagi memudahkan pembayar zakat (*muzakki*);

dan Pendekatan kesedaran berterusan mengenai kewajipan zakat sebagai tanggungjawab agama dan sosial.

Ujar Yang Berhormat, hasil daripada inisiatif-inisiatif tersebut dihasratkan agar proses kutipan menjadi lebih teratur, lebih mudah diakses dan lebih diyakini oleh masyarakat.

Adapun kesan daripada inisiatif-inisiatif tersebut telah dapat dilihat melalui hasil kutipan Zakat Fitrah Tahun 1446H/2025M, dengan jumlah keseluruhan ialah BND1,034,413.03 berbanding BND1,010,126.04 pada tahun 1445H/2024M, iaitu peningkatan sebanyak 2.4 peratus bersamaan BND24,286.99.

"Jumlah pembayar zakat (*muzakki*) juga meningkat kepada 393,443 orang, berbanding 357,436 orang pada tahun sebelumnya, iaitu pertambahan 36,007 orang (10.07 peratus)," jelas Yang Berhormat.

Daripada jumlah keseluruhan tersebut menurut Yang Berhormat lagi, sebahagian kutipan adalah

melalui pembayaran secara dalam talian, yang mencatatkan sebanyak BND387,372.38 dengan 165,094 orang *muzakki* berbanding BND350,653.70 dengan 118,842 orang *muzakki* pada tahun sebelumnya iaitu peningkatan 10.47 peratus (BND36,718.68).

Tambah Yang Berhormat lagi, bagi kutipan Zakat Harta bagi Tahun 1446H - 1447H/2025M pula mencapai sebanyak BND20,371,761.96, berbanding

BND20,186,634.75 pada tahun 1445H/2024M, iaitu peningkatan sebanyak 0.92 peratus bersamaan kira-kira BND185,127.23.

Daripada jumlah tersebut, ujar Yang Berhormat, sebahagian kutipan adalah melalui kaedah potongan automatik, ATM/CRM dan secara dalam talian, yang mencatatkan sebanyak BND4,166,345.17 dengan jumlah *muzakki* seramai 3,587 orang bagi tahun 1446H/2025M.

FOKUS pertama, jelas Yang Berhormat, iaitu Tadbir Urus Kutipan Zakat yang sistematik dan berteraskan digital yang mana pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama secara berterusan berusaha memperkukuhkan pengurusan kutipan agar lebih inklusif dengan pelbagai inisiatif telah dan terus dilaksanakan melalui beberapa pendekatan. Seperti, Pemerksaan sistem pengurusan kutipan yang lebih tersusun; Kepelbagaian saluran pembayaran bagi memudahkan pembayar zakat (*muzakki*); dan Pendekatan kesedaran berterusan mengenai kewajipan zakat sebagai tanggungjawab agama dan sosial.

Pendekatan menyeluruh tangani isu buli



YANG Berhormat Menteri Pendidikan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 20 Mac. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh berkata bahawa pendekatan menyeluruh sedang dilaksanakan melalui pembangunan rangka kerja dasar pencegahan menangani isu buli dengan melibatkan kerjasama agensi berkepentingan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan menegaskan bahawa Kementerian Pendidikan akan berusaha untuk menangani dan mencegah isu buli ini di sekolah yang mana pendekatan menyeluruh sedang dilaksanakan melalui pembangunan rangka kerja dasar pencegahan menangani isu buli dengan melibatkan kerjasama agensi berkepentingan seperti Pasukan

Polis Diraja Brunei, Kementerian Kesihatan dan jua Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Rangka kerja ini memberi tumpuan kepada pengukuhan kepada sistem pelaporan, pemantauan, perlindungan pelajar serta pembentukan budaya sekolah yang selamat dan inklusif.

Tambah Yang Berhormat lagi, banyak aktiviti yang dibuat seperti Program B.E.S.T ataupun Bantu Empati Sayangi dan Tanggungjawab dan juga Program G.I.N.I.S iaitu Galas Insan Nasionalisma Intelektual Stabil yang merangkumi aktiviti kesedaran seperti ceramah dan jua forum.

"Penerapan nilai melalui kurikulum Melayu Islam Beraja (MIB) juga membentuk sahsiah pelajar yang seterusnya insyaaAllah dapat membantu untuk mencegah buli bagi memastikan persekitaran sekolah yang lebih selamat, inklusif dan sejahtera," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan juga berkata bahawa isu buli di pengajian tinggi memang ada juga terjadi walaupun pada skala yang kecil. Bagi menangani perkara ini, Universiti Brunei Darussalam telah menyediakan Healthy University Roadmap iaitu satu inisiatif dengan Pendekatan Dasar Toleransi Sifar ataupun Zero Tolerance Policy terhadap sebarang bentuk gangguan buli.

Tambah Yang Berhormat, dasar-dasar yang digubal di peringkat IPT sebenarnya adalah

selaras dengan piawai ASEAN yang memberi tumpuan khusus kepada isu gangguan buli, jantina, ketidaksamaan serta aspek kesejahteraan pelajar secara holistik.

Menyentuh mengenai usaha memperkukuh minda keusahawanan yang disuarakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat, Yang Berhormat berkata bahawa di peringkat pengajian tinggi ada beberapa aktiviti juga yang telah dilaksanakan.


UBD telah melaksanakan UBD Entrepreneurship Blueprint yang membangunkan ekosistem *startup* pelajar melalui fasa pembangunan idea prototaip sehingga inkubasi.

UBD pula menerapkan elemen keusahawanan melalui projek tahun akhir dan program inkubasi termasuk kejayaan dan mengkomersialkan penyelidikan seperti Syarikat Teknologi Alquatic.

UNISSA pula mewajibkan kursus keusahawanan bagi semua pelajar prasiswazah. Politeknik pun ada juga menganjurkan Entrepreneurship Bootcamp. IBTE menerapkan

module basic enterprise skills dan mengadakan IBTE Launch Entrepreneurship Challenge.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman mengenai strategi dan inisiatif Kementerian Pendidikan dalam memperkukuhkan pendidikan keusahawanan agar lebih ramai graduan bukan sahaja menjadi pekerja tetapi juga mencipta peluang pekerjaan selaras dengan usaha mempelbagaikan ekonomi negara pada hari kelapan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, baru-baru ini.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat.



ANTARA yang hadir pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



KERJASAMA PELBAGAI AGENSI LANCAKANKAN PELAKSANAAN PROJEK BANTUAN PERUMAHAN

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Muhammad Asri Haji Awang Abas



SEKITAR Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 Mac. - Inisiatif perumahan dan kebajikan asnaf tempat tinggal yang selamat adalah asas kepada kesejahteraan.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia

Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman dalam sesi Kenyataan Menteri pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan

Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, jumlah terkumpul dari tahun 2009 hingga 2026, bantuan yang telah disalurkan adalah seperti berikut iaitu pembinaan rumah yang telah dibangunkan adalah sebanyak 128 buah rumah yang mana pada tahun ini saja sejumlah lima buah rumah telah diserahkan di beberapa kawasan iaitu di Kampung Mulaut, Kampung Jaya Setia Berakas, Kampung Sungai Hanching, Kampung Tanah Jambu dan Kampung Serasa.

"Membaiki rumah golongan daif, fakir dan miskin adalah sebanyak 12 buah rumah, yang mana inisiatif bantuan pembinaan dan membaiki rumah adalah bagi membantu golongan asnaf yang berdepan dengan masalah tempat tinggal yang tidak selamat, tidak sesuai didiami atau tidak mempunyai tempat berteduh yang tetap," ujar Yang Berhormat.

Jelas Yang Berhormat, beberapa usaha juga telah dilaksanakan bagi memastikan agihan bantuan perumahan agar dapat disampaikan dengan lebih berkesan yang mana keutamaan bantuan membaiki rumah atau membangunkan rumah asnaf

fakir dan miskin adalah diberikan kepada keluarga yang tinggal di rumah yang uzur, tidak selamat, terdedah kepada banjir dan kerosakan struktur atau tidak lagi ekonomik untuk dibaiki.

Tambahnya, skim bantuan sewa rumah turut dilaksanakan sebagai langkah sementara bagi membantu pemohon yang memerlukan tempat tinggal segera sementara menunggu penyelesaian jangka panjang.

Yang Berhormat menerangkan proses penilaian permohonan turut diperkukuhkan melalui siasatan turun ke lapangan dan penelitian yang lebih terperinci bagi memastikan bantuan disalurkan kepada mereka yang benar-benar layak dan memerlukan.

Selain itu, kerjasama yang erat dengan agensi berkaitan terus diperkukuhkan bagi melancarkan proses pelaksanaan projek bantuan perumahan. Hasil perbincangan bersama pihak Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Perancang Bandar dan Desa turut mengemukakan cadangan beberapa tapak tanah di keempat-empat daerah bagi bantuan membina rumah untuk asnaf yang tidak memiliki tanah.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Dalam pada itu, jelas Yang Berhormat lagi, pihak kementerian juga berdepan dengan beberapa cabaran yang sering timbul dalam isu permohonan bantuan perumahan, antaranya isu pemilikan tanah, pemecahan tanah, tuntutan bil utiliti tertunggak dan perkara-perkara berkaitan yang boleh menjejaskan kelancaran pelaksanaan bantuan rumah.

Sehubungan itu, setiap permohonan dinilai secara menyeluruh bagi memastikan bantuan yang diberikan adalah menepati syarat dan garis panduan yang telah ditetapkan.

Kementerian Pendidikan komited beri sokongan sekolah swasta

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 20 Mac. - Kementerian Pendidikan mempunyai bilangan tenaga pengajar dan bukan tenaga pengajar yang ramai dalam lingkungan BND12 ribu ke atas dan tanpa mengambil kira perbelanjaan kemajuan sebenarnya sebanyak 71 peratus daripada peruntukan tersebut dibayar untuk membayar gaji tenaga pengajar.

Jelas Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Perbelanjaan Berulang-ulang dan daripada 29 peratus tadi, yang diperuntukkan untuk Berulang-Ulang tersebut, 80 peratus adalah digunakan untuk tiga akaun utama.

Demikian dijelaskan oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh berkenaan soalan daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Lau How Teck mengenai peruntukan perbelanjaan BND500 juta bagi Kementerian Pendidikan.

Menurut Yang Berhormat, tiga akaun utama tersebut ialah Pertama : Bantuan Geran, Pemindahan dan Subsidi, Kedua : Perkhidmatan dan Ketiga ialah Penyelenggaraan dan Pembaikan Aset.

Tidak dinafikan sekolah aliran Cina di negara adalah antara sekolah yang awal ditubuhkan dan salah satu daripada sekolah tersebut merupakan sekolah tertua di negara ini. Secara keseluruhannya, terdapat lapan buah sekolah Cina di seluruh negara dengan sekurang-kurangnya sebuah sekolah aliran Cina di setiap daerah.

Alhamdulillah, sekolah-sekolah aliran Cina di negara ini secara konsisten menunjukkan pencapaian yang sangat cemerlang dalam peperiksaan peringkat kebangsaan iaitu Penilaian Sekolah Rendah, PSR dan juga Brunei Cambridge GCE 'O' Level.

Walaupun sekolah-sekolah aliran Cina di Negara Brunei Darussalam ini bertaraf swasta, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tetap sahaja memberikan sokongan yang signifikan bagi memastikan kualiti pendidikan selaras dengan matlamat negara.

Jelas Yang Berhormat ada beberapa bentuk sokongan utama yang diberikan, contoh pertama adalah penyediaan guru

mata pelajaran teras yang mengajar subjek-subjek seperti Melayu Islam Beraja, Bahasa Melayu dan Pengetahuan Ugama Islam.

Yang kedua adalah pemberian tanah. Ada juga sekolah Cina dibina atas tanah yang dianugerahkan atau disewakan oleh kerajaan dengan kadar yang sangat rendah untuk tempoh jangka panjang sebagai tanda sokongan terhadap pembangunan pendidikan Masyarakat.

Yang ketiga adalah bantuan kewangan dan jua elaun pelajar tempatan bagi pelajar yang memegang kad pengenalan kuning, kerajaan memberikan sokongan secara tidak langsung seperti elaun pelajar.

Yang keempat, penyelaras kurikulum kebangsaan. Sekolah Cina menggunakan Sistem Pendidikan Negara Abad Ke-21 yang sama dengan sekolah Kerajaan.

Ini termasuk akses kepada buku teks dan bahan rujukan rasmi penyelaras format peperiksaan awam iaitu PSR dan jua GCE 'O' Level, latihan dan bengkel-bengkel profesional untuk guru-guru dan pemimpin sekolah; dan Yang kelima adalah pengiktirafan dan akreditasi di

mana pelajar-pelajar cemerlang yang memohon biasiswa kerajaan, jika memenuhi syarat kerakyatan untuk menyambung belajar ke peringkat 'A' Level atau universiti.

"Jadinya memang pelajar-pelajar daripada sekolah Cina ini adalah diiktiraf yang membolehkan mereka untuk memohon biasiswa kerajaan. Dan lepasan sekolah Cina juga ada yang memasuki institusi pengajian tinggi awam seperti UBD, UTB dan UNISSA," tegas Yang Berhormat lagi.

Bagi segi pengajaran mata pelajaran bahasa Mandarin di sekolah-sekolah, ia bukan saja dipelajari oleh pelajar-pelajar berbangsa Tionghua tetapi juga pelajar-pelajar bukan berbangsa Tionghua, termasuk pelajar berbangsa Melayu.

Pengajaran bahasa Mandarin ini tidak terhad di sekolah-sekolah aliran Cina tetapi juga ditawarkan sebagai mata pelajaran elektif di beberapa buah sekolah menengah kerajaan di negara ini bersama dengan bahasa-bahasa antarabangsa yang lain yang juga turut ditawarkan.

"Bahasa Mandarin adalah salah satu bahasa asing yang ditawarkan sebagai modul pilihan oleh pusat bahasa bagi



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Lau How Teck.

pelajar-pelajar UBD juga. Secara ringkasnya, Kementerian Pendidikan akan sentiasa komited memberikan sokongan kepada sekolah-sekolah swasta dan tidak terkecuali sekolah-sekolah Cina".

Pada akhir persidangan pada hari kelapan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri Pendidikan menyatakan akan menjawab soalan-soalan yang tidak terjawab secara bertulis.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



BURSA SAHAM NBD BAKAL DILANCARKAN 2027

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 20 Mac. - Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi pada hari kelapan seterusnya mendengarkan jawapan bagi Perbahasan Peringkat Jawatankuasa Perbekalan bagi Rang Undang-undang Perbekalan (2026/2027) dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan bagi Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah berkenaan dengan Bursa Saham (Stock Exchange) Negara Brunei Darussalam (NBD) yang bakal dilancarkan akhir suku ketiga tahun hadapan nanti.

Jelas Yang Berhormat, penubuhan bagi bursa saham berkenaan melibatkan sokongan daripada institusi - institusi kewangan, firma audit, penasihat undang-undang dan syariah, *broker profession*, dan profesional-profesional yang yang berkenaan.

Pada sidang yang berlangsung di Dewan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Bangunan Dewan Majlis, Yang Berhormat berkata, kebanyakan negara-negara ASEAN lain sudah terdapat Bursa Saham mereka sendiri dan dari segi

objektif-objektif bagi setiap negara memang ada perbezaan.

Justeru, Yang Berhormat menambah, bagi NBD mesti dilihat dari segi kelebihan atau manfaat (*benefit*) jika mempunyai satu bursa saham dalam negara dan dari itu Yang Berhormat meminta sedikit masa untuk mengongsikan butiran yang lebih terperinci bagi orang ramai akan lebih memahami mengenai tujuan bagi membentuk Bursa Saham di NBD berserta objektif dan manfaatnya.

Jika dilihat mana-mana negeri yang ada Bursa Saham jelas Yang Berhormat lagi, ia bagi satu peluang bagi syarikat-syarikat tempatan untuk membuat Initial Public Offering atau IPO dan dari itu, dapat diluaskan lagi dana atau *funding* syarikat-syarikat yang membuat IPO itu dapat mengembangkan perniagaan dan sebagainya.

Yang Berhormat kemudiannya mengongsikan pasaran industri kewangan (*financial industry market*) di negara ini sebagai satu pasaran dan ekonomi yang kecil dan justeru, ada beberapa kunci struktur *financial market* yang perlu ditangani dengan teliti.

Jumlah pelabur domestik yang kecil kata Yang Berhormat, jumlah transaksi rendah seperti pembelian saham seperti di Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD) dengan transaksi *liquidity* yang rendah, jadi isu

seperti itu mesti ditangani agar menggalakkan lebih banyak syarikat membuat IPO dan juga orang ramai untuk melabur kepada saham-saham di syarikat tempatan.

Oleh itu, ujar Yang Berhormat, dari segi faedah strategik kepada negara, ia menyokong syarikat - syarikat tempatan ataupun GLC untuk menyenaraikan syarikat dalam Bursa Saham, meningkatkan akses kepada sumber modal tambahan, menyokong operasi dan pertumbuhan perniagaan, memberikan peluang kepada orang awam untuk memperoleh kepentingan pemilikan dalam aset-aset strategik negara, memperkukuhkan tahap ketulusan dan *accountability* awam dalam operasi syarikat, meningkatkan piawaian-piawaian tadbir urus korporat serta amalan pelaporan kewangan.

Tambah Yang Berhormat lagi, beberapa manfaat kepada syarikat-syarikat yang tersenarai di dalam Bursa Saham ini di mana di Bursa Saham ini juga mewujudkan saluran langsung yang membolehkan orang awam untuk turut serta dalam pertumbuhan ekonomi negara melalui *instrument equity* dan *fixed income* ataupun sukuk yang disenaraikan di Bursa Saham.

Orang awam kata Yang Berhormat, dapat menyertai pengagihan *dividen* daripada perusahaan yang produktif, mendapatkan manfaat daripada peningkatan nilai modal *capital appreciation* dari semasa ke

semasa, membina dan memelihara kejayaan isi rumah dalam jangka panjang, meningkatkan literasi kewangan dan keupayaan pelaburan dalam kalangan masyarakat.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, jika orang ramai ingin melabur untuk masa panjang, *instrument* yang terdapat di bank-bank yang ada di dalam negeri hanya setahun ataupun kadang-kadang ada *investment certificate* paling panjang tiga tahun. Jadi untuk membuat perancangan bagi masa hadapan, pendidikan kanak-kanak ataupun persaraan, tidak ada *instrument* yang berpanjangan.

Dari itu, Yang Berhormat seterusnya menyatakan jika Bursa Saham akan dilancarkan nanti, boleh disenaraikan sukuk yang berpanjangan 10 tahun, 15 tahun dan sebagainya yang juga merupakan antara salah satu faedahnya. Namun, bagi syarikat-syarikat yang tersenarai dalam Bursa Saham mesti mengikuti beberapa kewajipan yang dikenakan termasuk dari segi pengauditan penyata kewangan selain beberapa perwakilan lembaga pengarah bebas mesti ada *oversight* dalam aktiviti perniagaan dan sebagainya serta faedah lain seperti menjana lebih banyak kerja profesional antaranya *research analyst, investment making professionals, compliance officers* dan sebagainya.

Sekiranya Bursa Saham ini



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

ditubuhkan di NBD jelas Yang Berhormat, orang ramai dapat melibatkan diri dalam *investment* di syarikat tempatan dan sekali gus menyokong ekonomi dalam negara selain perancangan untuk pelaburan masa depan.

Jadi sebelum setiap hujung bulan kata Yang Berhormat, mungkin ada sebahagian gaji sudah diperuntukkan untuk pelaburan. Dengan Bursa Saham itu juga, syarikat-syarikat dapat mempertingkatkan disiplin dan *accountability* dan juga *transparency*.

Sehubungan itu ujar Yang Berhormat lagi, dengan faedah-faedah Bursa Saham yang diterangkan itu insyaAllah ada satu langkah untuk kita terus memajukan, mengembangkan ekonomi negara dan juga meningkatkan kemahiran serta kefahaman dan *financial literacy* orang ramai.

Usaha Kementerian Pendidikan rapatkan jurang peratus pelajar PSR

"MEMANG perkara ini sudah *diidentify*, memang kita sudah *acknowledge* perkara sedemikian. Sebab *atutah* sebenarnya satu kajian telah dijalankan beberapa tahun yang lalu oleh Jabatan Penyelidikan di Kementerian Pendidikan di mana sebenarnya 5 'A' to 'C' *atu* belum mencukupi sebagai satu *percentage* yang boleh dibawa ataupun supaya *kitani* macam, *this is the percentage that we are going to get that 5 years in the future, into the future,*"

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 20 Mac. - Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan telah menetapkan enam program sebagai fungsi utama kementerian dengan objektif masing-masing bagi Belanjawan 2026 / 2027.

Seterusnya, Yang Berhormat turut mempersoalkan mengenai Petunjuk Prestasi Utama dan apakah usaha pihak kementerian merapatkan jurang antara peratus pelajar memperoleh 5 'A' to 'C', 'A' ke 'C' dalam ujian PSR dengan peratus pelajar yang memperoleh sekurang-kurangnya 5 'O' Level

dan IGCSE kerana Yang Berhormat melihat apabila kohort pelajar yang memperoleh 5 'A' hingga 'C' masuk ke menengah, peratus yang mendapat 5 'O' Level berkurangan.

"Memanglah PSR dan IGCSE berlainan peperiksaan tetapi dapatkah jurang itu diperbaiki. Apakah sebab jurang ini dan bagaimana untuk memastikan pelajar yang cemerlang di PSR akan juga berjaya di IGCSE?" kata Yang Berhormat Ahli MMN pada hari kelapan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi bertempat di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, baru-baru ini.

Justeru, menjawab persoalan yang dikemukakan itu, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh berkata bahawa satu pengamatan daripada Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman mengenai dengan nampaknya ada jurang daripada peratus pelajar-pelajar yang mendapat 5 'A' to 'C' tetapi sudah dapat 5 'O' Level selepas lima tahun kemudian ataupun empat tahun kemudian, nampak ada penurunan.

"Memang perkara ini sudah *diidentify*, memang kita sudah *acknowledge* perkara sedemikian. Sebab *atutah* sebenarnya satu kajian telah dijalankan beberapa tahun yang lalu oleh Jabatan Penyelidikan di Kementerian Pendidikan di mana sebenarnya 5 'A' to 'C' *atu* belum mencukupi sebagai satu *percentage* yang boleh dibawa ataupun supaya *kitani* macam, *this is the percentage that we are going to get that 5 years in the future, into the future,*" tambah Yang Berhormat.

Sebenarnya, ujar Yang Berhormat Menteri Pendidikan, kalau ingin melihat ada korelasi antara berapa peratus 'A' to 'C' dengan 5 'O' Level *atu*, lihat kepada 5 'A' to 'B' akan nampak korelasinya.

Tambah Yang Berhormat, walaupun keputusan yang dipaparkan hanya menunjukkan peratusan Gred 'A' hingga 'C', sebenarnya terdapat juga data peratusan pelajar yang memperoleh Gred 'A' hingga 'B'.

Itulah sebenarnya ukuran yang digunakan untuk mengenal pasti pelajar yang, insyaaAllah, berpotensi untuk memperoleh keputusan 'O' Level dalam tempoh lima tahun akan datang.

Terdahulu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi menzahirkan terima kasih kepada Menteri Pendidikan dan mengucapkan tahniah sekali lagi atas kejayaan Universiti Brunei Darussalam, Universiti Teknologi Brunei dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali menaikkan kedudukan masing-masing dalam kedudukan (*ranking*) universiti dunia.

Yang Berhormat Ahli MMN



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

menghargai usaha-usaha yang telah dibuat oleh Kementerian Pendidikan menaikkan taraf pendidikan berkualiti di negara dan telah banyak menunjukkan kemajuan dalam beberapa bidang.

"Tanggungjawab ini bukanlah satu, ia bukan satu tanggungjawab yang ringan tetapi amat berat dan harus dipikul oleh semua pihak yang berkenaan," jelas Yang Berhormat Ahli MMN.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PUSAT MEMPROSES MAKANAN DIHASRAT MENINGKATKAN PENGHASILAN PRODUK TEMPATAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 20 Mac. - Persoalan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim mengenai usaha pameran produk halal ke peringkat antarabangsa juga turut dikemukakan pada Perbahasan Peringkat Jawatankuasa Perbekalan bagi Rang Undang-undang Perbekalan (2026/2027) dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan pada hari kelapan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN,

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Muhammad Asri Haji Awang Abas

Bangunan Dewan Majlis, di sini. Justeru, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menyatakan bahawa usaha Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) sememangnya membuat dengan mempromosi produk-produk tempatan keluar negara termasuk Negara Brunei Darussalam (NBD) *made product* di Republik Singapura dan sebagainya.

Menurut Yang Berhormat, Alhamdulillah dari pengalaman mengikuti ekspso di Republik Singapura itu telah mendapat sambutan dan banyak yang berminat dengan produk NBD.

Namun kata Yang Berhormat, kita mesti memperkuatkan lagi *production base* dan demi mempertingkatkan *production* berkenaan, kerajaan akan membangunkan Pusat Memproses Makanan (Food

Processing Centre) yang dijangka akan siap pada tahun ini yang bukan hanya untuk kegunaan GLC malah juga dibukakan kepada pihak swasta.

Production Facility tersebut kata Yang Berhormat, memenuhi standard kebangsaan termasuk *good manufacturing practice* dan sebagainya.

Mengenai dengan Brunei Green Economy Framework, Yang Berhormat menyatakan bahawa beberapa aktiviti telah dikenal pasti seperti solar panel, *renewable energy*, *carbon capture utilisation*, *carbon capture storage* dan sebagainya. Dalam perbincangan bersama Kerajaan United Kingdom,

ada beberapa persediaan perlu dibuat seperti kemahiran, *regulation financing* dan sebagainya bagi sama-sama berkolaborasi dalam mewujudkan asas (*foundation*) yang lebih kukuh dan kemudiannya dapat memanfaatkan beberapa bidang

yang telah dikenal pasti dalam Brunei Green Economy Framework.

Seterusnya mengenai dengan Special Economic Zone pula jelas Yang Berhormat, *kitani* telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) yang dimeterai pada Februari 2025 lalu yang mana projek itu lebih *complicated* kalau dibandingkan dengan projek-projek FDI yang lain. Justeru, Special Economic Zone ini melibatkan banyak pihak termasuk semua kementerian dan agensi-agensi kerajaan.

Dari segi ekonomi, Yang Berhormat menyokong sepenuhnya berikutan ia membawa banyak manfaat kepada ekonomi negara dengan jumlah pelaburan yang tinggi. Pelaburan itu akan berterusan dalam beberapa tahun yang akan datang. Jadi hanya ada satu *sustainable investment* bagi ekonomi negara kita ini dan seterusnya menjalankan pekerjaan untuk anak-anak tempatan.

Tambah Yang Berhormat lagi, projek itu melibatkan undang-undang, *security* dan

sebagainya. Jadi inilah isu-isu yang mesti bekerjasama sebagai satu Whole of Government, Whole of Nation Approach. Dan oleh kerana projek itu yang *touch on everybody's life*, akan mengadakan beberapa sesi untuk mengongsikan lebih perinci keterangan projek itu dan pada masa sekarang masih dalam peringkat sulit, iaitu dalam perbincangan dengan *investor*.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

Penganjuran ekspso, bazar perlu libatkan syarikat tempatan



AHLI MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 20 Mac. - Tajuk SD01A Kod 010/002 Eco-perniagaan juga disentuh oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin dengan persoalan mengenai isu yang di mulut-mulut orang ramai baru-baru ini, iaitu *lamb shank* dan beberapa lagi jenis makanan yang *virial* di media sosial. Isu ini memang nyata dan yang akan disentuh ialah khusus mengenai apakah manfaatnya kepada hasil fiskal kerajaan.

"Apa yang kaola dimaksudkan di sini ialah mereka itu berniaga secara berkala melalui ekspso atau bazar dan ada sebahagian mereka berniaga di negara ini tanpa ada kerjasama dengan syarikat-syarikat tempatan yang ada.

"Dengan kehebatan cara promo dan pemasaran mereka

serta yang turun ke negara ini ialah artis-artis dan orang-orang yang terkenal dari negara jiran, orang *kitani* sanggup berpusu-pusu dan berbaris panjang dari pagi hingga petang. Ada yang sampai malam untuk membeli produk mereka walaupun harga produk mereka itu ada yang mahal.

"Adalah difahami bahawa salah satu dari usaha pihak yang tertentu ialah untuk mengurangkan orang *kitani* Brunei ke luar berbelanja di luar negara dan juga boleh memberi peluang pekerjaan. Sementara kepada anak tempatan sepanjang tempoh ekspso atau bazar berkenaan," ujar Yang Berhormat dalam Perbahasan Peringkat Jawatankuasa Perbekalan bagi Rang Undang-undang Perbekalan (2026/2027) dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan pada hari kelapan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Yang Berhormat seterusnya menyoal di samping manfaat-manfaat yang disebutkan di atas, apakah manfaat-manfaat yang lain yang

negara dapat dari ekspso dan bazar yang melibatkan peniaga luar ini, adakah ia berunsurkan kepada dapatan hasil fiskal kerajaan atau aliran wang *kitani* masih mengalir keluar melalui keuntungan yang diperolehi oleh syarikat-syarikat berkenaan yang diakhiri ekspso atau bazar itu dibawa balik ke negara mereka.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah seterusnya menjawab mengenai dengan *lamb shank* yang terjadi dalam satu Food Fair di Jerudong pada hujung tahun lepas. Dan, ia membeli barang-barangnya *supliemya* dari Brunei. Dengan adanya penglibatan *food operator* dari tempatan dengan beberapa pintu.

Selepas acara berkenaan, Yang Berhormat sempat menghubungi dan berjumpa penganjur. Selepas perundingan dibuat, Yang Berhormat mencadangkan sekiranya masa depan akan mengadakan *event* yang sama, perlulah melibatkan lagi banyak lagi syarikat-syarikat tempatan.

"Jadi, kaola mencadangkan kalau isu *ani* kalau kan masa depan kalau kan mengadakan lagi

event yang sama, mesti lebih banyak memanfaatkan kepada anak-anak tempatan jua. Jadi, dicadangkan barang-barang yang kan dibeli seperti *lamb shank* apa semua mesti dibeli daripada *supplier* dari Brunei termasuk *ice block* dan sebagainya.

"Lepas *atu* yang syarikat yang ikut serta dalam Food Fair pada masa depan, bila *durang* mengadakan *event* yang sama di negeri asal *durang*, mesti

membawa orang *kitani* jua ke sana ikut. Jadi, *ani* sudah dalam perjanjian *biskaola ani* ia *agree ani* ia kan buat. Jadi, supaya apa namanya ni bisnes tempatan *ani* dapat *expose* kepada negeri-negeri yang di luar dengan beberapa *province-province* yang ada durang mengadakan *event* yang sama. Jadi, *ani* sudah dikira di monitor," ujar Yang Berhormat Dato lagi.



ANTARA yang hadir pada persidangan berkenaan.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



KERAJAAN SENTIASA BANTU PENGUSAHA 1K1P MELALUI PEMBERIAN GERAN

Oleh : Srinarawie Bidzah
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 20 Mac. - Berkenaan dengan Satu Kampung Satu Produk (1K1P), dengan penglibatan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat juga, setelah berbincang, bermuzakarah dan dari segi Kedai Kampung ditubuhkan dan insyaaAllah, koperasi ini akan dibincangkan secara terperinci sama ada ia benar-benar memberi manfaat kepada perniagaan 1K1P.

Dari segi bantuan kerajaan memang ada geran-geran diberikan kepada pengusaha 1K1P. Jadi dari segi latihan, kitani

ada menandatangani dengan Ghanim International Corporation Sdn. Bhd. Ada beberapa Majlis Perundingan Mukim (MPM), Majlis Perundingan Kampung (MPK) sudah diberikan latihan dan penerangan oleh Ghanim International Corporation Sdn. Bhd.

"Ganya follow-up atu inda ada daripada MPM, MPK. latah ni berkenaan dengan Kadai Kampung *atu, atu tah* menjadi asas *kitani* sama ada Kadai Kampung yang *kitani* laksanakan ni adalah berpotensi untuk dikembangkan," jelas Menteri

Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman semasa menjawab persoalan daripada Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam; dan Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas dalam Perbahasan Peringkat Jawatankuasa Perbekalan bagi Rang Undang-undang Perbekalan (2026/2027) dan Usul Ketetapan

Kumpulanwang Kemajuan pada hari kelapan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Tambah Yang Berhormat lagi, dari segi pasaran antarabangsa pula yang penting adakah *kitani* sanggup memenuhi permintaan pasaran antarabangsa. Dari segi akses pasaran pula memang ada. Semasa lawatan tahun lepas ke Republik Rakyat China, akses ke sana memang besar.

"Atu baru satu *province*. Satu *province* 13 juta punya *population* so *atu tah*. Jadi *capacity-wise* dari segi *supply*, menangani *ani that's why* dalam *kitani* Ghanim dengan International *ani*, ada sudah dibagi tahu.

"Dari segi *shared kitchen*nya, dari segi barang-barangnya, kalau sekiranya 1K1P *atu* benar-benar *kan* mahu *memproduce in a bigger scale*



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

untuk *export purposes*. InsyaaAllah, perkara ini perlu *kitani* bincangkan sama-sama dengan pengusaha-pengusaha yang benar-benar mahu untuk menembusi pasaran antarabangsa.

"But Alhamdulillah juga, pasaran domestik pun nampak jua sudah ia punya *growthnya*," ujar Yang Berhormat lagi.



AHLI-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof; Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas; dan Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam (kiri, tengah dan kanan).

Bandar Seria diberi pengiktirafan ASEAN Clean Tourist City



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Banyak lagi agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Pejabat Daerah dari segi daerahnya, bandaran dari segi *cleanlinessnya* termasuk juga tandas-tandas juga diaudit oleh ASEAN Clean Tourist City.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman menjelaskan perkara berkenaan bagi menjawab pertanyaan daripada Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang

Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin mengenai amalan terbaik di KB yang membolehkan pencapaian pengredan empat bintang, dan sejauh mana pengalaman tersebut boleh dijadikan model bagi daerah lain untuk memastikan piawaian kebersihan yang konsisten dalam Perbahasan Peringkat Jawatankuasa Perbekalan bagi Rang Undang-undang Perbekalan (2026/2027) dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan pada hari kelapan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.



BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 20 Mac. - Alhamdulillah, Bandar Seria diberikan pengiktirafan. *The rules is kitani* mesti memenuhi kriteria untuk menjadi bandar yang diiktiraf *which is* ASEAN Clean Tourist City.

Kriterianya banyak tapi yang ditekankan di sini bukan sahaja untuk Daerah Belait sahaja. Kuala Belait dianugerahkan sebagai ASEAN Clean Tourist City dan ia melibatkan Whole of Government sebagai contoh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe).

ANTARA yang hadir pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Penggunaan teknologi terkini dalam mengesan pesalah imigresen

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 20 Mac. - Usaha Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) sebagaimana yang pernah dimaklumkan, salah satu adalah dengan melaksanakan Immigration National Registration System (INRS), yang mana dengan terlaksananya jua National Labour Management System (NLMS) data memang *diintegrate* sebagai contoh yang membolehkan *the moment* LPA oleh Jabatan Buruh dengan data *diconnect* terus kepada JIPK untuk membolehkan visa kerjanya dikeluarkan dan pas kerjanya dan jua pelaksanaan dengan e-Gate.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman menjelaskan perkara berkenaan bagi menjawab pertanyaan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof mengenai pendekatan dan inisiatif JIPK bagi menangani peningkatan kesalah imigresen warga asing agar undang-undang dihormati dan dipatuhi.

Pada Perbahasan Peringkat Jawatankuasa Perbekalan bagi Rang Undang-undang Perbekalan (2026/2027) dan Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan pada hari kelapan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof.

Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Yang Berhormat seterusnya berkata, e-Gate salah satu daripada *latest technology* yang diguna pakai oleh JIPK menggunakan Kecerdasan Buatan (AI) *facial recognition technology* dan jua dari segi data daripada National Registration, passport sama Kad Pengenalan memang menggunakan *biometric system*.

"But insyaaAllah, projek *ani* belum 100 peratus selesai. *Once*, insyaaAllah perkara *ani* selesai karang semua yang kaola *mention* dalam People Hub *atu* akan disatukan dan digunakan sebagai salah satu mekanisme *kitani* dalam pengawalan dan *data sharing* dengan agensi-agensi berkenaan," ujar Yang Berhormat lagi.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 20 Mac. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman menjelaskan bahawa sebanyak 14 buah dewan yang akan diperbaiki, yang memang masa ini pejabat-pejabat daerah memang mengenal pasti.

Tambah Yang Berhormat lagi, dewan tersebut akan

PPS BAGI MENINGKATKAN KESIAPSIAGAAN SEMASA SITUASI KECEMASAN

Oleh : Srinawie Bidzah
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Muhammad Asri Haji Awang Abas


diperbaiki berdasarkan kepada peringkat-peringkat keuzuran dewan berkenaan, insyaaAllah akan dibuat secara berperingkat-peringkat.

"Berkenaan dengan Pusat Penempatan Sementara (PPS). Mungkin Yang Berhormat pun sebagai seorang ahli daripada District Disaster Management di daerah-daerah, di Daerah Tutong ada satu PPS, di Daerah Brunei dan Muara satu yang mana itu pun sudah diperbaiki dan akan ditempatkan mana-mana yang memerlukan PPS," ujar Yang Berhormat Menteri Hal

Ehwal Dalam Negeri bagi menjawab pertanyaan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong mengenai cadangan penubuhan PPS Kecemasan bagi meningkatkan kesiapsiagaan dan sokongan komuniti semasa situasi kecemasan dalam Perbahasan Peringkat Jawatankuasa Perbekalan bagi Rang Undang-undang Perbekalan (2026/2027) dan Usul Ketetapan Kumpulanwang

Kemajuan pada hari kelapan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini. Menurut Yang Berhormat lagi, jika dulu *kitani* lihat PPS ini, ialah khemah biru *which is not conducive* untuk orang tinggal berminggu-minggu tapi sekarang flat kosong diperbaiki untuk penempatan. Jadi, ini adalah dimaksudkan Whole

of Government dan juga kemasyarakatan ini penting untuk sinergi kemasyarakatan, kerajaan dan masyarakat.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong.

Penganalisaan berterusan memastikan program IPT, TVET sentiasa relevan

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Muhammad Asri Haji Awang Abas



AHLI MMN, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 20 Mac. - Kementerian Pendidikan telah melaksanakan seperti Future Analysis Model,

yang merupakan satu penganalisaan yang berterusan untuk menilai dan menambah baik program-program di institusi pengajian tinggi (IPT), Skim Pendidikan dan Latihan Teknikal serta Vokasional (TVET) bagi memastikan ia sentiasa relevan dengan hala tuju pembangunan dan negara.

Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh menyatakan perkara tersebut bagi menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai dalam Perbahasan Peringkat Jawatankuasa Perbekalan bagi Rang Undang-undang Perbekalan (2026/2027) dan

Usul Ketetapan Kumpulanwang Kemajuan pada hari kelapan Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Ujar Yang Berhormat lagi, kementerian juga menyediakan kurikulum berasaskan industri, terkini ada sebanyak 24 program berkaitan dengan pelancongan, hospitaliti dan *culinary* yang telah ditawarkan seperti BA in Halal Science daripada Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Diploma in Hospitality Management daripada Politeknik Brunei dan NTec in Hotel and Business Tourism, HNTec Hospitality Operations, HNTec in Travel and Tourism daripada Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE).

Menurut Yang Berhormat lagi,

Kementerian Pendidikan juga akan terus bekerjasama rapat dengan Pejabat Perancangan Tenaga Manusia ataupun PPTM dan Manpower Industry Steering Committee bagi memastikan program latihan memenuhi kompetensi yang diminta oleh industri.

"Kementerian Pendidikan jua terus berusaha untuk meningkatkan minat anak tempatan di samping terus berusaha untuk meningkatkan minat anak tempatan melalui aktiviti-aktiviti yang dibuat seperti promosi dan pendedahan melalui aktiviti-aktiviti seperti hari terbuka, Higher Education Expo serta sesi *meet and greet* bagi program hospitaliti dan pelancongan dan jua meningkatkan minat anak tempatan termasuk juga minat keusahawanan.

"Graduan digalakkan untuk bukan sahaja mencari kerja tapi



YANG Berhormat Menteri Pendidikan.

meneroka peluang sebagai usahawan dalam sektor hospitaliti melalui modul keusahawanan yang telah ditetapkan dan juga yang telah ditawarkan," ujar Yang Berhormat lagi.

"KEMENTERIAN Pendidikan jua terus berusaha untuk meningkatkan minat anak tempatan di samping terus berusaha untuk meningkatkan minat anak tempatan melalui aktiviti-aktiviti yang dibuat seperti promosi dan pendedahan melalui aktiviti-aktiviti seperti hari terbuka, Higher Education Expo serta sesi *meet and greet* bagi program hospitaliti dan pelancongan dan jua meningkatkan minat anak tempatan termasuk juga minat keusahawanan.

"Graduan digalakkan untuk bukan sahaja mencari kerja tapi meneroka peluang sebagai usahawan dalam sektor hospitaliti melalui modul keusahawanan yang telah ditetapkan dan juga yang telah ditawarkan," ujar Yang Berhormat lagi.



SEBAHAGIAN yang hadir pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



LANGKAH MITIGASI MENANGANI GANGGUAN ELEKTRIK DI DAERAH TEMBURONG

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Azmah Haji Ahad



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

ini, empat daripada lima jentera diesel penjana telah pun beroperasi sekali gus membantu menstabilkan bekalan elektrik sementara penyelesaian jangka panjang dilaksanakan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof menjelaskan perkara tersebut bagi menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau, berkenaan dengan rungutan ketidakstabilan bekalan elektrik di beberapa kawasan di Daerah Temburong masih berterusan di mana keadaan ini sedikit sebanyak menjejaskan kesejahteraan kehidupan harian penduduk serta kegiatan ekonomi setempat.

Pada Perbahasan Peringkat Jawatankuasa Perbekalan bagi Rang Undang-undang Perbekalan (2026/2027) pada hari ketujuh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di

Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II seterusnya menambah, dari aspek sistem pembahagian, 72 peratus punca adalah disebabkan oleh aset dan kabel yang telah berusia. Manakala selebihnya berpunca dari faktor persekitaran lain. Secara keseluruhannya, kekerapan gangguan bekalan elektrik di Daerah Temburong, masih menunjukkan trend yang memerlukan perhatian dan intervensi yang lebih menyeluruh.

Bagi menangani gangguan bekalan elektrik tersebut, jelas Yang Berhormat, pihak JPE telah melaksanakan langkah mitigasi termasuk penyediaan genset bergerak, pembaikan serta penstabilan operasi di Stesen Janakuasa Belingus yang siap pada 12 September 2025 yang lalu. Tumpuan turut diberikan kepada kawasan yang terjejas seperti Mukim Batu Apoi, Bokok, Amo dan Bangar bagi memastikan pemulihan bekalan yang lebih berkesan. Sebagai langkah kesiapsiagaan susulan insiden ini, pihak JPE telah memperkukuhkan pelan kesinambungan operasi, *business continuity plan* termasuk memastikan ketersediaan genset bergerak bagi mendukung bekalan elektrik kepada sektor-sektor kritikal sekiranya berlaku gangguan bekalan elektrik.

"Manakala dari segi penyelesaian jangka panjang, projek sistem penghantaran 66kV Mentiri-Peradayan merupakan projek strategik utama di bawah

Rancangan Kemajuan Negara Ke-12 (RKN12). Projek ini akan menghubungkan Daerah Temburong secara terus dengan gred utama negara sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada penjana tempatan semata-mata dan meningkatkan kestabilan serta kebolehpercayaan elektrik di Daerah Temburong.

"Pelaksanaan projek ini juga mengambil kira sinergi pembangunan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin telah membuka akses logistik yang lebih cekap bagi kerja-kerja pelaksanaan infrastruktur penghantaran merentasi teluk Brunei. Ini membolehkan pelaksanaan projek sistem penghantaran tersebut dilaksanakan dengan reka bentuk yang lebih optimum serta kaedah pelaksanaan yang lebih efisien dari segi kos dan masa," jelas Yang Berhormat.

Pada masa ini, tambah Yang Berhormat, projek Mentiri-Peradayan berada pada tahap kesiapan sekitar 92 peratus dan dijangka siap serta mula beroperasi pada suku ketiga tahun 2026 ini. Projek ini turut melibatkan penambahbaikan rangkaian bekalan elektrik termasuk komponen sistem 11kV yang penting bagi memperkukuh bekalan elektrik ke kawasan

AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau.

tadahan yang sebelum ini lebih terdedah kepada gangguan. InsyaAllah, dengan siapnya komponen ini, isu gangguan bekalan elektrik di kawasan-kawasan yang terjejas akan dapat dikurangkan secara lebih menyeluruh.

Selain itu, beberapa projek lain di bawah RKN12 termasuk kerja-kerja penggantian kabel usang serta pengukuhan rangkaian pembahagian turut sedang dilaksanakan secara berperingkat bermula suku keempat tahun 2025 yang lalu hingga suku ketiga tahun 2027 nanti bagi meningkatkan lagi kebolehpercayaan sistem bekalan elektrik di Daerah Temburong. InsyaAllah, langkah-langkah yang diambil ini akan mengukuhkan tahap kestabilan dan kebolehpercayaan bekalan elektrik di Daerah Temburong yang akan dapat dipertingkatkan secara lebih menyeluruh dengan mencapai tahap yang dihasratkan.



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Mac. – Berkenaan gangguan bekalan elektrik Daerah Temburong pada tahun 2025 khususnya pada bulan Ogos, adalah berpunca daripada beberapa faktor di peringkat sistem penjana dan juga sistem pembahagian elektrik. Hasil penilaian terperinci telah dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) bagi memastikan isu ini dapat ditangani dengan berkesan.

Dari aspek sistem penjana, antara punca utama adalah keadaan prasarana di Stesen Jana Kuasa Belingus, Temburong yang telah beroperasi lebih 40 tahun dan memerlukan kerja-kerja pembaikan serta pengoptimuman operasi di samping kerja-kerja penyelenggaraan berjadual bagi memastikan prestasi sistem yang lebih stabil dan yang berdaya tahan, berdaya harap. Pada masa

Meningkatkan *reliability* bekalan elektrik, menyokong pertumbuhan di Daerah Belait



AHLI MMN, Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat.

tersebut.

Laluan ini sebelum ini menempatkan talian penghantaran lama yang telah beroperasi lebih 50 tahun sebelum dihentikan operasinya pada tahun 2014 atas faktor keselamatan apabila struktur menara berkenaan didapati telah berkarat dan tidak lagi kukuh.

Pelaksanaan projek ini merupakan usaha menaiktaraf infrastruktur bekalan elektrik sedia ada bagi memastikan sistem terus beroperasi secara selamat dan berdaya harap memandangkan bekalan elektrik ke kawasan Kuala Belait pada masa ini bergantung kepada 1 laluan penghantaran utama. Projek ini juga meningkatkan *reliability* bekalan elektrik serta menyokong pertumbuhan sektor perumahan, komersial dan industri di Daerah Belait. Penambahbaikan ini akan mengukuhkan kebolehpercayaan sistem bekalan elektrik bukan sahaja di Daerah Belait malah di

seluruh negara.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusof menjelaskan perkara tersebut bagi menjawab persoalan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann, Ketua Kampung Bukit Sawat, mengenai pelaksanaan Projek 66kV Transmission Cables di Kampung Pandan yang telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan penduduk setempat, isu keselamatan dan kesan kesihatan.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II seterusnya menambah, dari segi penglibatan pihak berkepentingan beberapa Sesi Muzakarah telah diadakan pada peringkat awal pelaksanaan projek bersama penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung dan ketua-ketua rumah panjang di Daerah Belait iaitu pada bulan Februari 2021 dan satu lagi pada tahun berikutnya bulan Februari juga 2022 dan Disember

2022, November 2023 di mana penerangan diberikan mengenai projek ini perkara berkaitan dengan koridor talian penghantaran.

"Ia adalah bertujuan bagi memastikan maklumat mengenai pelaksanaan projek dapat disampaikan kepada penduduk kampung melalui penghulu dan ketua-ketua kampung di bawah tadahan masing-masing.

"Seterusnya tiga Sesi Muzakarah khusus telah diadakan yang telah Disember 2024 hingga April 2025 yang dihadiri oleh wakil daripada Pejabat Daerah Belait, Jabatan Tanah, Jabatan Ukur, Jabatan Perancang Bandar dan Desa, penghulu dan ketua-ketua kampung serta penduduk yang terlibat," tambah Yang Berhormat semasa Perbahasan Peringkat Jawatankuasa Perbekalan bagi Rang Undang-undang Perbekalan (2026/2027) pada hari ketujuh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Dalam sesi tersebut, pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik telah memberikan penerangan mengenai pelaksanaan projek

cabaran di tapak projek serta aspek keselamatan khusus bagi yang tinggal berhampiran laluan talian penghantaran tersebut. Dan satu lagi Sesi Muzakarah telah diadakan pada bulan Mei tahun lepas yang turut dihadiri oleh Yang Berhormat Ahli-ahli MMN, wakil daripada Kementerian Pembangunan, Kementerian Kesihatan, Pejabat Daerah Belait, penghulu dan ketua kampung serta penduduk yang terlibat.

Tambah Yang Berhormat, pada sesi tersebut, pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik antaranya telah memberikan penerangan lanjut mengenai langkah-langkah keselamatan semasa pembinaan operasi dan penyelenggaraan talian penghantaran selaras dengan piawaian industri. Sehubungan itu, langkah-langkah mitigasi keselamatan seperti pemasangan pagar di lokasi-lokasi yang yang bersesuaian juga sedang diwujudkan bagi memastikan keselamatan penduduk yang tinggal berhampiran kawasan projek.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



BKISHHB BERPOTENSI SEBAGAI TARIKAN PELANCONGAN, PUSAT PENDIDIKAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Mac. - Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanah Bolkiah (BKISHHB) mempunyai potensi besar sebagai tarikan pelancongan dan pusat pendidikan.

Sehubungan itu, usaha pembarigaan akan terus dipertingkatkan melalui pelbagai

platform termasuk televisyen, radio, media sosial dan kerjasama bersama pihak berkepentingan termasuk *influencers* bagi meluaskan pendedahan orang ramai.

Di samping itu, pihak BKISHHB juga merancang untuk meneruskan penyertaan dalam ekspo pelancongan yang bersesuaian bagi memperkenalkan BKISHHB ke peringkat antarabangsa serta mengadakan perbincangan bersama agensi pelancongan tempatan bagi melalui pakej-pakej meningkatkan keterlihatan Balai Khazanah pelancongan yang ditawarkan.

Demikian jelas Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof semasa menjawab kepada saranan Ahli Majlis

Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang memasuki hari ketujuh, berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat Menteri, dari aspek pendidikan, pelbagai program *outreach* seperti lawatan sekolah dan sesi pembarigaan telah dan akan terus dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi menggalakkan kunjungan dalam kalangan penuntut memandangkan BKISHHB mempunyai nilai pendidikan yang tinggi dari aspek sejarah dan perkembangan Islam di Negara Brunei Darussalam.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Azmah Haji Ahad

Berhubung dengan kemudahan akses pula, ujar Yang Berhormat, pada masa ini belum terdapat laluan bas awam terus ke BKISHHB.

Walau bagaimanapun, jelas Yang Berhormat lagi, pihak BKISHHB telah mengadakan perbincangan bersama beberapa agensi berkaitan termasuk penyedia perkhidmatan seperti Dart bagi meneliti kaedah meningkatkan kemudahan pengangkutan kepada lokasi tersebut. Buat masa ini, pelawat menggunakan perkhidmatan seperti teksi, Dart ataupun pengangkutan yang disediakan oleh hotel.

"Sebagai inisiatif tambah, BKISHHB jua sedang meneroka perkhidmatan *shuttle bus* seterusnya pada hari tertentu seperti Ahad, dan kerjasama

pihak-pihak berkaitan dan beberapa perkara juga dirundingkan dengan pihak Pelancongan Brunei, yang mana kapal-kapal persiaran pun ada kalanya untuk memohon dan telah pun dipersetujui jua ada diperkenan bagi tempoh masa pembukaan Balai Khazanah dilonggarkan untuk membolehkan juga pelawat-pelawat atau pengunjung dari luar negeri dan kaola juga nyatakan bahawa dalam penerbangan RB sudah ada promosi-promosi mengenai Balai Khazanah ani diadakan juga.

"InsyaaAllah, sasaran untuk mendapatkan bilangan kunjungan pelawat sebanyak 20 ribu orang *atu* mungkin dapat dicapai dalam masa terdekat atau sederhana nanti," ujar Yang Berhormat.

Komited memperkukuh sistem pengesanan awal penyakit berjangkit

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Mac. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji

Mohammad Isham bin Haji Jaafar menyatakan Kementerian Kesihatan sentiasa komited dalam memperkukuh sistem

pengesanan awal penyakit berjangkit di negara ini.

Menjawab kepada soalan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong pada perbincangan hari ketujuh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini, Yang Berhormat Menteri Kesihatan menjelaskan, pada masa ini, sistem surveilan penyakit berjangkit beroperasi melalui beberapa mekanisme utama.

Pertama, ujar Yang Berhormat, sistem laporan penyakit berjangkit di bawah perintah penyakit berjangkit mewajibkan semua pengamal perubatan dan makmal melaporkan kes-kes penyakit berjangkit yang diwartakan kepada Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit ataupun CDC.

Laporan ini disokong oleh Sistem Surveilans Kesihatan Awam ataupun Public Health Surveillance System (PHS) yang membolehkan pengumpulan, analisis dan pemantauan data kes penyakit berjangkit secara hampir masa nyata ataupun *near real time*.

Sistem PHS ini membolehkan pengesanan trend dan kluster kes dengan lebih pantas seterusnya mempercepatkan tindak balas kesihatan awam, jelas Yang Berhormat.

Kedua tambah Yang Berhormat, bagi mengukuhkan lagi keupayaan pengesanan awal, kementerian sedang melaksanakan sistem Electronic Public Health Emergency Management, (EPHEM) dengan sokongan teknikal daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia, (WHO).

"Sistem EPHEM ini merupakan platform *evidence-based surveillance* yang melengkapkan sistem PHS sedia ada dengan membolehkan pengesanan isyarat awal wabak daripada pelbagai sumber, termasuk maklumat daripada komuniti dan media.

"Sebuah bengkel latihan pakar bersama WHO dari WPRO dijadualkan pada bulan Mei tahun ini bagi melatih pegawai-pegawai kesihatan awam dalam penggunaan sistem ini," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah, kapasiti makmal kita turut diperkukuh melalui makmal rujukan kebangsaan yang mampu menjalankan ujian diagnostik bagi pelbagai patogen berjangkit termasuk ujian *molecular* dan *genomic* bagi menyokong



YANG Berhormat Menteri Kesihatan.

pengesanan dan pengesanan wabak dengan lebih pantas.

Di peringkat antarabangsa, Negara Brunei Darussalam kekal aktif sebagai pusat tumpuan kebangsaan bagi Peraturan Kesihatan Antarabangsa ataupun IHR dan terus bekerjasama rapat dengan WHO serta rangkaian *surveillance* serantau ASEAN bagi pengongsian maklumat dan amaran awal.

"Tapi apa yang penting dalam pengesanan awal *ani* ialah orang ramai sama-sama bertanggungjawab untuk memastikan keadaan sekeliling sentiasa bersihlah. Jadi *ani* bukan saja, apa ni, Kementerian Kesihatan, jadi perlu kerjasama daripada semua orang," tegas Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Meningkatkan *reliability* bekalan elektrik, menyokong pertumbuhan di Daerah Belait

>> Muka 9

Semasa Sesi Muzakarah tersebut, pihak Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini tidak ada kajian yang muktamad dan bukti saintifik yang menunjukkan bahawa gelombang *electromagnetic field* daripada talian voltan tinggi memudaratkan kesihatan orang ramai. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak Jabatan Perkhidmatan Elektrik turut menghadapi cabaran di tapak projek apabila sembilan lokasi pembinaan *monopole* didapati telah dimasuki tanpa kebenaran, termasuk pembinaan struktur serta penanaman pokok buah-buahan di beberapa laluan projek yang menyukarkan kerja-kerja pembinaan.

Sehubungan itu, jelas Yang Berhormat, ingin ditekankan bahawa pencerobohan ke atas kawasan laluan utiliti awam tanpa kebenaran merupakan satu kesalahan di sisi undang-undang dan orang ramai dinasihatkan untuk memastikan sebarang pembinaan dibuat dengan kebenaran pihak berkuasa yang berkaitan. Berikutan cabaran tersebut, pihak JPE telah meneliti pilihan memindah lokasi bagi sembilan *monopole* yang terjejas ataupun menukar skop projek kepada pemasangan kabel voltan tinggi bawah tanah.

Walau bagaimanapun, kedua-dua pilihan tersebut didapati tidak *viable* memandangkan pelaksanaannya akan melibatkan lebih banyak tanah-tanah persendirian khususnya berikutan keperluan perubahan laluan bagi pelaksanaan tersebut.

Pihak jabatan akan sentiasa bekerjasama rapat dengan semua pihak berkepentingan termasuk penduduk setempat bagi memastikan projek ini beroperasi secara selamat, telus dan berkesan mengikut perancangan. Segala cabaran dan pembelajaran daripada pelaksanaan ini, insyaaAllah akan dijadikan sebagai panduan bagi menambahbaik pelaksanaan projek-projek pada masa akan datang.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



MENILAI TAHAP PEMBANGUNAN KOMPETENSI PEGAWAI DALAM PA

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Mac. - Berhubung dengan cadangan bagi penunjuk keberkesanan pasca-latihan bagi Institut Perkhidmatan Awam (IPA) selaras dengan usaha berterusan untuk memastikan program latihan memberi impak yang

bermakna kepada Perkhidmatan Awam (PA), pihak IPA giat melaksanakan kajian impak sejak tahun 2022 bagi menilai keberkesanan kursus bagi program yang ditawarkan oleh IPA.

Dapatan awal daripada kegiatan tersebut menunjukkan hasil yang positif iaitu dari segi peningkatan mutu kerja serta produktiviti organisasi dalam kalangan pegawai yang telah mengikuti program latihan yang berkenaan.

Pada masa yang sama melalui Rangka Kerja Pembangunan Kapabiliti Perkhidmatan Awam, PSCDA, Kementerian dan jabatan juga akan dapat menilai serta mengukur tahap pembangunan kompetensi pegawai dengan lebih teratur termasuk penilaian setelah menghadiri sebarang program pembangunan.

Kerangka ini membantu mengesan penambahbaikan dari semasa ke semasa serta menyokong perancangan pembangunan tenaga kerja yang lebih sistematik dan strategik selaras dengan keperluan organisasi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof menjelaskan perkara tersebut bagi menjawab persoalan Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee mengenai keberkesanan penyampaian perkhidmatan selepas latihan dan seterusnya Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee juga mencadangkan penunjuk keberkesanan pasca-latihan dipertimbangkan, kemungkinan melalui kerjasama dengan

kementerian - kementerian berkenaan supaya kita dapat menilai dengan lebih baik bagaimana program - program ini menyumbang kepada transformasi Perkhidmatan Awam secara menyeluruh.

Pada Perbahasan Peringkat Jawatankuasa Perbekalan bagi Rang Undang - undang Perbekalan (2026/2027) pada hari ketujuh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II seterusnya mengongsikan dari segi aplikasi kemahiran di tempat kerja dan impaknya terhadap prestasi organisasi, adalah ditekankan bahawa penilaian prestasi pegawai / kakitangan PA yang dilaksanakan melalui penilaian setiap tiga



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II.

bulan memainkan peranan penting dalam mengenal pasti keperluan peningkatan kemahiran dan menyokong kesinambungan program-program latihan dan pembangunan yang tersedia yang bersesuaian.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee.

Guna aplikasi BruHealth untuk tempahan janji temu, pembayaran pendaftaran



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Mac. - Usaha bagi mengurangkan kesesakan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) terutamanya di kawasan kaunter pendaftaran turut dibangkitkan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman pada perbahasan hari ketujuh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi oleh yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini.

Menjelaskan kepada isu berkenaan, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham

bin Haji Jaafar berkata, mengurangkan kesesakan sekarang di pendaftaran di Hospital RIPAS memang bukan satu perkara yang baharu dan Kementerian Kesihatan di fasiliti-fasiliti kesihatannya sentiasa mereview dan mengemas kini di mana antara inisiatif yang telah pun dilaksanakan adalah menggunakan aplikasi BruHealth bagi membuat janji temu dan juga membuat pembayaran pendaftaran.

Selain daripada itu ujar Yang Berhormat, pihak Kementerian Kesihatan juga di dalam pelan induk Hospital RIPAS serta review ada membuat perancangan bagi pengubahsuaian layout Bahagian Pendaftaran Farmasi Pesakit, Jabatan Kecemasan serta klinik pakar yang tertentu bagi memastikan proses ataupun pengalaman pesakit sentiasa selesai dan aktif, efektif.

"Jadi untuk menambah dari segi BruHealth ani, Yang Berhormat Pengerusi, di sana boleh membuat tempahan janji temu dan membuat pembayaran seperti saya nyatakan. Jadi di sana bila membuat time untuk membuat perjanjian itu pukul 9, so orang itu inda payah datang pukul 7, jadi ia datang mungkin setengah jam sebelum perjanjian dan bila ia mengesan dengan QR Codenya ia akan memberitahu berapa lama lagi akan menunggu.

"Jadi diharap orang ramai menggunakan sistem ini. Jadi tidaklah perlu beramai-ramai menunggu awal kerana kalau perjanjian pukul 10 jangan datang semua pukul 7. So inilah di antara sebab keadaan sesak kadang-kadang dan diharap dengan QMS sistem ani yang di mana bukan saja di hospital, ia diadakan di klinik-klinik kesihatan yang lain jua. Diharap ia akan memudah cara dan mengurangkan kekurangselesaian orang ramailah terutama sekali dalam masa menunggu. Ini adalah salah satu inisiatif yang dijalankan baru ini di pusat-pusat kesihatan," terang Yang Berhormat.

Sementara itu, menyentuh mengenai keberkesanan Program Saringan Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit (NCD), pula, Yang Berhormat Menteri Kesihatan menjelaskan, dalam tempoh dua tahun kebelakangan ini, usaha yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan menunjukkan peningkatan dalam program saringan kesihatan (*screening uptake*), terutamanya bagi saringan kanser serviks (*cervical screening*).

"Ia telah meningkat dengan drastik dan ia juga telah mengesan lebih banyak tanda-tanda awal yang boleh menyebabkan penyakit lebih teruk lagi. Selain itu *retinopathy screening* jua, yang saya kaola

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Azmah Haji Ahad

sebutkan sebelum ini berbanding dengan dulu, dalam masa dua tahun saja, *almost* 2,600 orang disaring. *Ani* mengenal pasti 10 peratus daripadanya tanda-tanda awal yang boleh menyebabkan kebutaan kepada penglihatan.

"Dengan saringan awal *ani* boleh mencegah seseorang itu daripada penyakit buta. Begitu jua dengan *breast cancer*, dengan *ease of access to screening* melalui BruHealth, pemeriksaan saringan *breast cancer* pun *improves* sebanyak 75 peratus dibandingkan dengan beberapa tahun sebelumnya. Begitu jua dengan kardiovaskular dan dengan *colorectal*.

"Jadi saringan menunjukkan keberkesanan walaupun baru

beberapa tahun telah terbukti di mana saringan awal ini telah menunjukkan *early* diagnosis dan insyaaAllah, tunjuk arah di mana nisbah kematian disebabkan NCD ini akan menurun," terang Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, jelas Yang Berhormat, nisbah berkenaan akan mengambil masa anggaran 10 ke 15 tahun untuk nampak kesannya.

"So, now dengan ada *guideline* yang lebih komprehensif dan *access to the guideline is easier* melalui BruHealth, *all the* NCDs seperti yang kaola terangkan tadi terutama kanser apa ni akan menunjukkan kesannya dalam, insyaaAllah 10 tahun akan datang penurunan, kalau *inda* lebih awal," jelas Yang Berhormat.

"DENGAN saringan awal *ani* boleh mencegah seseorang itu daripada penyakit buta. Begitu jua dengan *breast cancer*, dengan *ease of access to screening* melalui BruHealth, pemeriksaan saringan *breast cancer* pun *improves* sebanyak 75 peratus dibandingkan dengan beberapa tahun sebelumnya. Begitu jua dengan kardiovaskular dan dengan *colorectal*.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



KADAR PENGANGGURAN STABIL MENERUSI PELBAGAI INISIATIF STRATEGIK

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Mac. - Kerajaan melalui pelbagai kementerian dan agensi terus komited dalam menangani isu pengangguran di negara ini dengan pendekatan yang lebih spesifik dan menyeluruh, sekali gus memastikan kadar pengangguran kekal stabil di bawah lima peratus.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menyatakan perkara



tersebut pada hari ketujuh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Kadar pengangguran di negara ini berada pada tahap stabil sekitar 4.95 peratus, ujar Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II lagi.

"*Anilah* sebabnya pengangguran dari segi *unemployment rate* kira macam stabil lebih kurang 4.95 peratus dan sebagainya," jelas Yang Berhormat semasa menjawab pertanyaan dari Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Menurut Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri

AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin.

Kewangan dan Ekonomi II, kestabilan tersebut antara lainnya disebabkan oleh kemampuan pasaran kerja untuk menyerap hampir sama jumlah pencari kerja baharu setiap tahun, sama ada graduan mahupun mereka yang terkeluar dari persekolahan atau berhenti kerja, yang dianggarkan sekitar 11,000 hingga 12,000 orang setahun.

Dalam usaha lebih agresif menangani punca utama masalah, kerajaan tidak hanya mengambil pendekatan umum, Yang Berhormat memaklumkan bahawa JPM telah melantik Pusat Pengajian Strategik dan Dasar (CSPS) untuk melaksanakan satu kajian komprehensif.

"Jadi inilah satu langkah untuk *kitani* dapat mengatasi isu yang spesifik, bukan dari segi umur sahaja, dengan mengenal pasti punca utama pengangguran sama ada ketidaksepadanan kelayakan (*qualification mismatch*) dan sebagainya ataupun isu-isu lain seperti isu pengangkutan dan sebagainya," tambah Yang Berhormat.

Di samping itu, usaha menarik lebih banyak Pelaburan Langsung Asing (FDI) terus diperhebat,

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

terang Yang Berhormat.

Dengan 18 buah projek FDI yang kini dalam fasa pelaksanaan, Yang Berhormat optimis ia akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan berkualiti untuk anak-anak tempatan.

"Inilah yang usaha *kitani* untuk mendapatkan lagi banyak pekerjaan bagi anak-anak tempatan," tegas Yang Berhormat.



"JADI inilah satu langkah untuk *kitani* dapat mengatasi isu yang spesifik, bukan dari segi umur sahaja, dengan mengenal pasti punca utama pengangguran sama ada ketidaksepadanan kelayakan (*qualification mismatch*) dan sebagainya ataupun isu-isu lain seperti isu pengangkutan dan sebagainya," tambah Yang Berhormat.

Pihak industri mendukung pelaksanaan gaji minimum



AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

melibatkan tujuh industri utama menunjukkan impak yang minimal kepada syarikat-syarikat terbabit, dengan hanya 41 orang pekerja tempatan yang dikenal pasti memerlukan penyesuaian gaji.

Perkara ini dimaklumkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, ketika menjawab soalan daripada Ahli Majlis Mesyuarat

Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim pada hari ketujuh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi, yang berlangsung pagi tadi di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Menurut Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Majlis Perancangan Tenaga Manusia dan Pekerjaan (MPEC) telah menjalankan kajian melibatkan 94

syarikat yang memberi respons.

Dari jumlah tersebut, terang Yang Berhormat, hanya 14 syarikat yang memerlukan pelarasan gaji membabitkan 41 pekerja tempatan dan 51 pekerja asing yang gaji mereka perlu diselaraskan kepada kadar minimum BND500.

"Sebenarnya sebelum *kitani* melancarkan skim *ani* bagi tujuh industri *ani*, beberapa konsultasi sudah telah dijalankan.

"Memang dikenal pasti, impak kepada syarikat-syarikat adalah minimal sebab *inda* banyak pekerja yang gajinya jauh di

bawah gaji minimum BND500," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambah bahawa pihak industri juga menunjukkan sokongan padu terhadap inisiatif kerajaan ini.

"Jadi dikenal pasti tujuh industri *ani* memang minimal lah, syarikat-syarikat dari tujuh industri ini pun mengonggikan dengan MPEC bahawa durang menyokong jua usaha-usaha kerajaan *ani* untuk meningkatkan gaji minimum kepada pekerja-pekerja dalam industri-industri tersebut," tegas Yang Berhormat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Mac. - Pelaksanaan Skim Gaji Minimum yang berkuat kuasa sejak 1 April 2025

"SEBENARNYA sebelum *kitani* melancarkan skim *ani* bagi tujuh industri *ani*, beberapa konsultasi sudah telah dijalankan.

"Memang dikenal pasti, impak kepada syarikat-syarikat adalah minimal sebab *inda* banyak pekerja yang gajinya jauh di bawah gaji minimum BND500".



SEKITAR Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



MEMPERKUKUH KERJASAMA ASEAN MENANGANI IMPAK PERUBAHAN IKLIM

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Azmah Haji Ahad



AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Anggota ASEAN masing-masing. Bagi Negara Brunei Darussalam selaku negara tuan rumah perlu mengambil langkah tambahan berbanding Negara Anggota ASEAN yang lain untuk memastikan segala-galanya teratur dari sudut undang-undang dan agar negara mempunyai kapasiti untuk menegakkan komitmen selaku negara tuan rumah.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Mac. - Pusat Perubahan Iklim ASEAN pada masa ini di peringkat ratifikasi oleh Negara Anggota ASEAN termasuk Negara Brunei Darussalam. Proses *ratification* ini memang mengambil masa yang lebih panjang. Oleh kerana proses ratifikasi ini tertakluk kepada proses undang-undang Negara

Dengan itu, Brunei bersedia untuk meratifikasi perjanjian ini dan akan mengumumkannya pada masa yang akan datang. Bagi negara ASEAN lain jua telah memulakan proses ratifikasi mereka dan proses ratifikasi ini akan memerlukan sekurang - kurangnya enam tandatangan negara ASEAN dan 60 hari untuk berlalu selepas


tandatangan ke enam negara itu telah diserahkan kepada sekretariat ASEAN untuk ia mula berkuatkuasa. Jadi, insyaaAllah dalam masa terdekat ini, Pusat Perubahan Iklim ASEAN ini akan secara formal ditubuhkan.

Perkara tersebut diterangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah bagi menjawab persoalan yang diajukan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin mengenai pengisytiharan Negara Brunei Darussalam sebagai tuan rumah kepada Pusat Perubahan Iklim ASEAN pada bulan Ogos 2023 yang dihasratkan untuk menjadi hab ilmu pengetahuan serantau bagi memperkukuh kerjasama ASEAN dalam menangani impak perubahan iklim serta apakah program - program yang telah dirancang atau dilaksanakan sama ada di peringkat kebangsaan mahupun melalui kerjasama

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

ASEAN.

Pada Perbahasan Peringkat Jawatankuasa Perbekalan bagi Rang Undang-undang Perbekalan (2026/2027) pada hari ketujuh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II seterusnya menjelaskan berkenaan dengan peranan dan segi pencapaian ataupun program - program ataupun prestasi dan sebagainya, walaupun Negara Brunei Darussalam merupakan tuan rumah kepada Pusat Perubahan Iklim ASEAN ini, pusat tersebut tidak berada di bawah bidang kuasa Negara Brunei Darussalam. Memang di bawah ASEAN iaitu satu pusat dimiliki secara eksklusif



kepada ASEAN, jadi, tidaklah Negara Brunei Darussalam mengaturkan dari segi program prestasi. InsyaaAllah, selepas nanti ASEAN Climate Change Centre ini ditubuhkan memang ada dilantik Executive Director dan sebagainya dengan beberapa pegawai kanan untuk memikirkan apa program ataupun KPI-KPI yang sesuai untuk Pusat Perubahan Iklim ASEAN mengubah juga pandangan - pandangan dari Negara-negara ASEAN.

Definisi NEET perlu difahami

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Mac. - Tidak semua individu dalam kategori NEET (Not Employed, Not in Education, Not in Training) dikira sebagai menganggur dalam statistik rasmi.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, menjelaskan perkara tersebut semasa menjawab persoalan daripada Ahli Majlis

Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim pada hari ketujuh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

"Untuk menjawab soalan, secara definisi ini, bagi *not employed, not in education and not in training*, hanya *not employed* diambil kira dalam *unemployment* belia, kalau *not in education, not in training*,

maksudnya *diorang* kadang-kadang *not in education*, tapi *inda* jua mencari kerja, jadi *atu not in education, not in training inda* diambil kira," tegas Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II.

Menurut Yang Berhormat, pengiraan pengangguran belia hanya mengambil kira bagi mereka yang benar-benar *not employed* (tidak bekerja) dalam lingkungan umur 15 hingga 24 tahun.

Golongan yang sedang tidak mengikuti pendidikan atau latihan tetapi tidak aktif mencari

AHLI MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim.

pekerjaan tidak termasuk dalam kategori pengangguran, ujar Yang Berhormat.

"Saya harap ia senang untuk difahami," tambah Yang Berhormat bagi memastikan



penjelasan tersebut dapat difahami dengan jelas oleh semua pihak.



ANTARA yang hadir pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22 MAJLIS MESYUARAT NEGARA



PERKUKUH PENSEJAJARAN WAWASAN BRUNEI 2035

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Berhormat Pehin Orang Kaya
Rabu, 18 Mac. - Ahli Majlis Indera Pahlawan Dato Seri Setia
Mesyuarat Negara (MMN), Yang Awang Haji Suyoi bin Haji Osman

YANG Berhormat berpendapat mungkin sesuai jika salah satu Petunjuk Prestasi Utama JPM ialah kekerapan mesyuarat dengan kementerian-kementerian di satu peringkat dan dengan jabatan-jabatan yang berkaitan di satu peringkat yang lain agar dapat dipantau tindakan-tindakan yang sudah diambil untuk tujuan pensejajaran.

mengalu-alukan pendekatan baharu yang dibuat oleh Jabatan Perdana Menteri untuk memastikan jentera kerajaan berjalan dengan licin bagi menjayakan Wawasan Brunei 2035.

Alhamdulillah, BND543,60,580 telah diperuntukkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Ahli MMN mengambil maklum di bawah Jabatan Perdana Menteri terdapat 22 buah jabatan dengan bidang-bidang tugas masing-masing dan JPM telah pun menyatakan antara *job description* Jabatan Perdana Menteri ialah memantau dan

AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

mengurus Wawasan Brunei 2035 untuk memastikan pelaksanaan Wawasan Brunei 2035.

Yang Berhormat menyatakan perkara tersebut semasa Perbahasan Peringkat Jawatankuasa Perbekalan bagi Rang Undang-Undang Perbekalan (2026/2027) pada hari ketujuh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi di Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis.

Yang Berhormat berpendapat mungkin sesuai jika salah satu Petunjuk Prestasi



Utama JPM ialah kekerapan mesyuarat dengan kementerian-kementerian di satu peringkat dan dengan jabatan-jabatan yang berkaitan di satu peringkat yang lain agar dapat dipantau tindakan-tindakan yang sudah diambil untuk tujuan pensejajaran.

Ini kerana isu pensejajaran adalah masih satu isu yang menjadi masalah kepada implementasi Wawasan Brunei 2035.

Usaha perkukuh perwakilan negara demi kepentingan strategik pembangunan



AHLI MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Mac. - Pada perbahasan hari ketujuh Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi yang berlangsung di

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Azmah Haji Ahad

Dewan Persidangan MMN, Bangunan Dewan Majlis, hari ini, Ahli MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin mengemukakan cadangan khususnya mengenai kemungkinan untuk membuka lebih banyak perwakilan diplomatik Negara Brunei Darussalam di luar negara.

Menurut Yang Berhormat, dalam mendepani landskap hubungan antarabangsa yang semakin dinamik dan mencabar, adalah penting bagi NBD untuk terus memperkukuhkan jaringan diplomatiknya di peringkat global yang sedia sudah kukuh.

Pada masa ini, tambah Yang Berhormat, terdapat beberapa rantau yang masih belum

mempunyai Perwakilan Tetap NBD, antaranya di Benua Amerika Selatan.

Urusan diplomatik bagi negara-negara di rantau tersebut jelas Yang Berhormat kebanyakannya masih dikendalikan melalui Kedutaan Besar NBD di Washington dan Ottawa.

Dalam hal ini, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa berpendapat bahawa kewujudan perwakilan tetap di rantau tersebut akan dapat mempertingkatkan lagi keberkesanan hubungan dua hala khususnya dalam bidang perdagangan, terutama industri halal, pelaburan, pendidikan serta pertukaran budaya.

"Selain itu, kaola juga ingin menarik perhatian mengenai status beberapa perwakilan Brunei di luar negara yang ada pada masa ini masih berada pada tahap Kuasa Usaha Sementara, Charge d'Affairs antaranya di Rabat, Maghribi dan di Manama, Bahrain," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat mencadangkan agar pihak kerajaan akan dapat meneliti kemungkinan untuk menaik taraf perwakilan-perwakilan ini daripada tahap Charge d'Affairs, Kuasa Usaha Sementara ke peringkat Duta Besar Penuh.

Langkah ini, jelas Yang Berhormat, diyakini akan memberikan impak yang lebih signifikan dalam memperkukuhkan hubungan diplomatik serta meningkatkan

lagi imej dan kehadiran NBD di persada antarabangsa.

"Kaola percaya bahawa usaha memperluaskan dan memperkukuhkan perwakilan negara adalah selaras dengan kepentingan strategik negara dan mempertingkatkan kerjasama dua hala dan pelbagai hala di samping membuka lebih banyak peluang dalam pelbagai sektor yang memberi manfaat kepada pembangunan negara," ujar Yang Berhormat.

"KAOLA percaya bahawa usaha memperluaskan dan memperkukuhkan perwakilan negara adalah selaras dengan kepentingan strategik negara dan mempertingkatkan kerjasama dua hala dan pelbagai hala di samping membuka lebih banyak peluang dalam pelbagai sektor yang memberi manfaat kepada pembangunan negara," ujar Yang Berhormat.



ANTARA yang hadir pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Ke-22 MMN bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA BOLEH DIBACA SETIAP HARI MELALUI LAMAN SESAWANG :

www.pelitabrunei.gov.bn

BAGI MENGETAHUI BERITA-BERITA PENUH

NBD SAMBUT SYAWAL, 21 MAC

Oleh : Pg. Vivv Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohammad Hasif Matzin



SALAH satu lokasi yang ditetapkan untuk merukyah anak bulan Syawal, iaitu Daerah Brunei dan Muara di Bangunan Mutiara Exchange, Lebuhraya Tungku.

>> Muka 1

Sehubungan itu, NBD akan menyambut Hari Raya Aidilfitri bagi Tahun 1447H pada Sabtu, 21 Mac 2026M.

Pernyataan berkenaan adalah hasil persidangan mengenai hasil merukyah anak bulan Syawal 1447H pada tahun ini dari tempat-tempat yang ditentukan dan ketetapan persidangan berkenaan telah disembahkan Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri

Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Persidangan yang diadakan di Bilik As'syura, Tingkat 1, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) juga dihadiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji

Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin; serta Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara dan MUIB.

Pada tahun ini, lima buah lokasi telah ditetapkan untuk merukyah anak bulan Syawal 1447H, iaitu Daerah Brunei dan Muara di Bangunan Mutiara Exchange, Lebuhraya Tungku; Taman Rekreasi Tanjung Batu, Kampung Sabun, Pekan Muara; dan Bukit Agok, Jerudong.

Manakala bagi Daerah Tutong pula bertempat di Bangunan Hilal Bukit Ambog; sementara di Daerah Belait ialah di Bangunan Hilal Bukit Lumut.

Terdahulu, Majlis Menunggu Hasil Merukyah Anak Bulan Syawal 1447H diadakan di Dewan Multaqa, Aras Bawah, Bangunan Tambahan, KHEU, di sini.

Majlis Menunggu Hasil Merukyah Anak bulan Syawal 1447H dimulakan dengan persembahan bacaan Al-Quran oleh Awang Ahmad Adib bin Dr. Haji Sufri, pelajar Tahun 10, Sekolah Arab Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Rimba, yang merupakan johan Pertandingan Tilawah Al-Quran Kategori [BA] (Tarannum) Kali Ke-59, Tahun 2025 anjuran Jabatan Pengajian Islam, KHEU.

Diikuti dengan Tazkirah Syawal yang disampaikan oleh Penolong



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) semasa persidangan berkenaan. Turut hadir ialah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Pensyarah, Pusat Kajian Fiqh Kontemporari, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Hilman bin Haji Salim.

Antara inti pati tazkirah menyentuh mengenai Tadabbur Surah Yunus ayat 4 : Penegasan Kepulangan Manusia dan Muhasabah Akhir Ramadan.

Surah Yunus, ayat 4 menekankan tiga prinsip utama dalam kehidupan manusia, iaitu kepastian kembali kepada Allah Subhanahu Wata'ala, hakikat kebangkitan semula, dan keadilan pembalasan di akhirat.

Perbincangan menghuraikan bahawa kehidupan manusia bukan sekadar perjalanan duniawi, tetapi merupakan perjalanan menuju pertemuan dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

Ayat berkenaan turut menegaskan bahawa janji Allah Subhanahu Wata'ala adalah benar dan setiap amalan manusia akan

dinilai secara adil, tanpa sebarang kezaliman.

Seterusnya, bacaan Tahليل dan Doa Arwah serta Doa Peliharakan Sultan dan NBD dipimpin oleh Ketua Pemantau Zon 3, Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Muhammad Amin bin Haji Salim yang kemudiannya mengimamkan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah. Manakala Azan Maghrib dikumandangkan oleh Bilal Tingkat 1, Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis/Madang, Awang Razman bin Haji Ramlee.

Sehubungan dengan itu, Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri adalah pada Sabtu, 1 Syawal 1447H bersamaan 21 Mac 2026M di masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara bermula jam 7.30 pagi.

Kelestarian hutan asas kestabilan ekonomi global

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

>> Muka 1

Kongsi Yang Berhormat, menurut Laporan World Economic Forum, lebih daripada USD 44 trilion nilai ekonomi global, iaitu bersamaan lebih separuh daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dunia, bergantung secara langsung atau tidak langsung kepada alam semula jadi termasuk hutan.

Perkara ini, tambah Yang Berhormat, menunjukkan bahawa kestabilan ekonomi global amat berkait rapat dengan kelestarian sumber semula jadi. Tanpa hutan yang sihat dan lestari, asas ekonomi global dan nasional akan terjejas.

"Hutan menyediakan pelbagai perkhidmatan ekosistem yang bernilai tinggi seperti perlindungan kawasan tadahan air, pengawalan banjir dan hakisan, penyerapan karbon serta pemeliharaan biodiversiti. Peranan ini bukan sahaja melindungi alam sekitar, malah membantu mengurangkan risiko dan kos ekonomi akibat bencana alam serta perubahan iklim, di samping menyokong kesejahteraan masyarakat.

"Di NBD, hutan meliputi sekitar 72.1 peratus daripada keluasan tanah negara, meletakkan negara antara yang mempunyai liputan hutan tertinggi di rantau ini," terang Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya

menyatakan, komitmen untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 55 peratus keluasan tanah sebagai Hutan Simpan Kekal di bawah Dasar Perhutanan Negara mencerminkan pendekatan yang seimbang antara pemeliharaan alam sekitar dan pembangunan ekonomi. Liputan hutan yang tinggi ini menjadi asas kepada pembangunan ekonomi hijau dan rendah karbon negara.

Dalam konteks ekonomi sektor perhutanan, jelas Yang Berhormat, purata keluaran industri perhutanan negara direkodkan sebanyak BND39 juta setahun, merangkumi BND27 juta daripada industri pemrosesan primer dan BND12 juta daripada industri hiliran serta produk nilai tambah berasaskan kayu.

Perkembangan industri hiliran ini tambah Yang Berhormat, menunjukkan hala tuju yang positif ke arah penghasilan produk perkhidmatan yang lebih kompetitif dan berdaya saing, di samping mewujudkan peluang pekerjaan dalam sektor pemrosesan, reka bentuk dan pemasaran.

Kongsi Yang Berhormat lagi, dari aspek perdagangan, nilai eksport produk perkhidmatan negara secara purata berjumlah BND1.4 juta setahun, dengan pasaran utama termasuk Malaysia, Amerika Syarikat dan Republik Korea.

"Pada masa yang sama, nilai import produk perkhidmatan

mencecah BND32 juta setahun, yang menunjukkan potensi besar untuk memperkukuh kapasiti pengeluaran tempatan, mengembangkan industri hiliran serta membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada tenaga kerja tempatan, khususnya dalam kalangan belia serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana.

"Inisiatif strategik seperti Ekspo Produk Perkhidmatan NBD, yang dianjurkan setiap dua tahun sejak 2021, serta pelancaran logo rasmi 'Brunei Wood Product', memainkan peranan penting dalam memperkukuh penjenamaan produk perkhidmatan tempatan.

"Inisiatif ini menyediakan platform kepada pengusaha tempatan untuk mempamerkan inovasi dan kreativiti, di samping merangsang aktiviti keusahawanan dan menjana peluang pekerjaan baharu dalam rantaian nilai industri perkhidmatan," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, bagi memastikan kesinambungan bekalan bahan mentah secara mampan, pembangunan ladang hutan dan program penanaman mengaya terus diperkukuhkan.

Sehingga kini, sebanyak 5,564.62 hektar kawasan telah dibangunkan sebagai ladang hutan manakala 16,291 hektar telah ditanam melalui program penanaman mengaya. Usaha ini penting bagi menjamin bekalan stok kayu negara serta menyokong pertumbuhan industri dalam jangka

panjang.

Selain itu, jelas Yang Berhormat, hutan turut menyumbang kepada ekonomi melalui pelancongan berasaskan alam semula jadi. Secara purata, taman rekreasi hutan dan Taman Negara Ulu Temburong menerima kira-kira 150,576 pengunjung setiap tahun, yang menjana aktiviti ekonomi sokongan seperti perkhidmatan pelancongan, pengangkutan, hospitaliti serta perniagaan kecil tempatan.

"Dalam ekonomi global yang semakin menitikberatkan kelestarian, hutan juga merupakan aset strategik dalam ekonomi karbon. NBD sedang meneroka inisiatif karbon hutan sebagai sebahagian daripada pelaksanaan Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim NBD, termasuk melalui pelaksanaan Inventori Sumber Hutan Negara dan kajian kebolehlaksanaan projek karbon hutan. Pendekatan ini memastikan manfaat ekonomi yang berpotensi diperoleh selaras dengan prinsip integriti, ketelusan dan kedaulatan negara," terang Yang Berhormat.

Pada masa yang sama, tambah Yang Berhormat, Program Penghijauan dan Pemulihan Hutan terus menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan. Sehingga kini, sebanyak 282,621 pokok telah berjaya ditanam, bersamaan 56.5 peratus daripada sasaran 500,000 pokok menjelang tahun 2035.

Pelaburan dalam pemuliharaan dan pemulihan hutan ini

merupakan pelaburan jangka panjang yang mengurangkan risiko bencana, meningkatkan daya tahan terhadap perubahan iklim serta memperkukuh keselamatan sumber negara.

Kesemua inisiatif ini, terang Yang Berhormat lagi, dilaksanakan selaras dengan Pelan Strategik Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan 2023-2029, Dasar Perhutanan Negara, National Biodiversity Policy and Strategic Plan of Action 2024-2030, serta Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim NBD, yang bersama-sama menyokong aspirasi Wawasan Brunei 2035 dan Brunei Economic Blueprint.

"Tema 'Hutan dan Ekonomi' mengingatkan kita bahawa kemakmuran ekonomi berkait rapat dengan kestabilan alam sekitar. Hutan yang diurus secara mampan bukan sahaja mengurangkan risiko ekonomi dan perubahan iklim, malah menyokong penciptaan pekerjaan, memperkukuh industri tempatan serta membuka peluang baharu dalam ekonomi hijau dan inovasi.

"Marilah kita bersama-sama memperkukuhkan komitmen dan tanggungjawab kolektif bagi memastikan hutan NBD terus menjadi tunjang kepada ekonomi yang mampan, berdaya tahan dan berintegriti, demi kesejahteraan rakyat serta kemakmuran generasi kini dan akan datang," ujar Yang Berhormat.

TADARUS AL-QURAN BERAKHIR DENGAN MAJLIS PENUTUP

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hasif Matzin



KIARONG, Rabu, 18 Mac. - Majlis Tadarus yang diadakan di masjid-masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara kendalian Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) sempena bulan Ramadan tahun ini, berakhir pada malam tadi dengan Majlis Penutup Tadarus Al-Quran bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkihah, Kiarong.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat

Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Awang Haji Othman dan Datin.

Majlis Penutup Tadarus Al-Quran dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat.

Ini diikuti dengan Tadabbur Al-Quran disampaikan oleh Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Mohammad

Nasyith bin Superi dan seterusnya disusuli dengan Majlis Khatam Al-Quran yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkihah, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Awang Ahmad Syafiq bin Haji Osman.

Majlis diteruskan dengan bacaan Takhtim yang dibawakan oleh para Pegawai Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkihah dan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid serta pegawai dari JHEM. Manakala Doa Khatam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Jame' 'Asr Hassanil Bolkihah, Awang Abdul Aziz bin Haji Abdullah.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Imam Tingkat III Jame' 'Asr Hassanil Bolkihah, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Suhaili bin Haji Metali Al- Hafiz.

Turut hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Datin; Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim dan isteri; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Tadarus Al-Quran (atas). Manakala gambar kiri, sekitar majlis berkenaan.

Karim.

Majlis Penutup Tadarus Al-Quran bagi Masjid, Surau dan Balai Ibadat Seluruh Negara dikendalikan oleh KHEU melalui JHEM, Jabatan Pengajian Islam, Jabatan Hal Ehwal Syariah, dan Jabatan Urusan Haji dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkihah dan Radio Televisyen Brunei.

Majlis Tadarus Al-Quran di masjid, surau dan balai ibadat merupakan antara usaha berterusan dalam memartabatkan

syiar Islam serta memakmurkan masjid, surau dan balai ibadat di negara ini.

Ia turut menghimpunkan masyarakat Islam tanpa mengira peringkat umur untuk bersama-sama memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, sekali gus mendekatkan diri kepada Al-Quran dan menyemarakkan bulan Ramadan yang penuh keberkatan dengan amal ibadat, demi meraih keampunan serta ganjaran pahala berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sambutan Nuzul, Khatam Al-Quran Kementerian Pertahanan

MUARA, Rabu, 18 Mac. - Kementerian Pertahanan petang tadi mengadakan Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran dan Majlis Khatam Al-Quran Kali Ketiga yang berlangsung di Surau Al-Huda, Pangkalan Tentera Laut Muara.

Majlis tersebut diadakan bersempena dengan Program Jangkauan Ihya' Ramadan 1447 Hijrah.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Dato Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir, Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan, Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan warga Kementerian Pertahanan.

Juga hadir, Pengarah Urusan Komersial Muara Maritime Services (MMS), Pengarah Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD), Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Penghulu Mukim Serasa, serta wakil-wakil daripada JPM dan Polis Marin Pasukan Polis Diraja Brunei dan Sekolah Rendah Tentera Laut Diraja Brunei.

Majlis dimulakan dengan bacaan

Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran serta Tazkirah Khas yang disampaikan oleh Pegawai Ugama, Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Awang Md. Fahmi bin Haji Matnoor.

Majlis diteruskan dengan bacaan Khatam Al-Quran dan Tahliil

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Adzraie Pg. Haji Nikman

serta diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis Keagamaan ini menunjukkan komitmen berterusan Kementerian Pertahanan dalam menghidupkan

bulan suci Ramadan dan diharapkan akan dapat memupuk perpaduan serta mengeratkan hubungan antara warga Kementerian Pertahanan dan masyarakat setempat melalui program keagamaan.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir pada majlis tersebut.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Peranan Individu Dalam Mengurangkan Pemanasan Global'. Tarikh Tutup : 25 Mac 2026
2. 'Menyantuni Anak Yatim : Tanggungjawab Bersama'. Tarikh Tutup : 1 April 2026
3. 'Cabaran Belia Dalam Mendapatkan Pekerjaan Berkualiti '. Tarikh Tutup : 8 April 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

BICTA 2026 MEMPERKENALKAN ANUGERAH PENANG DIRAJA

Oleh : Aimi Sani

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BERAKAS, Khamis, 19 Mac. - Anugerah ICT Brunei (BICTA) 2026 yang menampilkan Anugerah Penaung Diraja telah dilancarkan secara rasmi hari ini, bertempat di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan Majlis Pelancaran berkenaan, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof selaku Pengerusi Bersama I Jawatankuasa Pandu BICTA 2026; Pengerusi InfoCom Brunei (IFB), Pengiran Sarimah binti Pengiran Haji Abdul Latiff selaku Pengerusi Bersama II Jawatankuasa Pandu BICTA 2026 serta Ketua Eksekutif Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI), Awang Haji Jailani bin Haji Buntar.

Juga hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, pegawai-pegawai kanan kerajaan, serta wakil-wakil daripada institusi pendidikan dan syarikat ICT tempatan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Imam Tingkat I, Masjid Sufri Bolkiah Perpindahan Berakas, Awang Abdul Razak bin Samat.

Majlis kemudian diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh

Pengerusi Bersama I Jawatankuasa Pemandu BICTA 2026. Sejurus selepas pelancaran rasmi, majlis diteruskan dengan tayangan sebuah video pelancaran BICTA 2026, diikuti dengan sesi perkongsian mengenai hasil Bengkel Transformasi Digital Brunei oleh Ketua Pegawai Eksekutif Long Street Advisors, Mohammad Chowdhury.

Majlis diakhiri dengan lawatan tetamu kehormat majlis ke Pameran Produk BICTA yang menampilkan inovasi daripada peserta-peserta BICTA terdahulu.

Edisi BICTA pada tahun ini turut memperkenalkan Anugerah Penaung Diraja, iaitu anugerah tertinggi dan paling berprestij yang akan diberikan kepada projek terbaik keseluruhan merentasi semua kategori pertandingan.

Dengan tema 'Berinovasi Untuk Digital Brunei', BICTA pada tahun ini mencerminkan kemajuan berterusan Negara Brunei Darussalam dalam perjalanan transformasi digital, di samping menggalakkan inovasi yang mampu memberi impak bermakna kepada masyarakat dan ekonomi.

BICTA yang mula diperkenalkan pada 2004, merupakan pertandingan ICT tahunan yang dianjurkan bersama oleh MTIC, AITI, dan InfoCom Brunei (IFB).

Inisiatif berkenaan turut mendapat sokongan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Kementerian Pendidikan, dan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB).

Seperti tahun sebelumnya, pertandingan pada tahun ini merangkumi 10 kategori

penyertaan yang terbuka kepada individu, pelajar, perniagaan, agensi kerajaan serta organisasi yang berminat. Kategori Utama terdiri daripada Consumer and Business Services; Inclusion and Community Services; Industrial dan Public and Government. Manakala, Kategori Sekolah terdiri daripada Sekolah Rendah Bagi penyertaan individu atau kumpulan penuntut Tahun 4 ke Tahun 6; Sekolah Menengah Bagi penyertaan individu atau kumpulan penuntut Tahun 7 ke Tahun 11 dan Institut Pengajian Tinggi Bagi penyertaan individu atau kumpulan penuntut Tahun 12 hingga peringkat mahasiswa. Kategori Silang pula menyetengahkan tiga kategori iaitu Start Up; Research & Development dan Technology.

Projek 'terbaik' daripada yang terbaik akan berpeluang menerima Trofi Anugerah Penaung Diraja berserta hadiah wang tunai berjumlah BND10,000.

Tertakluk kepada kelayakan, penyertaan yang dihantar di bawah Kategori Utama, kecuali Kategori Pelajar, juga boleh dipertimbangkan untuk menyertai salah satu Kategori Silang.

Aktiviti-aktiviti BICTA 2026 turut merangkumi BICTA Plus Bootcamp, iaitu sebuah program latihan dan bimbingan khusus bagi meningkatkan kemahiran dan keupayaan para peserta dalam pelbagai bidang sebelum pertandingan berlangsung.

Antara topik yang diketengahkan termasuk penjanaan idea dan pengesahan (*ideation and validation*), perancangan perniagaan dan kewangan, strategi pemasaran, kemahiran *pitching* dan pembentangan serta reka bentuk pemikiran (*design thinking*).



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat majlis.

BICTA merupakan sebahagian daripada Anugerah Asia-Pacific ICT Alliance (APICTA), dan kategori dan standard yang diguna pakai adalah selaras dengan piawaian APICTA. Sejak penyertaan NBD dalam APICTA pada 2008, negara telah berjaya meraih sebanyak tujuh anugerah pemenang dan 37 anugerah merit setakat ini.

Pemenang BICTA 2026 akan mewakili NBD ke Anugerah APICTA 2026 yang akan diadakan pada penghujung tahun ini di Jakarta, Republik Indonesia. Para peserta yang mewakili negara akan ditanggung perbelanjaan perjalanan, elaun, insurans serta penginapan sepanjang penyertaan berkenaan.

BICTA 2026 menyediakan satu platform yang bernilai kepada para inovator di seluruh negara untuk menyetengahkan idea mereka,

memacu inovasi digital serta menyumbang secara bermakna ke arah membentuk masa depan digital NBD.

Semua sekolah rendah, menengah dan institusi pengajian tinggi, serta individu tempatan, Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), agensi kerajaan dan organisasi yang mempunyai produk dan perkhidmatan ICT adalah dialu-alukan untuk menyertai pertandingan berkenaan.

Maklumat lanjut serta borang penyertaan boleh didapati melalui laman sesawang BICTA di www.bicta.gov.bn. Tarikh akhir penghantaran penyertaan adalah pada 30 Jun 2026.

Bagi maklumat lanjut, para peserta yang berminat boleh menghubungi Sekretariat BICTA melalui e-mel bicta@aiti.gov.bn atau talian +673 2323232.

Seni mural raikan 40 tahun hubungan diplomatik Kanada-Brunei



TUAN Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke NBD bersama Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB semasa perasmian mural baharu dan seterusnya sesi bergambar ramai (kiri dan kanan).

budaya dan masyarakat serta meraikan nilai bersama seperti hormat-menghormati, kerjasama dan ikatan kukuh yang menyatukan negara kita," jelasnya.

Bertajuk 'The Stamp - Setem', karya seni tersebut menggabungkan landskap ikonik, mercu tanda serta motif flora dari kedua-dua negara.

Elemen air diletakkan di tengah reka bentuk sebagai simbol lautan yang memisahkan namun pada masa sama menghubungkan Kanada dan Brunei Darussalam.

Angka 40 yang digabungkan dalam tulisan Jawi dan angka Rom menandakan pencapaian bersejarah tersebut, sekali gus mengekalkan elemen kontemporari dan berpandangan jauh.

Sementara itu, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB berkata, pihak YSHHB mengalu-alukan inisiatif bermakna oleh Suruhanjaya Tinggi Kanada itu.

Menurutnya, mural yang memaparkan mercu tanda



Kanada dan Brunei Darussalam mencerminkan semangat persahabatan, saling menghormati dan persefahaman budaya antara kedua-dua negara.

"YSHHB berbesar hati melihat inisiatif ini direalisasikan di kompleks YSHHB selaras dengan prinsip kami dalam mempromosikan keharmonian, kreativiti dan kebersamaan dalam kalangan negara," tambah beliau.

Mural tersebut menjadi simbol awam persahabatan yang boleh diakses oleh penduduk serta pengunjung di Bandar Seri Begawan dan mencerminkan empat dekad sejarah bersama,

keindahan alam semula jadi serta hubungan erat antara rakyat kedua-dua negara.

Majlis berkenaan turut dihadiri oleh ahli-ahli Wadah Amal Sendirian Berhad, barisan eksekutif Canada-Brunei Chamber of Commerce and Networking Association serta wakil media dan pengengaruh tempatan.

Projek tersebut mendapat sokongan YSHHB, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan CAE MPTC sebagai manifestasi komitmen berterusan dalam memperkukuh hubungan budaya dan diplomatik antara kedua-dua negara pada masa hadapan.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 Mac. - Sebuah seni mural baharu yang berwarna-warni telah dirasmikan hari ini di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bagi meraikan ulang tahun ke-40 hubungan diplomatik antara Kanada dengan Brunei Darussalam.

Mural berkenaan, yang ditauliahkan oleh Suruhanjaya Tinggi Kanada, dihasilkan oleh Guerrilla Architects Studio dari Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan menyetengahkan elemen pertukaran budaya, kreativiti dan

persahabatan yang berkekalan antara kedua-dua buah negara.

Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke NBD, Tuan Yang Terutama Dr. Tamer Mansy dalam ucapannya berkata, seni memainkan peranan unik dalam menyatukan masyarakat dan sering dianggap sebagai bahasa sejagat yang merentasi sempadan, budaya dan jarak.

"Melalui seni, kita berkongsi cerita, meraikan identiti dan mewujudkan ruang untuk komuniti berhubung antara satu sama lain.

"Mural ini mengisahkan hubungan merentasi lautan,

PROGRAM KEMBARA AMAL RAMADAN : MEMPERKUKUH IKATAN ANTARA PIHAK KERAJAAN, MASYARAKAT MEMERLUKAN



ROMBONGAN Kembara Amal Ramadan di Daerah Brunei dan Muara diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (atas kiri). Manakala gambar atas kanan, rombongan di Daerah Belait diketuai oleh Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, sementara gambar bawah kanan, rombongan Kembara Ramadan di Daerah Temburong diketuai oleh Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS. Gambar bawah kiri pula rombongan di Daerah Tutong diketuai oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Mac. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) telah menganjurkan Program Kembara Amal Ramadan 1447 Hijrah / 2026 Masihi secara serentak di keempat-empat buah daerah bagi menyampaikan sumbangan berupa hamper yang berbentuk kuih dan kek raya, buah-buahan dan barang-barang asasi kepada 17 buah keluarga daripada golongan susah termasuk penerima Bantuan Kebajikan Bulanan dari JAPEM, anak-anak yatim, warga emas dan Orang Kelainan Upaya (OKU) baru-baru

ini. Rombongan Kembara Amal Ramadan di Daerah Brunei dan Muara diketuai oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad. Sebanyak lima buah rumah telah dikunjungi bagi menyampaikan sumbangan berkenaan yang dimulakan dari rumah pertama di Kampung Rancangan Perumahan Negara (RPN) Mentiri, Kampung Serasa, Kampung Tanah Jambu, Kampung RPN Lambak Kanan dan rumah terakhir di Kampung Kiulap. Turut menyertai rombongan, Pemangku Pengarah

Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh; pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan di bawah KKBS dan JAPEM, penghulu dan ketua-ketua kampung yang berkenaan.

Manakala rombongan di Daerah Belait diketuai oleh Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Kembara keempat buah rumah bermula dari rumah di Kampung RPN Pandan, dua buah rumah di Kampung RPN Panaga dan rumah terakhir di Kampung Jalan Mumong Selatan.

Turut menyertai rombongan ialah ketua jabatan, pengarah - pengarah dan pegawai-pegawai kanan dari KKBS dan JAPEM, penghulu dan ketua-ketua kampung yang berkenaan.

Sementara bagi Daerah Temburong pula, rombongan Kembara Ramadan diketuai oleh Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan), KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari.

Sebanyak empat buah rumah dikunjungi yang dimulakan dari rumah di Kampung Sumbiling Lama seterusnya ke Kampung Meniup, Kampung Tanjung Bungar Baru dan berakhir di Kampung Rataie.

Turut menyertai rombongan ialah ketua jabatan, pengarah-pengarah dan pegawai-

pegawai kanan dari KKBS dan JAPEM, penghulu dan ketua-ketua kampung yang berkenaan.

Manakala rombongan di Daerah Tutong pula diketuai oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), KKBS, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsafelah.

Kembara ketiga buah rumah bermula dari rumah di Kampung Lamunin, seterusnya ke dua buah rumah di Kampung Keriam.

Turut menyertai rombongan ialah ketua jabatan, pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai kanan dari KKBS dan JAPEM, penghulu dan ketua-ketua kampung yang berkenaan.

Sebagai program tahunan KKBS, inisiatif berkenaan

bertujuan memperkukuh ikatan antara pihak kerajaan dan masyarakat yang memerlukan. Diharapkan pemberian berkenaan sedikit sebanyak dapat meringankan beban golongan yang memerlukan, di samping memberikan kegembiraan kepada mereka dalam sama-sama menyambut Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang dengan penuh kerian dan kesyukuran.

Inisiatif seumpama berkenaan juga mencerminkan semangat keprihatinan dan kebersamaan dalam masyarakat, serta menggalakkan budaya saling bantu - membantu dalam memastikan kesejahteraan golongan yang memerlukan sentiasa terpelihara.



Kementerian Kesihatan akan terus pantau situasi wabak penyakit Meningokokal

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Mac. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai kejadian wabak penyakit Meningokokal yang dilaporkan di Kent, United Kingdom (UK).

Berdasarkan maklumat daripada United Kingdom Health Security Agency (UKHSA), setakat 16 Mac 2026, sebanyak 15 kes telah dilaporkan kepada pihak berkuasa kesihatan di UK termasuk empat kes yang disahkan melalui ujian makmal manakala 11 kes masih dalam siasatan.

Daripada jumlah tersebut, dua kematian telah dilaporkan.

Sebahagian daripada kes telah dikenal pasti sebagai jangkitan Meningokokal Kumpulan 'B' (MenB), iaitu jangkitan bakteria serius yang boleh menyebabkan meningitis (radang selaput otak) dan septisemia (jangkitan kuman dalam darah).

Penyakit Meningokokal jarang berlaku tetapi boleh merebak dengan cepat serta menyebabkan komplikasi yang serius. Gejala awal termasuk demam, sakit kepala, muntah, mengantuk, pernafasan laju, leher tegang serta ruam yang tidak pudar apabila ditekan. Tanpa rawatan, ia boleh menyebabkan kekeliruan, sawan

dan kematian.

Kementerian Kesihatan sedang bekerjasama rapat dengan Kementerian Pendidikan serta Brunei Student Union di UK bagi memantau status kesihatan pelajar-pelajar Negara Brunei Darussalam (NBD) di luar negara serta memberikan sokongan dan panduan yang diperlukan.

Setakat ini, terdapat dua pelajar NBD yang sedang menuntut di Kent, UK dan kedua-duanya dilaporkan berada dalam keadaan sihat dan selamat.

Berdasarkan penilaian semasa, risiko kepada orang awam di NBD adalah rendah memandangkan tiada kes yang berkaitan dengan wabak tersebut dilaporkan di

negara ini. Walau bagaimanapun, risiko kemasukan kes dari luar negara melalui perjalanan antarabangsa masih wujud, khususnya dalam kalangan individu yang baru pulang dari kawasan Kent di UK.

Sehubungan itu, pelajar-pelajar negara ini di UK adalah dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi nasihat kesihatan yang dikeluarkan oleh perkhidmatan kesihatan universiti masing-masing dan autoriti kesihatan tempatan (*local health authorities*) serta mengelakkan tempat-tempat yang sesak dan tertutup buat masa ini.

Pelajar atau individu yang baru pulang dari kawasan Kent juga adalah dinasihatkan untuk

berwaspada terhadap sebarang gejala dan mendapatkan rawatan perubatan dengan segera sekiranya mengalami tanda-tanda penyakit, serta memaklumkan kepada doktor mengenai sejarah perjalanan mereka.

Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi ini dengan rapi dan akan memaklumkan sebarang perkembangan terkini dari semasa ke semasa, jika perlu.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi Talian Nasihat Kesihatan Kementerian Kesihatan di talian 148 atau melayari laman sesawang rasmi Kementerian Kesihatan di www.moh.gov.bn.



SUMBANGAN tersebut diterima oleh Yang Berhormat Peguam Negara (atas), manakala gambar kanan, Yang Berhormat Peguam Negara semasa hadir pada majlis yang diadakan di di Dewan Al-Ma'rifah, Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkihah (YSHHB), Jalan Jerembak.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Mac. - Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim (DANA) hari ini menerima sumbangan keseluruhan berjumlah BND10,000 daripada Kedutaan Besar Republik Rakyat China di Negara Brunei Darussalam (NBD) pada majlis

DANA terima sumbangan BND10,000

yang diadakan di Dewan Al-Ma'rifah, Pusat Pengajian Kesenian dan Kaligrafi Islam, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkihah (YSHHB), Jalan Jerembak.

Sumbangan tersebut diterima oleh Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib, selaku Ahli Lembaga Pengarah YSHHB bagi pihak DANA, yang disampaikan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD, Tuan Yang Terutama Chen Shaochun.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap di Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA.

DANA sangat menghargai sokongan dan derma daripada para dermawan bagi sama-sama membantu DANA dalam



usahanya untuk Brunei Darussalam. YSHHB ialah sekretariat bagi DANA.

CUNGKIL BAKAT PENGUASAAN BAHASA, KEMAHIRAN PENGUCAPAN AWAM



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Mac. - Peraduan Pidato Bahasa Jepun Ke-37 telah diadakan dan dianjurkan bersama oleh Kedutaan Besar Jepun di Negara Brunei Darussalam (NBD), Lifelong Learning Centre (L3C) dengan Universiti Brunei Darussalam melalui Pusat Bahasa, dengan sokongan Royal Brunei Airlines dan Japan Foundation. Peraduan ini bertujuan

menggalakkan para pelajar bahasa Jepun serta individu yang berminat terhadap Jepun untuk menonjolkan tahap penguasaan bahasa dan kemahiran pengucapan awam, di samping mengekalkan minat serta semangat dalam mempelajari bahasa berkenaan.

Hadir pada acara tersebut, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke NBD, Tuan Yang Terutama Kikuta Yutaka.

TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam hadir pada acara tersebut.

Sebanyak dua kategori dipertandingkan, iaitu Pidato Bahasa Jepun dan Pembentangan Berkumpulan dalam Bahasa Inggeris mengenai Jepun.

Pada tahun ini, Kategori Pidato Bahasa Jepun (Peringkat Permulaan) turut dibukakan kepada pelajar sekolah menengah yang mengikuti bahasa Jepun sebagai sebahagian daripada kurikulum mereka.

Bagi Kategori Permulaan - Sekolah Menengah, pemenang tempat pertama ialah Awang Muhammad Adam Muhriz Fadillah bin Abdullah@Pengiran Haji Abdul Aziz dengan tajuk 'The Reason Why I Want to Learn Japanese', diikuti di tempat kedua oleh Awang Zaffarul Islam bin Mohd. Yusoff dengan tajuk 'Famous Japanese Landmarks'.

Dalam Kategori Permulaan (18 tahun ke atas), Awang Muhammad Haziq Zikry bin Muhammad Mazlani muncul sebagai juara dengan tajuk 'Why Do People Become Monsters?', manakala

Kiung Tee We meraih naib juara dengan tajuk 'My Hobby' dan Lee Pei Jia di tempat ketiga dengan tajuk 'My Favourite Hobby: Crochet'.

Sementara itu, bagi Kategori Lanjutan, Awang Mohammad Azrin @Shamil bin Shrain menjuarai kategori berkenaan dengan tajuk 'The Whisper of the Hands'.

Tempat kedua dimenangi oleh Ng Chee Hwa dengan tajuk 'This Moment is Ichigo Ichie', manakala tempat ketiga diraih oleh Awang Shakir Zufayri bin Abdullah dengan tajuk 'The Fear as the Karaoke Intro Begins'.

Bagi Pembentangan Berkumpulan, penyertaan daripada Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkihah menampilkan Awangku Luqman Al-Hakeem bin Pengiran Haji Muhd Lizam@Awangku Muhd. Labiq dan Awang Muhammad Irfan Izzuddin bin Mohamad Sharil dengan tajuk 'The Impact of Doraemon: Japan's Timeless Cultural Icon' yang meraih tempat pertama.

Pasukan dari Pusat Tingkatan Enam Belait yang diwakili oleh Dayang Nur Syafiqah binti Frizal dan Dayang Aisyah Saffia binti Adi Azman pula meraih tempat kedua dengan tajuk 'Beyond the Tamiya

Track - An Urban Innovation in Japan'.

Manakala tempat ketiga dimenangi oleh wakil daripada Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, iaitu Awang Muhammad Hafiy Danish bin Mohamad Khairul Hadizam dan Awang Mohammad Shafiq Shauqei bin Haji Mohammad Athaillah dengan tajuk 'How the Shogunate was Formed?'.

Para pemenang menerima sijil dan trofi berserta pelbagai hadiah menarik.

Pemenang Kategori Pidato Bahasa Jepun (Lanjutan) turut memenangi hadiah utama berupa lawatan ke Jepun yang ditaja oleh Royal Brunei Airlines untuk menyertai program 'Japanese Speech Presentation by the Winners of the Japanese Speech Contest in ASEAN Countries' anjuran Japan Overseas Enterprises Association.

Program tersebut memberi peluang kepada para peserta untuk membuat pembentangan pidato di Jepun bersama para pemenang dari negara-negara ASEAN, berinteraksi dengan pelajar universiti di Jepun serta melawat lokasi-lokasi bersejarah dan kebudayaan di negara berkenaan.

Sumbangan wakaf 439 buah kerusi lipat



Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid

BERAKAS, Rabu, 18 Mac. - Wakaf sedekah yang sangat-sangat merupakan satu daripada amalan dituntut dalam Islam, sepertimana

amalan sedekah yang lain, amalan ini dijanjikan dengan ganjaran yang amat besar oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada

PENYERAHAN wakaf kerusi lipat tersebut disampaikan oleh wakil-wakil pewakaf kepada Setiausaha Tetap KHEU.

pewakafnya.

Lebih istimewa lagi, pahala wakaf bersifat berpanjangan, iaitu terus mengalir selagi harta yang diwakafkan masih wujud dan dapat dimanfaatkan, meskipun pewakafnya telah kembali ke rahmatullah.

Sehubungan itu, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Ehwal Ugama (KHEU) pagi tadi menerima sumbangan wakaf berupa sebanyak 439 buah kerusi lipat daripada Keluarga dan Kumpulan Hamba Allah bagi keperluan di masjid, surau dan balai ibadat

seluruh negara.

Majlis Penyerahan Kerusi Wakaf tersebut diadakan di Bilik Mawar, KHEU.

Penyerahan wakaf kerusi lipat tersebut telah disampaikan oleh wakil-wakil pewakaf kepada Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, sebelum diserahkan seterusnya kepada wakil-wakil masjid.

Turut hadir menyaksikan penyerahan sumbangan wakaf berkenaan ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abd. Karim, dan Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri, serta pegawai dan kakitangan Jabatan Hal Ehwal Masjid.

BICTA mencungkil bakat, mencetus inovasi serta melahirkan penyelesaian digital tempatan

Oleh : Aimi Sani

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BERAKAS, Khamis, 19 Mac. - Sejak diperkenalkan pada 2004, BICTA telah berkembang menjadi platform utama inovasi ICT negara, yang menghimpunkan penyertaan daripada sektor kerajaan, industri, akademik serta individu berbakat. Dalam edisi terakhir pada 2025, sebanyak 180 penyertaan telah diterima, meningkat 13 peratus berbanding tahun sebelumnya. Daripada jumlah tersebut, 128 penyertaan telah disenarai pendek, sekali gus mencerminkan peningkatan ketara dari segi kualiti idea, kematangan produk serta tahap inovasi digital tempatan.

Lebih membanggakan lagi, melalui platform berkenaan inovasi tempatan juga telah berjaya mengharumkan nama Negara Brunei Darussalam (NBD) di peringkat serantau menerusi penyertaan dalam Asia Pacific ICT Awards atau APICTA, termasuk pencapaian satu kemenangan dan dua anugerah merit pada 2025.

Perkara berkenaan dikongsikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Pandu BICTA 2026 semasa menyampaikan ucapannya pada Majlis Pelancaran BICTA 2026 bertempat di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Katanya lagi, pencapaian

berkenaan jelas menunjukkan bahawa BICTA berperanan sebagai wadah penting dalam menggalakkan inovasi dan kreativiti dalam industri ICT dalam kalangan individu, pelajar serta organisasi awam dan swasta. Melalui pertandingan berkenaan, bakat digital anak tempatan bukan sahaja berpotensi di peringkat negara, malah berupaya untuk menembusi dan bersaing di peringkat antarabangsa.

Ir. Awang Haji Mohammad Nazri seterusnya menjelaskan, sebagai tanda komitmen dalam mengangkat inovasi tempatan ke pentas antarabangsa, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Pendidikan berserta Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI) turut menyediakan sokongan antaranya, (tertakluk kepada terma dan syarat) kepada para pemenang BICTA yang akan mewakili NBD ke APICTA Awards, berupa penajaan tiket penerbangan, tempat penginapan, elaun harian serta perlindungan insurans perjalanan.

Kejayaan berterusan BICTA selama lebih dua dekad berkenaan ujarnya lagi, adalah hasil kerjasama erat dan padu antara pelbagai pihak khususnya MTIC,

AITI dan InfoCom Federation Brunei (IFB) dengan sokongan penting daripada KHEU, Kementerian Pendidikan, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) dan pihak-pihak berkepentingan industri ICT di NBD.

Sinergi Whole of Government dan Whole of Ecosystem inilah tambahnya, yang terus memperkukuh BICTA sebagai platform yang menyatukan inovator, pembangun teknologi serta pemimpin digital negara.

"Seiring dengan perkembangan landskap digital negara, tema BICTA 2026 pada tahun ini, 'Innovate for a Digital Brunei', mencerminkan evolusi perjalanan digital negara daripada memberi tumpuan kepada transformasi, kepada memacu inovasi yang mampu menghasilkan impak yang lebih besar kepada masyarakat dan ekonomi negara.

"Ini adalah juga seiring dengan pengenalan (di masa yang terdekat) Digital Brunei Transformation Plan, yang akan berperanan sebagai pemangkin utama dalam menyokong usaha kepelbagaian ekonomi negara, memperkasa tenaga kerja dengan kemahiran digital, serta memastikan keterangkuman dan kepercayaan digital terus diperkukuhkan dalam kalangan masyarakat.

"Melalui bengkel Digital Brunei Transformation Plan yang telah diadakan pada bulan Ogos 2025 lepas bersama perunding antarabangsa, Long Street

Advisors, pelbagai pandangan strategik telah diketengahkan bagi memperkukuh ekosistem inovasi digital negara," ujarnya lagi.

Aspirasi ini katanya, sejajar dengan tema BICTA 2026, 'Innovate for a Digital Brunei', serta visi dan misi BICTA dalam menggalakkan pembangunan inovasi tempatan yang mampu memberi impak kepada masyarakat dan ekonomi negara. Hasil daripada bengkel berkenaan juga akan dikongsikan sebentar sahaja lagi, dan diharapkan perkongsian ini sedikit sebanyak dapat dimanfaatkan oleh para peserta dalam menghasilkan inovasi yang berasaskan bidang-bidang keutamaan yang mendukung ke arah merealisasikan aspirasi Digital Brunei.

Beliau seterusnya menambah bahawa 2026 ini juga merupakan tahun yang amat istimewa bagi BICTA kerana sekali lagi akan berlangsungnya Anugerah Penaung Diraja BICTA, yang diadakan setiap dua tahun sebagai pengiktirafan tertinggi terhadap kecemerlangan inovasi ICT tempatan.

Trofi Penaung Diraja katanya lagi, akan dianugerahkan kepada pemenang keseluruhan terbaik daripada kesemua 10 kategori pertandingan daripada individu, pelajar-pelajar dari peringkat rendah, menengah sehingga ke peringkat pengajian tinggi, syarikat-syarikat perniagaan, agensi-agensi kerajaan dan organisasi-organisasi yang



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi menyampaikan ucapannya pada Majlis Pelancaran BICTA 2026.

berminat.

Ir. Awang Haji Mohammad Nazri turut mengongsikan bahawa penganugerahan Anugerah Penaung Diraja BICTA akan disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri selaku Penaung Diraja Brunei ICT Awards.

Beliau dalam pada itu seterusnya mezharkan harapan agar BICTA akan terus menjadi platform yang mencungkil bakat, mencetus inovasi serta melahirkan penyelesaian digital tempatan yang mampu memberi manfaat kepada masyarakat dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi digital NBD.

PEJABAT KEBAWAH DYMM BERTAHLIL DI KUBAH MAKAM DIRAJA



Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Mac. - Pegawai dan Kakitangan Pejabat Kebawah Duli Yang Maha

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini

mengadakan Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja.

Majlis Bertahlil berkenaan adalah khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni

SETIAUSAHA Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hadir menyertai majlis tersebut.

Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman, dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Hadir bagi menyertai majlis tersebut ialah Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Dato Paduka Awang Haji Hamiddon bin Haji Ibrahim.

Bacaan Surah Yaa Siin, Tahليل dan Doa dipimpin oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II di Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Awang Muhammad Syafie@ Firdaus bin Tasad.

Juga hadir, Timbalan Setiausaha Sulit dan Laila Rahsia Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Dato Paduka Awang Haji Rosli bin Pehin Orang Kaya Shahbandar Dato Seri Paduka Haji Md. Salleh; Pemangku Grand Chamberlain, Pengiran Haji Raffizana bin Pengiran Haji Razali; serta pegawai-pegawai dan kakitangan Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Pengemaskinian Alert List BDCB

Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Mac. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin memaklumkan orang ramai mengenai pengemaskinian Alert List BDCB.

Alert List BDCB merupakan senarai entiti-entiti (iaitu syarikat dan individu) yang tidak dilesenkan, dibenarkan atau dikawal selia oleh BDCB.

Alert List ini dikeluarkan bagi meningkatkan kewaspadaan orang ramai dan mengelakkan salah tanggapan bahawa individu

atau syarikat yang disenaraikan adalah dilesenkan, dibenarkan atau dikawal selia oleh BDCB.

Senarai ini adalah tanpa prejudis kepada sebarang penilaian lanjut oleh BDCB terhadap aktiviti-aktiviti entiti berkenaan.

BDCB juga ingin memaklumkan orang ramai bahawa syarikat atau individu yang telah dimasukkan ke dalam Alert List BDCB adalah seperti berikut: a) Qawenna / Loan Online Brunei Official / +673 8800875; dan b) Central Bank of

Barnai (+92 349 7090779).

Alert List BDCB yang telah dikemaskinian boleh didapati di laman web BDCB.

BDCB ingin menasihatkan orang ramai supaya hanya berurusan dengan institusi-institusi kewangan yang berlesen dan seterusnya, untuk berwaspada terhadap syarikat atau individu tidak berlesen yang menjalankan atau menawarkan perkhidmatan kewangan.

Antara perkhidmatan-perkhidmatan kewangan di bawah bidang kuasa BDCB adalah pengiraman wang, penukaran

wang, pinjaman wang dan perkhidmatan pajak gadai.

Orang ramai juga diingatkan bahawa perlindungan di bawah rangka kerja penyeliaan BDCB tidak dapat diberikan kepada sesiapa yang memilih untuk berurusan dengan syarikat atau individu yang tidak dilesen atau dikawal selia.

Orang ramai juga boleh melayari laman sesawang BDCB di www.bdcbb.gov.bn atau Instagram BDCB @centralbank.brunei untuk maklumat lanjut mengenai bahaya entiti kewangan tidak berlesen serta cara-cara mengenal pasti

penipuan kewangan.

BDCB akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di Negara Brunei Darussalam. BDCB juga akan terus memantau sebarang aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen di Negara Brunei Darussalam.

Jika orang ramai mempunyai sebarang maklumat mengenai aktiviti kewangan yang mencurigakan atau tidak berlesen, sila hubungi: BDCB menerusi talian +673 2380007 / +673 8380007, atau melalui e-mel fcf@bdcbb.gov.bn atau di Talian Bantuan AntiPenipuan 16993.



KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN

Peraturan 7(A)

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan mempelawa pemohon daripada kalangan orang ramai dan pegawai / kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam untuk memohon jawatan berikut:

Jawatan:
Pembantu Teknologi Pendidikan

Bahagian:
IV

Tangga Gaji:
D.1-2-3 EB.4-5
(BND530 - BND1,625) sebulan

Kekosongan Jawatan:
Satu (1)

Tarikh Buka Permohonan:
19 Mac 2026

Tarikh Tutup Permohonan:
8 April 2026

Rujukan Iklan:
KUPU SB / PJW / 6.01 / 26-1D

Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi di nombor +673 2236277.



Pengiklanan Jawatan Kosong Peraturan 38(B)

Jawatan:
Penolong Kanan Profesor

Bahagian:
I

Tangga Gaji:
PT3 (BND5900 - BND6110)
sebulan

Kekosongan Jawatan:
Satu (1)

Bidang:
Syariah / Usul Fiqh / Usuluddin

Tarikh Buka Permohonan:
19 Mac 2026

Tarikh Tutup Permohonan:
8 April 2026

Rujukan Iklan:
KUPU SB / PJW / 6.01 / 26-1B

Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi di nombor +673 2236277.



Pengiklanan Jawatan Kosong Peraturan 38(A)

Jawatan:
Penolong Profesor

Bahagian:
II

Tangga Gaji:
PT2 (BND3880 - BND4960)
atau
PT2A (BND4480 - BND5610)
sebulan

Kekosongan Jawatan:
Empat (4)

Bidang:
Bahasa Arab (Linguistik Gunaan),
Pendidikan Awal Kanak-Kanak,
Pendidikan Khas, Psikologi,
Syariah dan Melayu Islam Beraja
(MIB)

Tarikh Buka Permohonan:
19 Mac 2026

Tarikh Tutup Permohonan:
8 April 2026

Rujukan Iklan:
KUPU SB/PJW/6.01/26-1C

Jika ada sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi di nombor +673 2236277.



Pengiklanan Jawatan Kosong Peraturan 38(A)

Jawatan:
Profesor Madya

Bahagian:
I

Tangga Gaji:
PT4 (BND6800 - BND7010)
sebulan

Kekosongan Jawatan:
Satu (1)

Bidang:
Ahli Sunnah Wal Jamaah

Tarikh Buka Permohonan:
19 Mac 2026

Tarikh Tutup Permohonan:
8 April 2026

Rujukan Iklan:
KUPU SB / PJW / 6.01 / 26-1A



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II & III

Kategori:
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
24 Mac 2026

Tarikh Tutup:
Selasa,
7 April 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran :
JKR / DBSKB / 013 / 2026

Nama Projek:
Membaikpulih Cerun Di KM4
Jalan Labi.

No. Projek:
2026ADKB / 2106 / 002-001-001

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

1. Perkhidmatan Pembersihan Bagi Pos Kawalan Sungai Tujoh, Pejabat JKED Pos Ofis Seria dan Rumah Transit Mumong, Cawangan Daerah Belait dan Tutong (CDBT), Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam Secara Berkontrak Bagi Tempoh Satu (01) Tahun

Ruj. Sebut Harga:
JKED / TAWARAN / UPA /
BHEK / Q / 2026 - 03

2. Perkhidmatan Pembersihan Bagi Pejabat dan Bilik Di Pos Kawalan Labu dan Kompleks Kawalan dan Pemeriksaan Ujong Jalan, Cawangan Daerah Temburong dan Kuala Lurah (CDTKL),



Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam Secara Berkontrak Bagi Tempoh Satu (01) Tahun

Ruj. Sebut Harga:
JKED / TAWARAN / UPA /
BHEK / Q / 2026 - 04

Tarikh Tutup:
Selasa,
7 April 2026

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
JKED / TAWARAN / UPA /
BHEK / Q / 2026-02
Perkhidmatan Pembersihan Bagi Pejabat Marin Dan Pencegah Muara, Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam Secara Berkontrak Bagi Tempoh Satu (1) Tahun

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa,
31 Mac 2026
Jam 2.00 Petang



JABATAN ADAT ISTIADAT NEGARA JABATAN PERDANA MENTERI

Notis Sebut Harga

Bilangan Sebut Harga:
JAIN / 24 / 1983 - 2026
Membekal Bendera Panjang
Jabatan Adat Istiadat Negara

Tarikh Tutup / Jam:
Selasa,
31 Mac 2026
Jam 9.00 Pagi

**Tempat Menghantar Sebut
Harga:**

Peti Sebut Harga,
Jabatan Adat Istiadat Negara,
Bandar Seri Begawan BA8610,
Negara Brunei Darussalam.



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

Iklan Tarikh Lanjutan

UNISSA / SB0066 / 2025 / 2026
Perkhidmatan Membekal
Dan Menghantar Jamuan Bagi
Mesyuarat, Lawatan Majlis Dan
Acara Anjuran Universiti Islam
Sultan Sharif Ali (UNISSA)
Secara Berkontrak Bagi
Tempoh Satu (01) Tahun

Tarikh Tutup Lanjutan:
Rabu,
25 Mac 2026
Jam 2.00 Petang


**UNIVERSITI TEKNOLOGI
BRUNEI**
**Job Vacancy
At Universiti Teknologi Brunei**

Advertisement No. 02/2026

Date Of Advertisement:
9 March 2026

Closing Date:
8 April 2026

Universiti Teknologi Brunei is pleased to invite suitably qualified and dynamic individuals to apply for the following strategic commercial position at Universiti Teknologi Brunei:

Advertisement No. 02 / 2026

Position:

 Lead Commercial
Marketing Officer

Salary:

BND3,000.00 Per Month

Vacancy:

One (01)

Contract:

Three (3) Years

**Submission Of
Application Form**

The application form and further details can be obtained by downloading them from the University's website at <https://www.utb.edu.bn/careerutb/>.

IMPORTANT:

Completed application forms together with the following supporting documents must be submitted via email to utbrecruitment@staff.utb.edu.bn with the email subject titled "Advertisement No.: 02/2026":

1. Copy of Smart Identity Card
2. Updated Curriculum Vitae (CV)
3. Copies of academic certificates with transcripts (Bachelor's degree and above)
4. Copy of latest salary slip (if applicable)
5. Passport-sized photograph
6. Proof of work experience
7. Referee details (2 referees)
8. A 1 – 2 page statement on "Your proposed approach to market development, stakeholder engagement, and revenue growth for UTB's laboratory and professional services".
9. Any other requirements as stated in the Universiti Teknologi Brunei job advertisement

The closing date for submission of applications is 8 April 2026, at 3:00 pm.

Applicants who are currently serving in the Government must submit their application through their Head of Department, together with the following documents, to the address below:

- A Confidential Report on the applicant's character and work performance from the Head of Department
- Performance Appraisals for the past 3 years (at least Grade B)
- Certified copies of the Service Record and Leave Record

**YANG MULIA
REGISTRAR AND SECRETARY
UNIVERSITI TEKNOLOGI
BRUNEI
JALAN TUNGKU LINK,
GADONG BE1410
NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM**

[UP: ASSISTANT REGISTRAR
(PERSONNEL), STAFF CENTRE]

**Advertisement No.: 02/2026
Reference: UTB/S5/1.6 (a)/2026**

All applications must be complete and submitted no later than the closing date of the advertisement. Application forms received after the closing date will not be considered.

Only shortlisted applicants will be notified.


**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / Y01 / 2025 -
2026

Keterangan Tajuk Sebut Harga:
Membekal dan Menghantar Plak Bagi Majlis Hafl At-Takharuj Kali Ke-32 Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama 1447H / 2026M

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
12 Syawal 1447H / 1 April 2026M,
tidak lewat jam 2.00 Petang.

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)


**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JPE / LTK / AMS / 071 / 2025
Supply And Delivery Of Electric Vehicle Including Installation Of EV Charger For Department Of Electrical Services (Recall)

Tarikh Ditutup:
Selasa
7 April 2026
Jam 2.00 Petang

Boleh Diperolehi Daripada:
Kaunter Unit Tawaran Dan Sebut Harga
Tingkat 4, Ibu Pejabat,
Jabatan Perkhidmatan Elektrik

Tempat Tutup:
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam

"Tender Box"
**Pengerusi Lembaga Tawaran
Kecil,
Jabatan Perdana Menteri
Lobi Utama, Aras 1,
Bagunan Jabatan Perdana
Menteri,
Kompleks Jabatan Perdana
Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam.**

Kelayakan:
Syarikat – Syarikat Yang Berdaftar Dengan ROCBN (Agen / Penjual)

Harga Dokumen:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)


**JABATAN DAERAH
BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**
Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Tawaran :
JDBM / Q / 07 / 2026
Tawaran Penyewaan 3 Ruang Unit Kedai Bertempat Di Dewan Kemasyarakatan Mukim Mentiri, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 31 Mac 2026
Jam 2.00 Petang



**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPE / LTK / MMD / 007 / 2026
Provision Of Manpower:
Discipline Maintenance Specialists
For Department Of Electrical
Services

Tarikh Tutup:
7 April 2026
Selasa,
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
B500.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Peti Tawaran
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1,
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913

Kelayakan / Open To:
Technical Consultancy / firm registered with Brunei Darussalam Board of Architects, Professional Engineers and Quantity Surveyors (BAPEQS) Ministry of Development, Negara Brunei Darussalam


**JABATAN PEMBANGUNAN
MASYARAKAT
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

Rujukan Iklan:
FEB2 / 2026 / JAPEM /
COUNTERSCCTV / RB

Tajuk Iklan:
Supply, Installation,
Configuration, Commissioning,
Testing, Training And Maintenance
Of CCTV Surveillance System For
Service Counter At Jabatan
Pembangunan Masyarakat

Tarikh Tutup:
Khamis, 2 April 2026



**Jemputan Untuk
Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PSP / 100 / 2025

Tajuk Tawaran:
Design And Engineering
Services For The Proposed
Upgrade Of Existing 66kv
Substation To 132kv-Rated
Substation At Muara,
Brunei-Muara District And
At Setia Diraja,
Belait District

Tarikh Tutup:
Selasa,
7 April 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)


**UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM**

**Pengiklanan Jawatan Kosong
Peraturan 38(a)**

Jawatan:
Timbalan Pendaftar

Tangga Gaji:
UB.4
(BND5,400)

Kekosongan:
1 Jawatan

Jabatan:
Universiti Brunei Darussalam

Menghadapkan Permohonan

**Bagi Pemohon Yang
Berkhidmat Dengan Kerajaan
Sahaja**

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan:
<https://tinyurl.com/TimbanganPendaftarUBD26>

Hendaklah memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap tidak lewat 25 Mac 2026.





**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
JKP / LTK / 2025-2026 / 16
Appointment Of A Training
Provider Or Institution For The
Delivery Of Basic Nature &
Wildlife Specialized Tourist
Guide Course

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
7 April 2026,
Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2026 – 2027 / 72

Tajuk Tawaran:
One Year General
Cleaning For Tourism
Development Department Office
(2026 – 2027)

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 26 Mac 2026
Jam 2.00 Petang.



Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JKP / SH / 2025-2026 / 74
Penyediaan Perkhidmatan
Kebersihan Di Bangunan Terminal
Penumpang Muara Semasa
Ketibaan Kapal Pesiar

**Bayaran Yuran Dokumen
Tawaran:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Buka Tawaran:
Sabtu,
28 Februari 2026

**Tarikh
Tutup Tawaran:**
Khamis,
26 Mac 2026,
Jam 12.00 Tengah Hari



**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2025 – 2026 / 73

Tajuk Tawaran:
One Year General
Cleaning For Tourism
Development Department Office
(2026 – 2027)

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 26 Mac 2026
Jam 2.00 Petang.



Bilangan Sebut Harga:
JKP / LTK / 2025 - 2026 / 17

Tajuk Sebut Harga:
Event Management Services For
Visit Year Brunei 2027 –
Pre-Launch Event

Tarikh Tutup Sebut Harga:
17 Mac 2026 (Selasa)
Jam 12.00 Tengah hari

**Yuran Setiap
Satu Sebut Harga:**
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Bilangan Rujukan
Dan Tajuk Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2026 /
NAU / LB / TA / 1001
Pembelian Buggy Car Bagi
Kegunaan Tentera Darat Diraja
Brunei Untuk Pengangkutan VVIP

Yuran Tawaran:
BND 30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah
seminggu sebelum tarikh
tutup tawaran, iaitu
**Selasa,
31 Mac 2026.**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
7 April 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

Tajuk Tawaran:
ATELS / 2026 / LTK-02
Supply, Delivery, Installation,
Configuration, Testing And
Commissioning Of The Air Traffic
Service Switching System
And Health Check For
Voice Communication,
Backup Voice Communication,
And Voice Recording Systems For
The Air Traffic Services Centre,
Department Of Civil Aviation

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Tawaran:**
23 Februari 2026, Isnin

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
20 April 2026, Isnin



**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT
KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI
DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.

2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.



1. Lengkapi Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
2. Lengkapi Kelulusan (seputaran / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
3. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (siti kelulusan dan pengiklanan Tajuk Kelulusan Pengiklanan Kelulusan (PKPK) yang berkesan)
4. Tandakan "X" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. Lengkapi Maklumat (Durian / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan latihan / latihan profesional dan lain-lain yang diwajibkan di dalam skim iklan)

+673 7371961 PSC.BN query@spa.gov.bn
Talian Whatsapp: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam PSC.BN

JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. PENGAWAS MASJID JABATANARAH AGAMA ANGKATAN BERSEJAJA DIRAJA BRUNEI KEMENTERIAN PERTAHANAN D.2 EB.3 (BAHAGIAN IV) 2026/MAR/01/KPTH	KEMENTERIAN PERTAHANAN	01	7(A)	28 MARCH 2026

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHOR YANG BUKAN TERDIRI DARI PECAWAN DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKALAHKAN OLEH PERATURAN TAJ SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPOLEH DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



**JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam**

Kelas:
II atau III atau IV

Kategori:
KPB12

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa, 7 April 2026

Tarikh Tutup Pada:
Selasa, 14 April 2026
Sebelum Jam 2.00 Petang

**Ditutup di Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah
Bangunan Kementerian
Pembangunan, Lapangan
Terbang Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam**

**JASTRE / BL / T003 / 2026
Kerja-Kerja Pemeliharaan
Landskap Di Jalan Perdana
Menteri (Dari Pusing Keliling
PMO Ke Pusing Keliling
Berakas) Termasuk Jalan
Menuju Pusing Keliling Airport
Dan Jalan Stadium Menuju
Pusing Keliling Pusat Dakwah
Termasuk Jalan Ke Mulia Hotel,
Negara Brunei Darussalam
Untuk Tempoh Tiga (03) Tahun.**

No. Projek:
JASTRE / BL / T003 / 2026
Jumlah Yuran Tawaran:
BND 30.00
(Non Refundable)



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar
Di Negara Brunei Darussalam**

**Kelas II, III, IV atau V
Kategori KPB12**

Tarikh Buka Tawaran pada:
2 Mac 2026 (Isnin)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
24 Mac 2026 (Selasa)

Tarikh Tutup Pada:
31 Mac 2026 (Selasa)
Sebelum Jam 2.00 Petang

**Ditutup di Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah
Bangunan Kementerian
Pembangunan, Lapangan
Terbang Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam**

**JASTRE / BL / T002 / 2026
Kerja-Kerja Penyelenggaraan
Landskap Di Kawasan Pusing
Keliling Lapangan Terbang,
Pusing Keliling Berakas, Pusat
Keliling Pusat Dakwah, Pusing
Keliling PMO, Pusing Keliling
Kiulap dan Pusing Keliling
Berdekatan Masjid Jame 'Asr
Hassanil Bolkih,
Negara Brunei Darussalam
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun.**

No. Projek:
JASTRE / BL / T002 / 2026
Jumlah Yuran Tawaran:
BND30.00
(Non Refundable)



TABUNG ANAK YATIM DBM TERIMA SUMBANGAN BND10,250

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 Mac. - Kebajikan anak-anak yatim terus mendapat perhatian dan pemeduliaan daripada orang ramai apabila Tabung Anak Yatim Daerah Brunei dan Muara (DBM) hari ini telah menerima sumbangan daripada 18 penderma daripada Persatuan Hokkien Brunei Darussalam. Majlis Penyampaian

Sumbangan Derma Bagi Tabung Anak Yatim DBM berkenaan berlangsung di Jabatan DBM.

Dalam majlis berkenaan, keseluruhan jumlah sumbangan sebanyak BND10,250 yang disampaikan oleh wakil Persatuan Hokkien Brunei Darussalam, iaitu Pengerusi Persatuan Hokkien Brunei Darussalam, Awang Peng Yan Hoe kepada Pemangku

Pegawai DBM, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Sumbangan yang dihulurkan berkenaan merupakan hasil daripada kutipan sumbangan peribadi daripada 18 Ahli Eksekutif Hokkien Brunei Darussalam.

MAJLIS Penyampaian Sumbangan Derma Bagi Tabung Anak Yatim Daerah Brunei dan Muara (DBM) yang berlangsung di Jabatan DBM.



Membaca Surah Yaa Siin, Tahlii, Doa Selamat sempena Hari Kajicuaca Sedunia



JABATAN Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) semasa mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlii dan Doa Selamat sempena Sambutan Hari Kajicuaca Sedunia.

dunia tersebut yang berada di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sejak November 1984.

Sambutan ini juga bertujuan untuk menghargai peranan dan sumbangan penting Perkhidmatan Kajicuaca dan Hidrologi Kebangsaan di seluruh dunia dalam menyediakan maklumat cuaca, iklim dan hidrologi yang penting bagi menyokong keselamatan, kesejahteraan serta pembangunan sosioekonomi masyarakat.

Tema Sambutan Hari Kajicuaca Sedunia bagi tahun ini ialah 'Pantau Hari Ini, Lindungi Hari Esok' (Observing Today, Protecting Tomorrow), yang menekankan kepentingan pemerhatian dan pemantauan cuaca, iklim serta alam sekitar secara berterusan bagi meningkatkan kesiapsiagaan terhadap risiko bencana dan menyokong masa depan yang lebih selamat dan mampan.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Mac. - Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) telah mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlii dan Doa Selamat sempena Sambutan Hari Kajicuaca Sedunia pada hari ini, bertempat di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Hadir selaku Pengerusi Majlis

ialah Pemangku Pengarah Kajicuaca, Dayang Rokiah binti Haji Angas.

Turut hadir ialah mantan pegawai serta warga Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah yang diimamkan oleh Imam Surau Lapangan Terbang

Antarabangsa Brunei, Awang Haji Mohammad Ashraf bin Haji Bujang.

Majlis seterusnya diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlii secara berjemaah, dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Majlis keagamaan ini diadakan sebagai salah satu

pengisian bagi memperingati sambutan Hari Kajicuaca Sedunia yang disambut setiap tahun pada 23 Mac.

Sambutan ini memperingati penguatkuasaan Konvensyen Pertubuhan Kajicuaca Sedunia (World Meteorological Organization - WMO) pada tahun 1950.

NBD merupakan antara negara ahli kepada badan saintifik

Pastikan kebajikan anak yatim terus diberi perhatian

Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Perundingan Mukim Berakas 'B'

BERAKAS, Rabu, 18 Mac. - Program Sentuhan Ihsan : Kasih Anak Yatim, telah diadakan di Masjid Kampung Sungai Hanching sebagai sebahagian daripada usaha berterusan dalam menyantuni kebajikan anak-anak yatim di bawah Mukim Berakas 'B'.

Seramai 40 anak yatim dari kalangan penduduk Mukim Berakas 'B' diraikan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Penghulu Mukim Berakas 'B', Awang Haji Syed Mohd. Yassin bin Haji Syed Anayatullah Shah, merangkap Pengerusi Majlis Perundingan Mukim Berakas 'B'.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat sebagai pembuka majlis, diikuti dengan bacaan Tahlii Arwah yang diketuai oleh Imam Masjid Kampung Sungai Hanching, Awang Haji Noor Azalienita bin Haji Ratu.


Dalam ucapannya, tetamu kehormat menjelaskan bahawa

Program Sentuhan Ihsan merupakan satu inisiatif kebajikan berteraskan nilai keprihatinan, kasih sayang dan kebersamaan dalam membantu golongan yang memerlukan, khususnya anak-anak yatim.

Beliau turut menekankan bahawa program berkenaan bukan sahaja bertujuan menyampaikan bantuan, malah sebagai usaha memperkukuhkan semangat perpaduan dan keprihatinan dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, beliau turut merakamkan penghargaan kepada para penaja dan penyumbang termasuk Baluriah Travel Sdn. Bhd., Syarikat Dayang Limah dan Anak-anak, Persatuan Jurulatih Bola Sepak Brunei Darussalam serta individu-individu dari Mukim Berakas 'B' yang telah sama-sama menayakan program tersebut.

Program ini mencerminkan komitmen berterusan pihak penghulu, ketua-ketua kampung dan Pemangku-pemangku Ketua



SESI bergambar ramai pada Program Sentuhan Ihsan : Kasih Anak Yatim yang diadakan di Masjid Kampung Sungai Hanching.

Kampung Mukim Berakas 'B' dalam memastikan kebajikan anak-anak yatim terus diberi perhatian melalui pendekatan komuniti yang

bersepadu.

Inisiatif ini selaras dengan aspirasi Sentuhan Ihsan, 'Keprihatinan Menghidupkan

Harapan', yang menekankan bahawa setiap sumbangan mampu memberi sinar harapan kepada mereka yang memerlukan.



SILA IMBAS UNTUK KHUTBAH LENGKAP



TERUSLAH MELANGKAH DI JALAN IBADAH

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 30 Ramadhan 1447H / 20 Mac 2026M

ISTIQAAMAH

Teguh pendirian dan berterusan dalam menjalankan segala perintah Allah SWT dan menjauhi larangan-Nya.

DALAM MELAKUKAN



Amal kebajikan



Tanpa mengira waktu



Ataupun musim



AMALAN



- Dilakukan secara berterusan
- Walaupun sedikit,
- Adalah jauh lebih utama dan lebih dicintai oleh Allah SWT

- Berbanding amalan yang banyak
- Akan tetapi hanya dilakukan sekali-sekala,

TERUS DAN TETAPLAH KITA MELANGKAH DI JALAN IBADAH



Jangan kita biarkan Syawal menjadi pintu kelalaian

Setelah Ramadan menjadi medan penyucian.



Berusaha memperbaiki diri

Menjaga hati agar tetap dekat dengan Allah SWT.

Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam



Teruslah melangkah di jalan ibadah

amanah. Antara kewajiban yang besar dalam syariat Islam ialah menunaikan Zakat Fitrah dan Zakat Harta bagi sesiapa yang wajib ke atasnya. Zakat mengandungi hikmah penyucian diri, harga dan penyempurnaan ibadah, di samping membantu golongan yang memerlukan. Maka janganlah kita lalai dan leka. Hendaklah kewajiban itu ditunaikan mengikut ketetapan syarak dan sebagai tanda syukur, taat dan peduli sesama insan.

Hari Raya Aidilfitri adalah hari kemenangan umat Islam setelah berjaya melaksanakan ibadah puasa di bulan Ramadan. Aidilfitri bukan sekadar perayaan, akan tetapi tanda kejayaan, lambang ketaatan dan bukti kekuatan jiwa menundukkan hawa nafsu demi mencari reda Allah Subhanahu Wata'ala.

Umat Islam diseluruh dunia menyambut dan merayakan Aidilfitri dengan hati yang penuh rasa syukur atas nikmat iman, kesempatan beribadah dan peluang untuk kembali kepada fitrah. Sesungguhnya kegembiraan yang dirasakan bukanlah sekadar kerana pakaian baharu ataupun hidangan yang lazat, akan tetapi kerana kita telah berjaya mengharungi tarbiah Ramadan yang mengasuh jiwa, menyucikan hati dan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Aidilfitri adalah ruang untuk kita mengukuhkan silaturahim, saling bermaafan dan menyebarkan kasih sayang sesama insan. Ia adalah detik untuk memulakan lembaran baharu dengan hati yang bersih dan hubungan yang lebih erat dengan keluarga, saudara-mara, jiran tetangga, sahabat handai dan rakan taulan.

Oleh itu, dalam kegembiraan kita menyambut dan merayakan Aidilfitri, janganlah kita hanyut dalam kelalaian hingga melupakan hakikat sebenar kemenangan ini. Ini kerana Aidilfitri

bukanlah sekadar hari untuk bergembira, akan tetapi ruang untuk bermuhasabah, menilai sejauh mana perubahan yang telah kita usahakan sepanjang kita berada dalam bulan Ramadan.

Jangan biarkan semangat ibadah kita terhenti bersama berlalunya Ramadan. Sebaliknya, kita teruslah melangkah di jalan ibadah, menjaga akhlak dan menjauhi perkara yang melalaikan. Kita berusaha memperbaiki diri ke arah yang lebih baik bukan hanya ketika Ramadan, akan tetapi di sepanjang hayat kita.

Erti istiqamah menurut Imam An-Nawawi Radhimahuallah dalam Kitab Riyadus Salihin ialah teguh pendirian dan berterusan dalam menjalankan segala perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan menjauhi larangan-Nya, itulah istiqamah yang diberikan penekanan dalam Al-Quran dan hadis Sallallahu Alaihi Wasallam.

Sesungguhnya dalam beristiqamah, amalan yang dilakukan secara berterusan walaupun sedikit adalah jauh lebih utama dan lebih dicintai oleh Allah Subhanahu Wata'ala, berbanding amalan yang banyak akan tetapi hanya dilakukan sekali-skala. Darpada Aisyah Radiallahuanha, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud: *"Wahai sekalian manusia, beramallah sekadar kemampuan kamu, bahawasanya Allah tidak akan berasa jemu sehingga kalian berasa jemu dan sesungguhnya amalan yang paling dicintai Allah adalah amalan yang dikerjakan secara berkekalan walaupun sedikit"*. (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Agama Islam menuntut umatnya agar sentiasa beristiqamah dalam melakukan amal kebajikan tanpa mengira waktu ataupun musim. Justeru, segala amal soleh yang telah kita lakukan di sepanjang bulan Ramadan, janganlah ia terhenti seiring berlalunya Ramadan. Sebaliknya, amalan-amalan tersebut hendaklah

kita teruskan dan pertahankan dalam bulan-bulan yang lain, sebagai tanda kesungguhan, bukti keimanan dan sebagai pembakar semangat untuk terus meningkatkan takwa dan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Janganlah setelah kita bersungguh-sungguh berjuang di bulan Ramadan, kita kembali semula tenggelam dalam dosa dan maksiat sebaik sahaja melangkah ke bulan Syawal dan di bulan-bulan berikutnya. Alangkah ruginya jika segala amal dan usaha kita itu menjadi sia-sia, hanya kerana kita gagal mempertahankan nilai dan perubahan yang telah kita bina kerana Ramadan sepatutnya meninggalkan kesan yang kekal, bukannya sementara.

Terus dan tetapkan kita melangkah di jalan ibadah, jangan kita biarkan Syawal menjadi pintu kelalaian setelah Ramadan menjadi medan penyucian. Kita teruskanlah berusaha memperbaiki diri dan menjaga hati agar tetap dekat dengan Allah Subhanahu Wata'ala. Ini kerana orang yang berjaya bukanlah yang hebat di bulan Ramadan sahaja, akan tetapi orang yang sentiasa beristiqamah di sepanjang hayatnya.

Akhirnya, semoga segala ibadah dan amal kebajikan yang kita lakukan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala serta menjadi asbab turunnya berkat, rahmat dan inayah-Nya ke atas kita semua, bukan hanya di bulan Ramadan akan tetapi di sepanjang kehidupan ini hingga ke akhir hayat. *Amin Ya Rabbal Alamin*.

Tafsirnya: *"Maka hendaklah engkau (wahai Nabi Muhammad) sentiasa beristiqamah (tetap teguh di atas jalan yang benar) sebagaimana yang diperintahkan kepadamu dan orang-orang yang bertaubat bersamamu dan janganlah kamu melampaui batas. Sesungguhnya Dia Maha Melihat apa yang kamu kerjakan"*. (Surah Hud, ayat 112)

BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan sebenar-benar takwa iaitu dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Marilah kita memperbanyakkan amal ibadah dan amal kebajikan serta mempertingkatkan ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Janganlah kita mensia-siakan masa yang Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan. Sebaliknya jadikan setiap hari sebagai ruang untuk memperbaiki diri, memperkemas iman, memperbanyakkan taubat dan istighfar serta menguatkan hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam pada itu, agama mengajar kita supaya memelihara hak Allah Subhanahu Wata'ala dan hak manusia dengan penuh

Semarak Ramadan dengan Majlis Khatam Al-Quran



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit

PANCHOR MENGKUBAU, Rabu, 18 Mac. - Dalam usaha menyemarakkan lagi bulan suci Ramadan serta memupuk kecintaan terhadap Al-Quran, Masjid An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau petang tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Majlis tersebut menghimpunkan Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir, kumpulan Muslimah, belia dan beliawanis serta para peserta tadarus Al-Quran. Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Penolong Pengarah Hal Ehwal

Masjid, Awang Haji Asminan bin Haji Chuchu.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan surah-surah lazim Khatam Al-Quran dan Takhtim, diikuti dengan Doa Khatam Al-Quran yang dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid An-Na'im, Awang Muhammad Saifullah bin Haji Rosli.

Majlis diteruskan dengan Dikir Marhaban serta bacaan Doa Khas 'Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam' yang dipimpin oleh Bilal Masjid An-Na'im, Awang Muhammad Syafiq bin Suhardie. Majlis

kemudian disusuli dengan berbuka puasa serta menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Penganjuran majlis ini diharap dapat terus memperkukuhkan ukhuwah dalam kalangan masyarakat serta meningkatkan penghayatan terhadap Al-Quran khususnya di bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini.

MASJID An-Na'im, Kampung Panchor Mengkubau semasa mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi (atas dan kanan).

Bekalan bahan api domestik stabil, terjamin

■ Siaran Akhbar : Jabatan Tenaga

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 Mac. - Sehubungan dengan situasi pergolakan geopolitik di Timur Tengah pada masa ini, Jabatan Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM) sedang memantau dengan teliti sebarang kesan kepada pasaran tenaga serta rantaian bekalan global.

Pada masa ini, bekalan bahan api (*fuel*) domestik di Negara Brunei Darussalam adalah stabil dan terjamin.

Kerajaan terus bekerjasama rapat dengan agensi-agensi berkaitan serta pihak industri bagi memantau keadaan semasa dan memastikan ketersediaan bekalan bahan api di seluruh negara.

Orang ramai adalah diyakinkan bahawa kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah yang bersesuaian bagi memastikan bekalan bahan api yang boleh dipercayai (*reliable*) dan tidak terganggu (*uninterrupted*) untuk kegunaan rumah, perniagaan serta perkhidmatan-perkhidmatan penting.

Jabatan Tenaga di JPM akan terus memantau perkembangan semasa dan akan menyalurkan maklumat lanjut sekiranya terdapat sebarang perubahan.



27 ANAK YATIM TERIMA SUMBANGAN PERSATUAN BULAN SABIT MERAH

TUTONG, Rabu, 18 Mac. - Persatuan Bulan Sabit Merah Brunei Darussalam Platon Daerah Tutong dan Platon Daerah Belait telah menganjurkan Program Kembara Infak Kasih Ramadan yang berlangsung di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong, baru-baru ini.

Majlis ini diadakan bersempena bulan suci Ramadan sebagai salah satu inisiatif kebajikan persatuan dalam menyantuni serta berkongsi rezeki bersama golongan yang memerlukan, khususnya anak-anak yatim, di samping mengeratkan hubungan silaturahim antara ahli persatuan, masyarakat setempat serta para jemputan yang hadir.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Presiden Persatuan Bulan Sabit Merah Brunei Darussalam, Dayang Lailatul Zubaidah binti Hussain.

Turut hadir, Setiausaha Agung, Naib Presiden I, Bendahari Kehormat serta Pengarah Kebangsaan Persatuan Bulan Sabit Merah Brunei Darussalam, di samping ahli-ahli persatuan dari Platon Daerah Tutong dan Platon Daerah Belait.

Majlis dimulakan dengan bacaan Al-Fatihah, diikuti dengan bacaan Tahليل dan Doa Selamat sebagai tanda kesyukuran serta memohon



PRESIDEN Persatuan Bulan Sabit Merah Brunei Darussalam, Dayang Lailatul Zubaidah binti Hussain hadir selaku tetamu kehormat pada Program Kembara Infak Kasih Ramadan yang berlangsung di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.

keberkatan dan kesejahteraan.

Seterusnya, majlis diteruskan dengan penyampaian sumbangan kepada seramai 27 orang anak-anak yatim yang disampaikan oleh Presiden Persatuan Bulan Sabit Merah Brunei Darussalam bersama Bendahari Kehormat Persatuan.

Selain itu, majlis turut diisikan

dengan sesi bergambar ramai sebelum para hadirin bersama anak-anak yatim sama-sama menikmati majlis berbuka puasa dalam suasana penuh kemesraan dan keberkatan.

Penganjuran program ini mencerminkan komitmen berterusan Persatuan Bulan Sabit Merah Brunei Darussalam

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Bulan Sabit Merah Brunei Darussalam Platon Daerah Tutong

dalam melaksanakan aktiviti kemasyarakatan dan kebajikan, selaras dengan nilai kemanusiaan dan semangat sukarelawan yang menjadi teras perjuangan persatuan.

Diharapkan program seumpama

ini akan terus dapat dilaksanakan pada masa akan datang bagi menyemai semangat prihatin, kasih sayang serta kepekaan terhadap golongan yang memerlukan dalam kalangan masyarakat.

Berbagi rezeki, eratkan hubungan sesama masyarakat

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

AMALAN saling memberi hadiah bukanlah sesuatu yang asing dalam kehidupan bermasyarakat. Sejak dahulu lagi, pemberian hadiah menjadi lambang penghargaan, kasih sayang, tanda ingatan serta manifestasi perkongsian rezeki antara sesama insan. Budaya ini berakar daripada nilai murni yang menekankan keprihatinan dan semangat kebersamaan. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, amalan saling memberi hadiah semakin mendapat tempat dan berkembang menjadi satu fenomena sosial yang popular, khususnya dalam kalangan rakan sekerja, ahli keluarga, komuniti serta kumpulan persahabatan. Aktiviti ini bukan sahaja menceriakan suasana, malah berperanan mengeratkan hubungan sosial dalam masyarakat moden yang semakin sibuk dan individualistik.

Secara umumnya, amalan berbagi rezeki melalui pemberian hadiah dilaksanakan dalam satu kumpulan dengan peraturan tertentu yang dipersetujui bersama. Setiap individu akan menyediakan satu hadiah sebelum hadiah-hadiah tersebut diagihkan melalui kaedah seperti pemilihan nombor atau giliran. Pendekatan ini memberi peluang kepada setiap peserta untuk merasai kegembiraan memberi dan menerima secara seimbang. Salah satu faktor yang menyumbang kepada populariti amalan ini ialah pengaruh budaya kerja masa kini. Di tempat kerja, aktiviti pemberian hadiah sering dianjurkan sempena musim perayaan seperti Sambutan Hari Raya. Melalui pemberian yang sederhana tetapi bermakna, semangat kerjasama dapat dipupuk dan suasana kerja yang lebih mesra

dapat diwujudkan tanpa membebankan mana-mana pihak. Malah berbagi rezeki seperti ini juga dapat meringankan beban bagi sesetengah orang lebih-lebih lagi Hari Raya yang tidak lama lagi menjelang.

Selain itu, media sosial turut memainkan peranan penting dalam menyemarakkan budaya berbagi rezeki ini. Perkongsian gambar, video dan pengalaman pemberian hadiah di platform media sosial menjadikan amalan ini kelihatan lebih menarik dan kreatif. Pelbagai idea hadiah yang unik, pembungkusan yang estetik serta aktiviti sampingan yang menyeronokkan sering dikongsikan, sekali gus menggalakkan orang ramai untuk mengamalkan budaya ini dalam lingkungan sosial masing-masing. Pengaruh media sosial secara tidak langsung menyumbang kepada penyebaran nilai memberi dengan penuh keikhlasan.

Budaya berbagi rezeki melalui pemberian hadiah juga semakin berkembang dengan pelbagai konsep dan tema. Antaranya ialah penetapan had perbelanjaan bagi memastikan semua peserta berada pada tahap kemampuan yang sama. Pendekatan ini selaras dengan prinsip kesederhanaan dan mengelakkan pembaziran. Hadiah berbentuk keperluan harian seperti barangan dapur, alat tulis, produk penjagaan diri atau barangan berguna sering menjadi pilihan kerana lebih praktikal dan memberi manfaat jangka panjang. Selain itu, pemberian hadiah mengikut tema tertentu, termasuk warna, turut menjadi satu kelainan yang menambah elemen keterujaan dalam aktiviti tersebut.

Walau bagaimanapun, amalan ini tidak terlepas daripada beberapa cabaran.



Antaranya ialah tekanan dalam menyediakan hadiah / barangan yang sesuai sehingga ada individu berasa terbeban, khususnya dari segi kewangan. Terdapat juga kemungkinan hadiah / barangan yang diterima tidak menepati keperluan atau cita rasa penerima. Oleh itu, perancangan yang teliti serta sikap saling memahami dan menghargai amat penting agar amalan berbagi rezeki ini kekal membawa kegembiraan dan tidak menimbulkan rasa tidak puas hati.

Kesimpulannya, amalan saling memberi hadiah bukan sekadar satu aktiviti sosial,

sebaliknya merupakan manifestasi budaya berbagi rezeki yang mencerminkan nilai kebersamaan, keprihatinan dan keikhlasan dalam masyarakat. Dalam arus kehidupan moden yang serba pantas, budaya ini berperanan sebagai medium untuk merapatkan hubungan, menyemai kasih sayang serta mencipta kenangan bermakna bersama. Dengan niat yang tulus, sikap sederhana dan perancangan yang bijak, amalan berbagi rezeki melalui pemberian hadiah mampu terus dipelihara sebagai satu nilai positif yang relevan dan dihargai sepanjang zaman.

PUPUK MINAT BELIA MENDALAMI TADABBUR AL-QURAN



SEKITAR Program Siri Tadabbur Al-Quran Kali Ke-9 bagi minggu keempat dan terakhir di bulan Ramadan bertempat di Dewan Persidangan, pusat berkenaan (atas dan bawah kanan).

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

PULAIE, Khamis, 19 Mac. - Badan Sukarelawan Belia Da'ie dengan sokongan Urus Setia Program Keagamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) meneruskan lagi Program Siri Tadabbur Al-Quran Kali Ke-9 bagi minggu keempat dan terakhir di bulan Ramadan bertempat di Dewan Persidangan, pusat berkenaan di sini.

Bertemakan 'Menuju Wawasan 2035: Langkah Belia, Jejak Al-Anbiya' bagi siri tahun ini bertujuan memperkasakan generasi muda melalui

penghayatan kisah para nabi dalam Al-Quran selaras aspirasi Wawasan Brunei 2035, serta menekankan peranan belia sebagai ejen perubahan berpandukan wahyu dalam menghadapi cabaran semasa.

Program ini telah diadakan secara mingguan sepanjang Ramadan yang menyediakan platform mesra belia untuk mendalami *tadabbur* Al-Quran, memupuk kecintaan terhadap Islam melalui perkongsian tematik, menjadikan para nabi sebagai teladan, dan menghidupkan majlis ilmu serta mengeratkan silaturahmi antara ahli Belia Da'ie, alumni

Akademi Dakwah dan orang awam.

Program ini dimulakan dengan mukadimah disampaikan oleh Awang Mohamed Syarif Abbas bin Awang Haji Mohd. Zaini, diikuti bacaan dan terjemahan Surah Yusuf, ayat 55-57 yang dibacakan oleh Awang Muhammad Hazmi bin Haji Razab.

Seterusnya, kuliah *tadabbur* bertemakan 'Menuju Wawasan 2035: Menyumbang dalam Ketahanan dan Ketaatan' disampaikan oleh Penolong Pensyarah Ekonomi Islam dan Kewangan, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Awang Mohammad Fuad bin Matahir.

Inti pati kuliah antara lain menekankan isu budaya jalan pintas yang mengutamakan kejayaan secara segera tanpa perancangan rapi, yang boleh menyebabkan hala tuju pembangunan ekonomi menjadi kurang jelas dan tidak berdaya tahan.

Oleh itu, golongan belia perlu bergerak secara selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035, iaitu ke arah pembentukan ekonomi yang dinamik, mampan dan berdaya tahan.

Dalam hal ini, kisah Nabi Yusuf Alaihissalam dapat dijadikan teladan, khususnya apabila Baginda merancang penyimpanan hasil pertanian ketika musim subur

sebagai persediaan menghadapi musim kemarau.

Prinsip perancangan strategik tersebut memberi pengajaran bahawa belia perlu mengamalkan pengurusan kewangan yang berhemah, membina kemahiran serta pengetahuan sebelum menceburi bidang keusahawanan, dan merancang pembangunan kerjaya secara beretika.

Pendekatan ini penting bagi memastikan pembangunan ekonomi yang dicapai bersifat kukuh, mampan dan berlanjutan.

Program Siri Tadabbur Al-Quran 9.0 minggu terakhir kali ini turut diserikan dengan sesi *giveaway*

bertemakan 'Walaupun Hanya Satu Ayat...', di mana tiga peserta terawal yang secara sukarela berkongsi *ibrah*, pendapat, refleksi atau pengajaran daripada ceramah telah menerima hadiah berupa hamper.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati kepada penceramah undangan serta sesi bergambar ramai.

Program ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dengan kehadiran seramai 50 orang peserta.

Rakaman penuh program tersebut boleh didapati di akaun Instagram rasmi Belia Da'ie @beliadaie.



Burung Pekak Emas

Nama Binatang : Stork-billed Kingfisher

Nama Saintifik : *Pelargopsis capensis*

CITES : Tidak tersenarai

IUCN : Least Concern / Tidak terancam

Nama Tempatan :

Burung Pekak Emas / Raja Udang Paruh Bangau

Order : Coraciiformes

Kelas Spesies : Aves

Maklumat disediakan oleh : Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

EDISI kapsul Kenali Hidupan Liar Kitani bulan ini, mari sama-sama *kitani* menyelami keindahan alam semula jadi dan mengenali dengan lebih dekat salah satu spesies burung yang unik di Negara Brunei Darussalam (NBD), iaitu Burung Pekak Emas, atau dikenali juga sebagai Stork-billed Kingfisher. Burung yang menarik perhatian ini bukan sahaja cantik dengan warna dan bentuknya, malah turut memainkan peranan penting dalam keseimbangan ekosistem, khususnya di kawasan sungai dan paya bakau.

Mari *kitani* kenali dengan lebih dekat salah satu spesies burung yang menarik perhatian, iaitu Burung Pekak Emas, atau nama saintifiknya *Pelargopsis capensis*. Di peringkat tempatan, burung ini juga dikenali sebagai Raja Udang Paruh Bangau, sempena paruhnya yang besar, panjang dan kuat yang menyerupai seakan-akan paruh burung bangau. Paruh inilah yang membantu burung ini menangkap mangsa, dan pada masa yang sama membezakannya daripada spesies *kingfisher* lain di rantau ini. Dari segi saiz, Burung Pekak Emas merupakan antara yang paling besar dalam keluarga *kingfisher*, dengan panjang kira-kira 35 sentimeter. Bentuk badannya

tegap dan berisi, dilengkapi paruh merah terang yang menyerlah. Kepala dan lehernya berwarna perang muda, manakala belakang serta sayapnya berwarna hijau kebiruan atau *pirus*. Bahagian dada dan perut pula berwarna kekuningan atau krim. Gabungan warna yang jelas dan cantik ini menjadikan burung ini mudah dikenali, terutamanya apabila ia bertenggek di dahan pokok berhampiran sungai. Burung Pekak Emas biasanya boleh ditemui di kawasan lembap seperti sungai kecil, paya bakau dan tebing sungai. Ia juga sering kelihatan di kawasan sawah padi, lembah berair serta tebing yang dipenuhi pokok dan selalunya tidak jauh dari sumber air.

Secara umumnya, burung dewasa dan anak Burung Pekak Emas kelihatan hampir sama dari segi warna. Namun, anak burung biasanya mempunyai tepi bulu yang sedikit lebih kusam dan nipis berbanding burung dewasa. Spesies yang unik ini boleh ditemui di kawasan Asia Tenggara tropika, termasuk di NBD. Walaupun namanya *kingfisher* atau raja udang, burung ini bukan hanya memakan ikan. Dietnya turut merangkumi katak, ketam, cicak, tikus kecil serta serangga bersaiz besar. Burung Pekak Emas selalunya menunggu di dahan rendah berhampiran air, sebelum menyambar mangsanya dengan pantas iaitu satu teknik pemburuan pasif yang sangat berkesan. Untuk bersarang, burung ini menggali

terowong di tebing sungai, kayu reput atau sarang anai-anai yang besar. Dalam satu musim pembiakan, ia biasanya menghasilkan dua hingga lima biji telur. Spesies ini memainkan peranan penting dalam mengekalkan keseimbangan ekologi. Ia membantu mengawal populasi ikan kecil dan amfibia, selain menjadi petunjuk kesihatan habitat air bersih dan hutan lembap, serta menyokong rantaian makanan semula jadi di kawasan sungai dan paya.

Burung Pekak Emas pada masa ini tidak tersenarai dalam Apendiks Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Fauna dan Flora Terancam, atau CITES, dan dikategorikan sebagai Least Concern, iaitu tidak terancam. Status ini diberikan kerana taburannya yang luas serta keadaan habitatnya yang masih stabil secara keseluruhan. Walau bagaimanapun, pemantauan dan pengurusan populasi tetap penting bagi memastikan spesies ini terus terpelihara dan tidak menghadapi risiko kepupusan pada masa hadapan. Burung Pekak Emas melambangkan kekayaan biodiversiti NBD dan berpotensi menjadi salah satu tarikan utama dalam ekopelancongan. Selain itu, ia memainkan peranan penting dalam mengekalkan keseimbangan ekosistem hutan dan sungai, sekali gus membantu meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan memelihara spesies burung yang



Sumber Foto : EDUARDO BAUTISTA8 BWPC 2022, JPH
(file name : B21-08-08- Stork-Billed Kingfisher)

unik dan berharga ini. Melindungi habitat semula jadi Burung Pekak Emas bukan sahaja menjamin kelangsungan hidup spesies ini, malah turut memberi manfaat kepada sektor pertanian dan perikanan melalui ekosistem yang sihat dan seimbang. Usaha ini secara tidak langsung menyumbang kepada kelestarian alam sekitar, demi kesejahteraan hidupan liar dan manusia, untuk dinikmati oleh generasi akan datang.

Di NBD, kehadiran burung seperti Burung Pekak Emas membuka peluang besar dalam pembangunan ekopelancongan, termasuk aktiviti pemerhatian burung, pendidikan biodiversiti hutan tropika, serta dapat mempromosikan habitat semula jadi *kitani* sebagai tarikan pelancongan berasaskan alam semula jadi. Dengan pemeliharaan habitat air bersih dan hutan yang terus dilindungi, lebih ramai

penduduk tempatan dan pelancong berpeluang menghargai keindahan spesies ini sebagai sebahagian daripada khazanah biodiversiti negara *kitani*.

Semoga *kitani* semua dapat terus memahami, menghargai dan memelihara keunikan serta kepentingan hidupan liar seperti Burung Pekak Emas dalam mengekalkan keseimbangan ekosistem. Jangan lupa untuk terus mendengar kapsul radio bulanan 'Kenali Hidupan Liar Kitani', untuk mengenali lebih banyak lagi spesies menarik di negara *kitani*.

Sila ikuti setiap keluaran kapsul bulanan Kenali Hidupan Liar Kitani dan bagi melihat foto-foto spesies hidupan liar *kitani* yang telah dipaparkan dan maklumat lanjut berkenaan spesies tersebut, sila layari dan ikuti akaun Instagram Jabatan Perhutanan : *forestry.brunei*.

'Lindungi hidupan liar *kitani* untuk memelihara Hutan Kitani...'



Menjaga tutur kata semasa berhari raya

Oleh : Norliah Md. Zain

Ilustrasi : Ak. Izzan Danish Pg. Idris, Penempatan penuntut Kolej Pengajian Siswazah Antarabangsa di Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

SETELAH sebulan umat Islam berpuasa dan meningkatkan amal ibadah, tibalah masa untuk menyambut hari kemenangan iaitu Hari Raya Aidilfitri. Peralihan dari bulan Ramadan ke Syawal merupakan satu waktu yang penuh kegembiraan dan keceriaan. Inilah masanya untuk merayakan kemenangan rohani dengan menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Ketika ini kita hendaklah meningkatkan rasa kesyukuran selepas sebulan berpuasa. Hari Raya menjadi waktu untuk bersyukur kepada Allah atas segala nikmat yang diberikan. Suasana yang ceria menghiasi Hari Raya sebagai tanda meraikan Hari Raya dengan penuh kegembiraan.

Di Negara Brunei Darussalam, antara tradisi kita semasa Hari Raya ialah kunjung mengunjung ke rumah-rumah antara ahli keluarga dan sahabat handai. Ini sememangnya dapat memperkukuhkan hubungan silaturahim dengan ahli keluarga, sanak saudara, dan sahabat handai.

Adab sebagai tetamu terutama ketika

berkunjung ke rumah orang perlu dijaga antaranya dengan memberi salam dengan penuh hormat ketika tiba di rumah tuan rumah, berbual dengan nada yang mesra, dan menghindari perbualan yang boleh menimbulkan ketidakselesaan.

Memang difahami ada sanak saudara dan sahabat itu sudah lama tidak berjumpa. Sememangnya banyak cerita yang dikongsikan ketika berborak. Namun kita perlu ingat untuk menjaga tutur kata. Penggunaan kata-kata yang lembut dan bersopan santun akan mencerminkan keperibadian seseorang. Jangan sesekali berbicara dalam nada yang tinggi walaupun ketika bergurau. Setiap individu perlu lebih berhati-hati dalam berbicara supaya tidak menyinggung perasaan orang lain ketika berkunjung pada Hari Raya.

Antara contoh tutur kata yang perlu dielakkan adalah soalan berbentuk peribadi seperti mengenai pendapatan, zuriat, perkahwinan, bentuk badan dan penampilan.

Kurang peka ketika berbicara boleh menyebabkan ketidakselesaan kepada individu yang menghadapinya. Perlu diingat setiap orang mempunyai perjalanan hidup yang berbeza yang mungkin berhadapan dengan cabaran tertentu.

Janganlah juga menjadikan Hari Raya ini untuk mengumpat atau mengata hal orang lain. Ingatlah bahawa mengumpat itu tergolong dalam dosa besar.

Jauhi juga bicara berbaur sindiran atau ejekan pada bulan yang mulia ini. Berhati-hatilah ketika bergurau dan tidak menyentuh isu sensitif seperti fizikal, status, atau rezeki orang lain.

Gunakan bahasa yang sopan terutama ketika berbicara dengan orang lebih tua atau tetamu.

Perbincangan yang mendatangkan perbezaan pendapat juga mungkin boleh mencetuskan ketegangan dalam kalangan tetamu. Elakkan membawa topik yang boleh membawa kepada pertengkaran atau perasaan kurang senang, lebih-lebih lagi pada Hari Raya.

Bagi mereka yang mempunyai anak kecil, ibu bapa juga digalakkan untuk mengajar anak-anak tentang adab berbicara dan

berkelakuan baik semasa berkunjung ke rumah orang lain. Jangan menyampuk ketika orang tua berbicara kerana ia perbuatan yang kurang elok. Ingatkan mereka untuk mengucapkan terima kasih dan tidak menuturkan kata-kata yang kurang sopan. Ini boleh membantu memupuk nilai-nilai murni dalam diri mereka sejak kecil.

Oleh itu, menjaga tutur kata amat penting agar hubungan yang terjalin menjadi lebih erat dan penuh kasih sayang. Tutur kata yang baik itu dapat membina suasana harmoni dan gembira. Paling penting ia dapat mengelakkan salah faham atau perselisihan.

Tutur kata semasa berhari raya bukan sekadar ucapan manis, tetapi sebenarnya satu bentuk ibadah kerana ia menjaga hati sesama manusia.

Dengan berbicara secara sopan, menghormati perasaan orang lain, dan mengawal gurauan, kita dapat memastikan kunjungan Hari Raya menjadi pengalaman yang manis dan bermakna. Marilah kita bersama-sama mengamalkan adab yang baik agar Hari Raya disambut dengan penuh kegembiraan dan keharmonian.



2 SYARIKAT DIKENAKAN DENDA KOMPAUN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Daerah Tutong



ORANG ramai dan masyarakat umum disarankan memberikan kerjasama dan seharusnya peka mengenai kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggagal 30) (atas dan atas kanan).

TUTONG, Khamis, 19 Mac. - Unit Tutong telah mengeluarkan denda kompaun terhadap sebuah syarikat

kerana didapati melanggar Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian 2021, (Penggagal 30).

Syarikat berkenaan ialah Abro Sdn. Bhd. kerana didapati melakukan kesalahan di bawah Bab 12 (1) (a) dan dikenakan denda kompaun sebanyak BND2,000. Syarikat berkenaan telah melakukan kesalahan tersebut ditempat projek Kampung Bukit Panggal, Mukim Keriam, Tutong.

Manakala sebuah lagi syarikat iaitu Crescent Moon Sdn. Bhd. turut didapati melakukan kesalahan di bawah Bab 12 (1) (a) dan dikenakan denda kompaun sebanyak BND2,000. Syarikat berkenaan telah melakukan kesalahan tersebut di tempat projek Kampung Bukit Panggal, Mukim Keriam, Tutong.

Sehubungan itu, orang ramai dan masyarakat umum disarankan memberikan kerjasama dan seharusnya peka mengenai kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Rampaian (Penggagal 30).

Jika gagal membayar denda berkenaan dalam masa tujuh hari dari tarikh denda kompaun dikeluarkan maka syarikat tersebut boleh dihadapkan ke mahkamah dan jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman denda tidak kurang dari BND10,000 dan tidak melebihi BND30,000 dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Unit Penguatkuasaan, Jabatan Daerah Tutong ingin mengingatkan orang ramai, pihak syarikat dan pemilik premis-premis perniagaan agar sentiasa menjaga kebersihan alam sekitar, khususnya di kawasan premis-premis perniagaan dan juga kawasan awam dengan tidak membuang, melonggokkan atau meninggalkan apa jua jenis sampah sarap di tempat awam.



DARI MAHKAMAH

Padah miliki barang tegahan kastam

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 19 Mac. - Seorang lelaki warga tempatan dijatuhkan hukuman denda di Mahkamah Majistret atas lima pertuduhan kerana memiliki barang tegahan kastam, iaitu 322 unit *vape pod* pelbagai jenis, tiga unit *vape* aksesori, satu paket rokok, 14 kotak mercun pelbagai jenis, dan satu tin minuman keras.

Majistret Kanan, Dewi Norlelawati binti Haji Abdul Hamid membuat keputusan berkenaan selepas Awang Nor Afashahiza bin Awang Mohammad, 37 tahun didapati bersalah terhadap pertuduhan mengikut Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006.

Defendan ditangkap oleh Pegawai Operasi Jabatan Kastam dan Eksais Diraja pada 7 Jun 2023, di dua lokasi berbeza, iaitu kawasan letak kereta Soon Lee Megamart Lambak Kanan dan di sebuah rumah di kawasan Kampung Tanah Jambu.

Defendan dihukum denda oleh mahkamah sebanyak BND35,150 atau 31 bulan pemenjaraan jika gagal membayar keseluruhan denda.

Semua barang yang terlibat, iaitu *vape pod*, *vape* aksesori, rokok, mercun dan minuman keras dihukum rampas untuk diserahkan ke pihak kerajaan bagi tujuan dilupuskan.

No	PERMOHONAN BAHARU SIJIL HALAL DAN PERMIT	JUMLAH DILULUSKAN
1	SIJIL HALAL	15
2	PERMIT	2
No	PERMOHONAN MEMBAHARUI SIJIL HALAL DAN PERMIT	JUMLAH DILULUSKAN
1	SIJIL HALAL	23
2	PERMIT	3

PERMOHONAN BAHARU	
SIJIL HALAL	
1.	TEA GRAB COMPANY (WEDRINK) (CAWANGAN SENGKURONG)
2.	TEA GRAB COMPANY (WEDRINK) (CAWANGAN RIMBA POINT)
3.	TEA GRAB COMPANY (WEDRINK) (CAWANGAN RIMBA COMPLEX)
4.	TEA GRAB COMPANY (WEDRINK) (CAWANGAN GADONG)
5.	TEA GRAB COMPANY (WEDRINK) (CAWANGAN MATA-MATA GADONG)
6.	TEA GRAB COMPANY (WEDRINK) (CAWANGAN DELIMA SATU)
7.	SHINOBU SUSHI RESTAURANT (GINA'S POPCORN)
8.	RED CANOPY CAFE (ALEMAK) (CAWANGAN THE MALL FOOD COURT)
9.	BAN3 MAKCIK KOPITIAM
10.	98TASTE RESTAURANT
11.	AT-TAQWA TRAVEL TOURS SDN BHD (QAHWA BY AT-TAQWA)
12.	DE' PATOI RESTAURANT (FKA: RESTAURANT DE' PATOI)
13.	TEA GRAB COMPANY (WEDRINK) (CAWANGAN TUTONG)
14.	DELICIOUS JO FOOD (AUNTIE ANNE'S) (CAWANGAN HUA HO MANGGIS)
15.	CYAWA RESTAURANT
PERMIT	
1.	MONAHANA ENTERPRISE (CAWANGAN MENTIRI)
2.	BMC FOOD INDUSTRIES SDN BHD (CAWANGAN LAMBAK KANAN WEST INDUSTRIAL PARK)

TAHUKAH AWDA?

APA ITU TENAGA SURIA?

- Tenaga suria adalah salah satu tenaga yang boleh diperbaharui yang dijana oleh matahari.
- Cahaya matahari ditukar kepada tenaga elektrik melalui alat yang dikenali sebagai panel solar fotovoltaik.

Terdapat 3 jenis sistem tenaga suria

ATAS GRID	LUAR GRID	HIBRID
Bersambung dengan grid utiliti.	Bergantung kepada panel solar dan bateri sahaja.	Gabungan sistem penyimpanan tenaga elektrik melalui bateri dengan grid.

TAHUKAH AWDA?

Dengan sistem atas grid, sebarang kelebihan tenaga elektrik yang awda dihasilkan boleh dieksport kembali ke grid utiliti melalui Program **Net-metering**.

www.energy.gov.bn | renewable.energy@energy.gov.bn | +673 2384488 ext 3271

Senarai premis makanan diberikan Sijil Halal, permit

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama

PERMOHONAN MEMBAHARUI SIJIL HALAL	
1.	MONAHANA ENTERPRISE (CAWANGAN MENTIRI)
2.	KAIZ CUISINE (SUSHI TEI) (CAWANGAN ONE CITY)
3.	KHAZ CORNER DELIGHT RESTAURANT (CAWANGAN RIMBA)
4.	MODESTO BISTRO & GRILL (DAPUR PENYET RESTAURANT) (CAWANGAN DELIMA SATU)
5.	MR BAKER'S BAKESHOP (CAWANGAN MABOHAI)
6.	MR BAKER'S BAKESHOP (CAWANGAN ONE RIVERSIDE)
7.	MR. BAKERS CAFE (CAWANGAN SUMBILING)
8.	MR BAKER'S BAKESHOP (CAWANGAN SENGKURONG)
9.	SINGA CHICKEN RICE SDN BHD (CAWANGAN THE MALL)
10.	SYARIKAT HJH ROSNI BINTI ISMAIL DAN ANAK-ANAK (CAWANGAN BENGKURONG)
11.	LITTLE HOTPOT RESTAURANT
12.	ABDUL RAZAK HOLDINGS (RIZQUN COFFEE HOUSE)
13.	AYAMKU SEAFOOD RESTAURANT (CAWANGAN KG LAMBAK B)
14.	CASBAH (CAWANGAN BERAKAS)
15.	CASBAH (CAWANGAN LAMBAK COMPLEX)
16.	CASBAH (CAWANGAN BERAKAS)
17.	FA'SPORT CAFE (CAWANGAN BATU BESURAT)
18.	SYARIKAT HAJAH ROSNI BINTI HAJI ISMAIL DAN ANAK-ANAK (CAWANGAN MULAUT)
19.	ARANDA CAFE (CAWANGAN JERUDONG)
20.	ARANDA CAFE (CAWANGAN SENGKURONG)
21.	MAWAR RIA CAFE (CAWANGAN AMAN HILLS)
22.	HUAT KEE KOPITIAM (CAWANGAN BATU BESURAT)
23.	GWAD BASHA ARABIAN RESTAURANT & CATERING SDN BHD (CAWANGAN KIARONG)
PERMIT	
1.	ROYAL BRUNEI CATERING SDN BHD (ROYAL BRUNEI CULINARY) (CENTRAL KITCHEN)
2.	CHITOSE ALGAE FARM SDN BHD
3.	KS FOOD INDUSTRIES

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 18 Mac. - Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah sukacita memaklumkan bahawa bagi bulan Februari 2026, beberapa premis makanan di negara ini telah diluluskan dan diberikan Sijil Halal dan/atau Permit oleh Majlis Ugama Islam Brunei sama ada bagi Permohonan Baharu atau Permohonan Membaharui seperti di dalam rajah.

Senarai premis makanan yang telah diluluskan dan diberikan Sijil Halal dan/atau Permit oleh Majlis Ugama Islam Brunei sama ada bagi Permohonan Baharu atau Permohonan Membaharui adalah seperti di dalam rajah.

Bagi mendapatkan senarai

lengkap premis makanan di seluruh negara yang telah diberikan Sijil Halal atau Permit oleh Majlis Ugama Islam Brunei, orang ramai bolehlah melayari laman sesawang rasmi Kementerian Hal Ehwal Ugama www.mora.gov.bn atau instagram

Bahagian Kawalan Makanan Halal @[halal.bn](https://www.instagram.com/halal.bn) dari semasa ke semasa.

Sebarang pertanyaan, bolehlah menghubungi melalui Whatsapp di talian +673 7103111 atau e-mel kepada bkmh@mora.gov.bn.

KLM LANJUTKAN PENANGGUHAN PENERBANGAN KE DUBAI, RIYADH DAN DAMMAM HINGGA 17 MEI



ISTANBUL, 20 Mac. - KLM Royal Dutch Airlines pada Khamis berkata syarikat itu tidak akan menyambung semula penerbangan ke Dubai, Riyadh dan Dammam sehingga 17 Mei, dengan alasan pertimbangan keselamatan susulan perang Amerika Syarikat-Israel di Iran yang masih berterusan.

Menurut Anadolu Ajansi, syarikat penerbangan Belanda itu berkata keselamatan penumpang dan anak kapal kekal sebagai keutamaan utama serta mereka terus memantau rapat situasi berkenaan sambil berhubung dengan pihak berkuasa berkaitan. Sebelum ini, syarikat itu mengumumkan penggantungan penerbangan ke Dammam, Riyadh dan Dubai sehingga 28 Mac, serta ke Tel Aviv sehingga 11 April. Langkah itu dibuat ketika beberapa syarikat penerbangan antarabangsa utama turut

melanjutkan penangguhan penerbangan ke destinasi utama di Teluk susulan ketegangan keselamatan serantau yang berterusan. British Airways, Cathay Pacific dan Aegean Airlines antara syarikat penerbangan yang melanjutkan penggantungan ke beberapa hab Teluk sehingga sekurang-kurangnya April atau Mei, manakala Eurowings melanjutkan beberapa pembatalan sehingga akhir Jun. KLM tidak mendedahkan jumlah penerbangan atau penumpang yang terjejas akibat penangguhan lanjutan itu. - ©BERNAMA

13 terkorban, lebih 9,000 isi rumah terjejas banjir dan hujan lebat di Malawi

LILONGWE, 20 Mac. - Sekurang-kurangnya 13 orang terkorban dan 35 lagi cedera selepas hujan lebat serta banjir melanda Malawi antara 15 hingga 18 Mac, menurut Jabatan Pengurusan Bencana Hal Ehwal (DoDMA) negara itu pada Khamis, lapor Xinhua.

Dalam kemas kini yang ditandatangani oleh Pesuruhjaya Hal Ehwal Pengurusan Bencana Wilson Moleni, jabatan itu memaklumkan sejumlah 9,598 isi rumah terjejas, manakala 128 isi rumah dipindahkan.

Kebanyakan kematian berpunca daripada rumah runtuh atau kejadian banjir, katanya.

Sementara itu, beberapa jalan di beberapa majlis kawasan terjejas tidak lagi boleh dilalui selepas jambatan dan sebahagian jalan dihanyutkan arus,

menurut jabatan berkenaan.

Jabatan itu berkata 12 kem pemindahan telah diwujudkan di enam majlis kawasan bagi menempatkan serta memberi bantuan kepada isi rumah terjejas.

Pada 21 Feb, DoDMA dalam laporan menyatakan sekurang-kurangnya 46 orang telah terkorban sejak bermulanya musim hujan 2025/2026 pada November 2025.

Jabatan itu turut merayu kepada rakan pembangunan, pertubuhan bukan kerajaan tempatan dan antarabangsa serta sektor swasta untuk menyokong usaha tindak balas melalui bantuan barangan keperluan, sumber kewangan, bantuan teknikal serta operasi mencari dan menyelamat. - ©BERNAMA

Dua maut bangunan dalam pembinaan runtuh di Kenya

NAIROBI, 19 Mac. - Sekurang-kurangnya dua pekerja maut manakala beberapa lagi cedera selepas bangunan dalam pembinaan runtuh dalam kejadian berasingan di Nairobi dan di Daerah Kericho, lapor Xinhua memetik pihak berkuasa pada Khamis.

Komander Polis Daerah Nairobi Issa Mohamud berkata insiden terbaharu berlaku pada Rabu malam di kawasan Westlands di Nairobi, apabila bahagian atas sebuah bangunan 22 tingkat runtuh sebahagiannya, menyebabkan seorang pekerja maut.

"Siasatan sedang dijalankan untuk mengenal pasti punca

runtuhan. Semua pekerja di lokasi telah dikenal pasti," katanya.

Beliau turut memaklumkan bahawa pihak berkuasa tempatan sedang menyasat mengapa kerja pembinaan masih dijalankan pada waktu malam.

Daripada empat pekerja yang terlibat, dua berjaya menyelamatkan diri tanpa kecederaan, seorang diselamatkan dalam keadaan cedera, manakala seorang lagi meninggal dunia akibat kecederaan yang dialami dalam runtuhan itu, tambahnya.

Pasukan kecemasan, termasuk anggota Palang Merah Kenya, bekerja sepanjang malam untuk mengawal lokasi kejadian dan

menjalankan operasi menyelamat, serta berjaya mengesan mereka yang dipercayai terperangkap di bawah runtuhan.

Insiden itu berlaku beberapa jam selepas satu lagi tragedi berasingan di Daerah Kericho, apabila sebuah bangunan dalam pembinaan turut runtuh, mengorbankan seorang dan mencederakan beberapa yang lain.

Pesuruhjaya Daerah Kericho Jeremiah Gicheru mengesahkan bahawa empat pekerja berjaya diselamatkan dan dikejarkan ke Hospital Rujukan Daerah Kericho untuk menerima rawatan. - ©BERNAMA

Argentina rasmi tarik diri daripada WHO

BUENOS AIRES, 18 Mac. - Argentina secara rasmi menarik diri daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada Selasa, kata Menteri Luar Pablo Quirno.

Beliau berkata dalam hantaran di media sosial bahawa Argentina memaklumkan keputusan itu menerusi satu nota yang dihantar kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 17 Mac 2025.

Selaras dengan Konvensyen Vienna mengenai Undang-Undang Perjanjian, penarikan diri itu berkuat kuasa setahun selepas notifikasi berkenaan.

"Negara kami akan terus menggalakkan kerjasama antarabangsa dalam bidang kesihatan menerusi perjanjian dua hala dan forum serantau, sambil memelihara sepenuhnya kedaulatan serta keupayaan untuk membuat keputusan berkaitan dasar kesihatan," kata Quirno.

Kerajaan Argentina mengumumkan keputusan untuk menarik diri daripada badan kesihatan global itu pada Februari tahun lalu.

Jurucakap Presiden Manuel Adorni berkata dalam satu sidang media ketika itu bahawa Presiden

Javier Milei telah mengarahkan menteri luar Argentina untuk menarik penyertaan negara itu daripada agensi khusus PBB berkenaan.

Jurucakap itu berkata keputusan berkenaan "memberikan negara fleksibiliti yang lebih besar untuk melaksanakan dasar yang disesuaikan dengan konteks dan kepentingan yang diperlukan Argentina, selain meningkatkan ketersediaan sumber, serta mengukuhkan hala tuju ke arah negara berdaulat termasuk dalam hal ehwal kesihatan". - ©BERNAMA

Jerman tolak cadangan misi Eropah lindungi kapal di Selat Hormuz

BERLIN, 18 Mac. - Menteri Luar Jerman pada Selasa menolak idea mengenai misi ketenteraan Eropah yang bebas untuk melindungi kapal dagang di Selat Hormuz, dengan menyatakan bahawa pasukan Eropah kekurangan keupayaan yang diperlukan, lapor Anadolu Ajansi (AA).

"Saya tidak percaya Eropah patut mengambil langkah bersendirian dalam hal ini," kata Menteri Luar Johann Wadepuhl pada sidang media di Berlin ketika ditanya sama ada negara-negara Eropah boleh

melancarkan operasi sendiri bagi melindungi kepentingan ekonomi mereka.

"Saya berpendapat ia tidak masuk akal, sekurang-kurangnya bagi Kerajaan Jerman. Jika angkatan tentera Amerika Syarikat (AS) tidak mampu menyediakan keselamatan ketenteraan, maka pasukan Eropah juga berkemungkinan besar tidak mampu melakukannya," kata Wadepuhl.

Diplomat tertinggi Jerman itu turut menolak kemungkinan Eropah mengadakan rundingan perjanjian

berasingan dengan Iran bagi menjamin laluan selamat untuk kapal-kapal Eropah.

Beliau berkata Berlin mahu konflik semasa dihentikan secepat mungkin dan sedang menunggu AS serta Israel memuktamadkan objektif ketenteraan mereka, sekali gus membuka jalan kepada rundingan diplomatik.

"Akhir sekali, pelayaran selamat di rantau ini hanya boleh dijamin dalam rangka kerja seni bina keselamatan baharu, dan itulah yang perlu kita usahakan," kata Wadepuhl sambil

Republik Rakyat China sedia tingkatkan kerjasama dengan Turkmenistan dalam sektor gas asli, perdagangan

BEIJING, 19 Mac. - Presiden Republik Rakyat China, Xi Jinping mengadakan pertemuan dengan Pemimpin Nasional Rakyat Turkmen merangkap Pengerusi Halk Maslahaty Turkmenistan, Gurbanguly Berdimuhamedov di Beijing pada Rabu.

Xi menyatakan bahawa 'dua sesi' Republik Rakyat China yang diadakan baru-baru ini telah meluluskan garis panduan Rancangan Lima Tahun Ke-15 bagi pembangunan ekonomi dan sosial.

Beliau berkata pelaksanaan garis panduan itu akan meletakkan asas kukuh bagi usaha China mewujudkan modenisasi sosialis, sekali gus menyediakan lebih banyak peluang kepada dunia.

Menurut Xi, Republik Rakyat China dan Turkmenistan perlu memperluas kerjasama dalam sektor gas asli, meningkatkan taraf perdagangan dan pelaburan, selain memperkasakan kerjasama kedua-dua negara dalam bidang bukan sumber seperti kesalinghubungan, pertanian, Kecerdasan Buatan (AI), ekonomi digital dan tenaga bagi membina model kerjasama menyeluruh yang baharu.

Sementara itu, Berdimuhamedov dalam pertemuan itu merakamkan penghargaan atas sokongan Republik Rakyat China terhadap status berkecuali berkekal Turkmenistan, di samping menyanjung empat inisiatif global yang diperkenalkan Presiden Xi serta memuji pendirian adil Republik Rakyat China dalam urusan antarabangsa.

Beliau berkata Turkmenistan bersedia untuk memperkukuh koordinasi dan kerjasama dengan Republik Rakyat China melalui platform pelbagai hala seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan mekanisme Republik Rakyat China-Asia Tengah bagi bersama-sama memelihara keamanan dan kestabilan serantau dan dunia. - ©BERNAMA

UK salur bantuan kemanusiaan tambahan US\$13.3 juta kepada Lubnan

MOSCOW, 18 Mac. - United Kingdom (UK) akan menyalurkan tambahan £10 juta (US\$13.3 juta) sebagai bantuan kemanusiaan kepada Lubnan, lapor Sputnik/RIA Novosti yang memetik Setiausaha Luar UK Yvette Cooper.

Minggu lepas, Cooper berkata London akan memperuntukkan lebih £5 juta sebagai bantuan kemanusiaan kepada Lubnan.

"Hari ini, saya boleh mengumumkan tambahan £10 juta bagi sokongan kemanusiaan untuk menyediakan rawatan perubatan kecemasan, tempat perlindungan serta bantuan menyelamatkan nyawa lain di Lubnan dan rantau itu. Ini akan membantu mencegah pemindahan penduduk selanjutnya dan ketidakstabilan yang boleh meningkatkan masalah serantau serta memberi kesan lebih luas kepada negara lain di luar rantau ini," kata Cooper kepada Parlimen pada Selasa.

Pada awal Mac, Hizbullah menyambung semula operasi ketenteraan aktif terhadap Israel susulan pembunuhan Pemimpin Agung Republik Islam Iran Ali Khamenei. Sebagai tindak balas, tentera Israel melancarkan serangan intensif ke atas pinggir selatan Beirut serta puluhan bandar dan pekan di selatan dan timur Lubnan.

Menurut angka rasmi, 826 orang terbunuh, lebih 2,000 cedera, dan lebih 800,000 penduduk terpaksa meninggalkan kediaman mereka. - ©BERNAMA

menambah bahawa ini memerlukan perbincangan dengan negara-negara di rantau berkenaan.

Sudah tentu, dalam susunan

pasca perang, kami juga bersedia untuk menggalas tanggungjawab bagi memastikan jaminan ini berterusan," katanya.

- ©BERNAMA



SEMANGAT JUANG TINGGI JADI IDENTITI EE WEI

KUALA LUMPUR, 20 Mac. - Pemain beregu campuran sensasi negara Toh Ee Wei berkata semangat juang tinggi menjadi senjata utamanya untuk terus bersaing secara kompetitif dalam kelompok 10 pasangan terbaik dunia.

Walaupun mengakui jurang pengalaman yang ketara, pemain berusia 24 tahun itu percaya faktor tersebut menjadi kelebihan

yang membezakan kualiti permainannya apabila menghadapi lawan lebih berpengalaman.

"Saya bukan pemain yang sangat berpengalaman berbanding mereka tetapi saya sentiasa memberikan yang terbaik dalam setiap perlawanan. Semangat juang di gelanggang kekuatan utama saya," katanya ketika ditemui pada sesi latihan di

Akademi Badminton Malaysia (ABM) di Bukit Kiara hari ini.

Dalam masa sama, beliau tidak mahu terburu-buru mengejar kejayaan di pentas antarabangsa, sebaliknya mahu memberi fokus kepada konsistensi bersama pasangan Chen Tang Jie.

Mengulas penyingkiran awal pada kejohanan All England dua minggu lepas, Ee Wei berkata kekalahan itu menjadi peringatan

agar tidak memandang rendah cabaran apa juga kejohanan, walaupun telah bergelar juara dunia.

Ee Wei berkata mereka menerima keputusan itu dengan hati terbuka kerana telah memberikan sepenuh usaha sepanjang perlawanan.

"Kita tidak boleh beri alasan tentang pengalaman. Saya perlu belajar daripada setiap

perlawanan dan kejohanan. Walaupun kalah, kami tetap menunjukkan semangat pantang menyerah seperti di All England.

"Persaingan beregu campuran kini sangat terbuka. Kita dapat lihat juara juga datang dari Taiwan dan ramai pemain utama tewas. Kami perlu terus bekerja keras," katanya yang kini menduduki *ranking* keempat dunia bersama Tang Jie. - ©BERNAMA

MAS perkenal MOT, MAP untuk perkukuh pembangunan dan prestasi renang kebangsaan

KUALA LUMPUR, 19 Mac. - Akuatik Malaysia (MAS) melancarkan sistem Malaysia On Track (MOT) Times dan Malaysia Age Points (MAP), sebuah rangka kerja berasaskan data baharu direka untuk mengenal pasti, memantau dan membangunkan perenang negara yang berpotensi untuk mencapai kejayaan di peringkat antarabangsa.

MAS dalam kenyataan memaklumkan ini kali pertama Malaysia mempunyai sistem penanda aras prestasi disusun secara saintifik yang membolehkan perenang, jurulatih dan pentadbir menjejak perkembangan atlet secara objektif serta menentukan sama ada seorang perenang sedang berkembang ke arah tahap prestasi mencapai podium Sukan SEA.

Pengenalan MOT dan MAP menandakan satu langkah penting dalam memperkukuh laluan renang berprestasi tinggi Malaysia serta memastikan pembangunan atlet dan pemilihan pasukan kebangsaan dijalankan berdasarkan kriteria yang telus dan berasaskan bukti.

"Sistem MOT menyediakan masa penanda aras mengikut umur dari 15 hingga 23 tahun, membolehkan perenang menilai sama ada trajektori prestasi mereka sejajar dengan kejayaan antarabangsa.

"Bagi acara pecut seperti renangan 50 meter, penanda aras MOT hanya digunakan bagi umur 18 hingga 23 tahun kerana prestasi pada usia lebih muda secara amnya bukan penunjuk

tepat

yang boleh dipercayai bagi kejayaan antarabangsa peringkat senior," kata MAS.

Kenyataan itu juga menyebut bahawa sistem MOT akan menjadi alat rujukan penting untuk pemilihan dan pemantauan perenang dalam laluan pasukan kebangsaan Malaysia, termasuk program Pelapis dan Podium.

Sistem MOT dan MAP dibangunkan di bawah pimpinan Pengarah Teknikal MAS, Megan Oesting yang menyertai Akuatik Malaysia pada 2024 untuk memperkukuh struktur berprestasi tinggi dan laluan pembangunan atlet bagi persatuan sukan itu.

Sementara itu, Setiausaha Agung MAS Andy Low dalam kenyataan yang sama berkata pengenalan sistem MOT menandakan satu pencapaian penting dalam memodenkan laluan pembangunan renang Malaysia.

"Dengan melaksanakan rangka kerja yang telus dan berasaskan data, kita dapat mengenal pasti dan menyokong atlet yang berpotensi untuk berjaya di peringkat tertinggi pertandingan antarabangsa.

"Sistem ini menyediakan rujukan jelas kepada perenang dan jurulatih di seluruh negara untuk menilai sama ada mereka sedang berkembang ke arah tahap podium Sukan SEA, sambil memastikan sumber kebangsaan dilaburkan secara strategik kepada atlet yang menunjukkan potensi jangka panjang terbesar," katanya. - ©BERNAMA

Senegal bakal fail rayuan ke CAS selepas dilucutkan gelaran juara AFCON

ISTANBUL, 19 Mac. - Persekutuan Bola Sepak Senegal (FSF) mengesahkan pada Rabu, ia akan memfailkan rayuan kepada Mahkamah Timbang Tara Sukan (CAS) selepas gelaran Juara Piala Negara-Negara Afrika (AFCON) 2025 miliknya ditarik balik, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Dalam satu kenyataan, persekutuan itu menyifatkan keputusan terbaharu itu sebagai "tidak adil, tidak pernah berlaku sebelum ini dan tidak boleh diterima", selain mendakwa tindakan sedemikian mencemarkan reputasi keseluruhan bola sepak Afrika.

"Bagi mempertahankan hak serta kepentingan bola sepak Senegal, persekutuan akan memfailkan rayuan kepada CAS di Lausanne secepat mungkin," katanya.

Perlawanan akhir yang berlangsung pada 18 Januari di Rabat, Maghribi, menyaksikan Senegal menang 1-0 dalam masa tambahan selepas berlaku

kekecohan pada penghujung masa perlawanan sebenar.

Pemain Senegal bertindak meninggalkan padang sebagai tanda protes selepas Maghribi dianugerahkan sepakan penalti ketika perlawanan masih terikat tanpa jaringan.

Selepas tertangguh lebih 15 minit, perlawanan akhirnya disambung semula dan Senegal berjaya menjaringkan gol kemenangan pada waktu tambahan.

Persekutuan Bola Sepak Maghribi kemudiannya memfailkan rayuan mencabar keputusan itu dengan berhujah bahawa tindakan pemain Senegal keluar padang merupakan satu pelanggaran peraturan kejohanan.

Lembaga Rayuan Konfederasi Bola Sepak Afrika (CAF) menerima rayuan itu dan membatalkan keputusan tatatertib terdahulu, sekali gus mengisytiharkan Senegal kalah secara lucut hak dan memberikan kemenangan 3-0 kepada Maghribi. - ©BERNAMA

Tahukah Awda

PERBADANAN TAIB dilancarkan secara rasmi pada 29 September 1991 yang telah disempurnakan dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkuah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Pada masa penubuhannya, Perbadanan TAIB merupakan peneraju di Negara Brunei Darussalam sebagai institusi kewangan pertama yang menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan selaras dengan prinsip-prinsip Islam.

SUMBER : Pelita Brunei, September 2025.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

TERUSLAH MELANGKAH DI JALAN IBADAH